

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 53

Rabu

13 Oktober 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2005

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.27

(Halaman 26)

Maksud B.28

(Halaman 120)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2005

Jawatankuasa:-

Maksud P.27

(Halaman 26)

Maksud P.28

(Halaman 120)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 13 September 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)]

mempengerusikan Mesyuarat

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Loh Seng Kok [Kelana]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan sejauh manakah aplikasi dan jenis-jenis teknologi penderiaan jauh (*remote sensing*) digunakan di negara kita. Apakah rancangan untuk memperkembangkan penggunaan teknologi ini di negara kita dan halangan-halangan yang dihadapi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, menyedari potensi besar kegunaan teknologi *remote sensing* bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pembangunan sosioekonomi, pengurusan sumber asli, alam sekitar, bencana alam dan perancangan strategik keselamatan di negara ini kerajaan telah menubuhkan pusat *remote sensing* negara ataupun *MACRES* di bawah MOSTI yang boleh beroperasi pada tahun 1990 bagi menerajui pembangunan dan penggunaan teknologi ini dan teknologi-teknologi lain yang berkaitan seperti *special data analysis and modeling* dan juga *global processing system* - GPS di bawah kawalan selia Jawatankuasa *Remote Sensing National* - JKRSN yang diterajui oleh MOSTI dan di anggotai oleh 12 kementerian yang mewakili agensi-agensi pengguna *remote sensing* kerajaan, *MACRES* melaksanakan program pembangunan teknologi ini dengan secara yang sistematik dan bersepadu mulai tiga segmen iaitu :

- (i) Segmen pengguna yang memberi penekanan kepada pembangunan tenaga kerja mahir dan terlatih untuk membolehkan negara mengoperasikan teknologi ini dalam pelbagai....
- (ii) Segmen bumi yang melibatkan pembinaan stesen bumi di Temerloh, Pahang yang telah pun mula menerima data-data

satelit (*remote sensing*) terkini iaitu radar set daripada Kanada, sport dari Peranchis dan NOA dari Amerika Syarikat secara berterusan bagi memenuhi keperluan operasional negara;

- (iii) Segmen angkasa iaitu berseepadu peringkat nasional yang memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti negara dalam pembinaan satelit *remote sensing* dan juga *cursor*.

Usaha-usaha yang dijalankan tersebut telah berjaya meningkatkan penggunaan teknologi berkenaan di agensi-agensi pengguna kerajaan termasuk Jemaah Menteri dan juga pihak kerajaan negeri dan swasta bagi berbagai tujuan spesifik seperti berikut:

- (i) Adalah dalam kerja-kerja pemetaan negara topografi, guna tanah, inventori hutan negara dan juga geologi dan juga mineral;
- (ii) Perancangan dan pengurusan sumber asli negara seperti hutan, paya, tanah lembap dan kepelbagaian biologi air, air bawah tanah, geologi dan juga mineral;
- (iii) Pembangunan pertanian, perikanan dan marin;
- (iv) Pengesanan status pembangunan dan alam sekitar yang meliputi pengesanan, pencemaran dan aktiviti-aktiviti negatif di kawasan-kawasan perlindungan seperti pembalakan haram di hutan simpan dan kawasan tadahan air, pembangunan di kawasan tanah tinggi, kawasan lipur, kawasan paya dan sebagainya;
- (v) Perancangan dan pemantauan dan projek-projek pembangunan kawasan tanah dan infrastruktur termasuk pulau-pulau;
- (vi) Pengurusan bencana seperti kebakaran hutan, kejadian banjir dan tanah runtuh;
- (vii) Penyeliaan maklumat strategik keselamatan pertahanan dan kedaulatan negara.

Rancangan masa depan teknologi *remote sensing* adalah pembangunan teknologi *remote sensing* akan diteruskan dengan tumpuan kepada hasrat kerajaan untuk memastikan pembangunan teknologi tinggi di negara ini dapat dimanfaatkan secara terus kepada semua golongan rakyat khususnya bagi meningkatkan taraf dan kualiti hidup golongan rakyat luar bandar, para petani dan nelayan negara. Bagi tujuan

ini MOSTI telah pun memulakan usaha-usaha memperluaskan pembangunan pakej-pakej implikasi teknologi ini bagi tujuan-tujuan perladangan persis iaitu perladangan yang memberikan produk yang tinggi, ramalan hasil padi, ramalan ikan, *environmental help*, pengurusan sumber kepelbagaian, teknologi negara, kawasan tadahan air dan pentadbiran tanah.

Bagi memastikan teknologi ini dapat terus menyumbang dengan lebih berkesan kepada pembangunan negara MOSTI melalui *MACRES* akan terus melaksanakan program pembangunan tenaga manusia peringkat asas dan ijazah lanjutan bagi memenuhi keperluan pegawai yang mahir dan terlatih yang pada masa ini belum lagi mencukupi.

Usaha-usaha pembangunan infrastruktur juga sedang diteruskan di mana sekarang ini *MACRES* sedang membangunkan sistem *remote sensing* udara yang di antara lain diperlukan bagi memberi data-data terkini bagi tujuan pengurusan bencana dan perkhidmatan negara termasuklah untuk tujuan mencari dan juga menyelam. Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan yang diberikan oleh pihak kementerian jelas menunjukkan bahawa penggunaan *remote sensing* ini amat luas penggunaannya. Dengan itu kepada kementerian-kementerian sejak tahun 90'an telah pun menubuhkan Pusat *Remote Sensing* Negara - *MACRES*. Akan tetapi, dari jawapan juga kita telah lihat bahawa pelbagai aspek yang cuba di *cover* oleh kementerian tentang penggunaan *remote sensing* ini, cuma ada beberapa aspek ini yang hendak minta penjelasan dari pihak kementerian iaitu sejauh manakah *remote sensing* telah membantu bidang perikanan seperti mana yang telah dijelaskan oleh pihak kementerian bahawa ada boleh membuat ramalan ikan di kawasan lautan, sejauh manakah pihak nelayan-nelayan dapat menggunakan alat-alat ini yang dapat memberi bantuan kepada pihak – dengan penggunaan *remote sensing* untuk menambahkan hasil penangkapan ikan dan juga dari segi guna tanah sebagainya. Baru-baru ini kita melihat juga adanya keruntuhan – *landslide* di Gua Tempurung lagi. Dengan itu *remote sensing* juga boleh digunakan untuk mengkaji dari segi guna tanah, apakah *remote sensing* diperkenalkan untuk bagi pihak kemajuan untuk melihat dari segi guna tanah itu supaya alam sekitar ini dapat dijaga supaya tidak adanya kemalangan-kemalangan yang berlaku dari segi

keruntuhan tanah dan sebagainya. Itulah dua aspek yang hendak saya bangkitkan walaupun tadi pihak kementerian ada menjawab bahawa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok: Digunakan untuk penyelamatan, keselamatan mencari helikopter-helikopter yang terhempas. Sejauh manakah dapat dipertingkatkan lagi usaha-usaha penggunaan *remote sensing* ini. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat, dalam ramalan ikan sebenarnya kita sedang membangunkan beberapa stesen ataupun port yang mana daripada stesen *remote sensing* dapat memberikan maklumat-maklumat di manakah di kawasan pendalaman air yang mempunyai daripada kumpulan-kumpulan ikan yang mana nelayan sebelum turun ke laut dapat menggunakan kemudahan di stesen ini untuk melihat di mana dan di kawasan mana terdapatnya kumpulan-kumpulan ikan dan jikalau nelayan-nelayan kita berkemampuan kita sendiri boleh mempunyai radar untuk penerima di dalam kapal-kapal nelayan mereka sendiri, jadi melalui satelit ini mereka boleh *just lock-on* kepada sistem di dalam kapal mereka, mereka boleh dapat melihat di mana kawasan-kawasan yang mempunyai kumpulan-kumpulan ikan.

Tetapi saya jangka untuk kos ini adalah nelayan perlukan kos yang tinggi untuk mempunyai kemudahan kapal yang mempunyai sistem satelit dan sebagainya. Jadi bagi kerajaan, kerajaan akan menyediakan beberapa pelabuhan, nelayan yang mempunyai kemudahan *remote sensing* yang mempunyai komputer yang nelayan boleh log dan boleh melihat di mana kawasan kumpulan-kumpulan ikan.

Yang kedua, berkaitan dengan ramalan daripada kawasan-kawasan yang kritikal terutamanya mungkin berlaku keruntuhan tanah dan sebagainya. Kemudahan yang ada di MACRES, memang boleh mencapai itu, jadi jikalau jabatan-jabatan ataupun kementerian-kementerian ingin menggunakan kemudahan-kemudahan itu dan memaklumkan kawasan mana yang selalu perlu didedahkan kepada untuk mendapatkan dia punyai geologi ataupun geografi GIS, jadi data-data itu boleh didapati dan ramalan-ramalan yang agak tepat boleh diberikan. Jadi ini bergantung kepada keperluan daripada jabatan-jabatan itu sendiri. Bagi MOSTI kita adalah memberikan data-data secara lebih menyeluruh, sebagai contohnya jikalau ada mana-mana Ahli Parlimen ingin untuk mendapatkan data daripada topografi daripada kawasan Parlimen

dia sendiri dengan *resolution* yang begitu baik kita boleh memberikan topografi itu tanpa ada masalah. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, mengikut jawapan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan tentang itu GPS system – geographical position system. Soalan saya ialah teknologi yang *remote sensing* yang terkini ini membuktikan berjaya menyekat kecurian kenderaan, sebab sudah ada contoh baru-baru ini kenderaan saya dicuri dan dikesan dalam masa yang singkat. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah langkah kementerian untuk memperluaskan pemakaian teknologi ini di kalangan rakyat supaya apa jua jenis kecurian atau rompakan boleh dapat dihindarkan di peringkat awal sebab ini sistem saya rasa yang amat berkesan, boleh kesan kereta di mana-mana tempat, di mana jalan di mana taman dalam masa yang singkat. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Setahu saya dalam perancangan kerajaan belum ada lagi rancangan seperti untuk menggunakan aplikasi ini, tetapi kalau kita tengok di negara-negara maju pengendali daripada sistem ini adalah sebenarnya *private sector*. Tetapi JPS daripada *mechanist* boleh membantu kalau ada daripada pihak-pihak swasta ingin melaksanakan program seperti ini untuk mendapatkan bantuan dan data-data daripada sistem kita, memang boleh kita laksanakan tetapi tentulah kementerian akan caj dalam bentuk perkhidmatan dan sebagainya.

Kemudahan yang ada sekarang adalah untuk kegunaan-kegunaan bagi yang telah dinyatakan iaitu untuk topografi daripada kawasan hutan, kawasan banjir dan sebagainya. Jadi, dalam bentuk kecurian ini, saya rasa tidak ada masalah sistem kita boleh melaksanakannya tetapi mestilah ada pengendalinya seperti *cellular phone* yang bertanggungjawab untuk mengendalikan dan mereka boleh memberi data dan caj akan dikenakan kepada syarikat berkaitan.

2. **Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah kereta mewah yang dibawa masuk secara haram telah disita oleh Kastam Diraja Malaysia dari tahun 1999 hingga 2004 mengikut negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bilangan

kereta mewah yang dibawa masuk secara haram dan telah disita oleh Kastam Diraja Malaysia bagi tahun 1999 hingga 2004 adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah kereta
1999	254
2000	1,011
2001	1,213
2002	1,738
2003	1,255
2004 (Sept)	497

Tuan Yang di-Pertua, saya ada angka daripada 1999 sehingga 2003 mengikut negeri di sini. Saya cuma menjelaskan antara negeri yang paling banyak terdapat di mana kereta disita oleh kastam iaitu di Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan juga Johor dan hari ini di Melaka sudah semakin meningkat.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Melihat kepada data-data yang diberi ini kita mendapati bahawa banyak kenderaan mewah ini dibawa masuk ke dalam negara kita. Saya ingin tahu bagaimanakah kereta-kereta ini boleh dibawa masuk ke negara ini? Apakah pintu-pintu masuk negara kita ini mudah dibolosi oleh pihak-pihak tertentu dan saya mendapati juga ada di antara kereta-kereta ini sudah pun didaftarkan dengan pihak-pihak berkenaan iaitu pihak Jabatan Pengangkutan Jalan? Saya juga ingin tahu juga bagaimanakah cara-cara kereta ini dilupuskan dan berapa kali pelupusan dibuat dalam tempoh setahun? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, modus operandi penyeludupan masuk kereta-kereta mewah ini adalah berbagai-bagai – ada banyak sebab dan banyak cara:

- (i) menggunakan AP palsu ataupun AP yang diclonkan;
- (ii) menggunakan double invoicing sama ada secara pakatan dengan consignor atau dibuat sendiri. Invoice yang mempunyai harga rendah dikemukakan kepada pihak kastam. Dengan ini duti yang sepatutnya dikenakan dapat dielakkan;
- (iii) mengemukakan kepada kastam geran palsu untuk menipu model kereta dan tahun kenderaan diperbuat dengan tujuan

- supaya dapat membayar duti yang rendah oleh kerana duti kastam berasaskan usia kereta dan kuasa kuda;
- (iv) di bawah Item 21 Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988, kenderaan pendaftaran luar negara dibenarkan dipandu masuk ke Malaysia dengan dikecualikan daripada membayar duti dan dikenakan syarat AP bagi tempoh tidak melebihi 90 hari bagi satu masa. Kemudahan ini telah disalahgunakan oleh para penyeludup di mana kenderaan pendaftaran Brunei dan khususnya kereta mewah daripada Singapura yang berusia lebih lima tahun dipandu masuk dari negara tersebut ke negara ini melalui pintu masuk sah negara tetapi tidak keluar semula selepas beberapa hari. Kenderaan tersebut sebaliknya dilupuskan di Malaysia dengan menyalahi undang-undang dan pembeli-pembeli sangat tertarik untuk membeli kereta-kereta ini dengan harga yang tersangat rendah jika dibandingkan dengan pasaran sebenar.

Selain daripada itu, kenderaan disorok dalam kontena semasa import dan diikrarkan secara *fraud* kepada kastam dengan tujuan mengelakkan syarat AP dan bayaran duti. Kenderaan import dibawa keluar dari kawasan kastam sama ada di pelabuhan, di gudang berlesen atau *showroom* tanpa AP dan bayaran duti sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, kenderaan-kenderaan yang telah didaftarkan di pulau bebas cukai seperti Labuan dan Langkawi tetapi belum dibayar duti masuk ke kawasan utama kastam melalui pintu keluar yang sah tetapi tidak kembali semula ke pulau bebas cukai sebagaimana yang disyaratkan di bawah Item 21A Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988.

Tuan Yang di-Pertua, pelupusan memang dibuat dari masa ke semasa, dan pada tahun ini telah dibuat di Pulau Pinang di mana tawaran itu dibuat untuk seluruh negara. Mereka yang berminat memang pergi ke Pulau Pinang dan dia boleh melihat kereta-kereta ini di mana-mana negeri yang dia berminat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan Setiausaha Parlimen. Kalau kita lihat daripada jawapan Setiausaha Parlimen, kita lihat bahawa kelemahan itu bukanlah kita perbaiki

tiap-tiap tahun tetapi masalahnya bilangan yang dibawa masuk, seludup dan sebagainya semakin bertambah pada tiap-tiap tahun.

Kita hendak tahu pada hari ini apakah perancangan kerajaan khususnya Kementerian Kewangan lebih-lebih lagi Jabatan Kastam untuk mengatasi masalah ini kerana banyak di antara pembeli yang tertipu dengan kereta-kereta murah tetapi apabila kereta disita menyusahkan pembeli dan bukan yang penjual. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut perangkaan yang saya sebutkan tadi, jumlah yang disita pada tiap-tiap tahun meningkat sehingga *the peak* pada tahun 2002 sebanyak 1,738 tetapi ia menurun balik pada tahun 2003 iaitu 1,255 dan pada tahun ini sehingga September sebanyak 497 sahaja. Maknanya kalau mengikut unjuran itu, maka saya yakin jumlah ini akan lebih menurun, mungkin tidak sampai 1,000 pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kastam memang mengambil tindakan yang pelbagai jugalah sebab penyeludup ini makin lama semakin cerdik dan Jabatan Kastam kena lebih cerdik daripada itu. Maka, pihak Kastam telah mengambil langkah-langkah yang positif yang saya hendak sebutkan ini:-

- (i) menetapkan kereta sebagai salah satu komoditi yang berisiko tinggi dan perlu diberi tumpuan khas oleh semua petugas Kastam Diraja Malaysia;
- (ii) mengadakan risk management - risk assessment profiling and targeting ke atas pengimportan kereta bagi mengelak penyeludupan dan fraud;
- (iii) menggunakan mesin pengimbas untuk pemeriksaan ke atas kontena;
- (iv) mengaudit akaun-akaun syarikat pengimport dengan lebih cepat dan kerap bagi mengesan kesilapan atau unsur-unsur fraud;
- (v) meningkatkan kualiti penyiasatan supaya menghasilkan kes-kes pendakwaan yang lebih berkesan;
- (vi) mendapatkan kerjasama syarikat francais tempatan bagi mengesan maklumat mengenai kenderaan yang diimport;

- (vii) meningkatkan kemahiran petugas di kalangan pegawai kastam dan menempatkan pegawai terlatih bagi melaksanakan tugas membuat taksiran kenderaan; dan
- (viii) menambah dan mempercepatkan pemberian insentif atau reward serta bayaran kepada empunya

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pembeli biasanya dia tahu bahawa kereta ini tidak sah sebab harganya terlalu rendah – dia tahu. Sebab itu apabila kes ini dibawa ke mahkamah, kalau dia didapati bersalah dan disita, tetapi kalau didapati bahawa pembelinya memang betul-betul *innocent*, dengan izin, kereta itu akan dipulangkan kepada beliau tetapi dengan syarat beliau membayar cukai yang telah tidak dibayar semasa beliau membeli tetapi kebanyakan kes-kes memang pembelinya tahu yang kereta ini kereta yang tidak sah ataupun dicuri.

3. **Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan adakah program atau rancangan kerajaan untuk memastikan semua bahasa dan loghat yang wujud di Malaysia ini terpelihara dan tidak pupus.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sentiasa berusaha di dalam menyediakan program-program bagi memastikan semua bahasa dan loghat yang wujud di Malaysia terpelihara dan tidak pupus. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan adalah menjalankan kerja-kerja dokumentasi pelbagai loghat dan bahasa sukuan di Malaysia yang digunakan dalam pelbagai upacara adat, persembahan kesenian seperti teater tradisional, bangsawan, dikir barat, wayang kulit, boria, opera Cina dan lain-lain bentuk seni persembahan lisan.

Kerajaan tidak menghalang atau menyekat penggunaan bahasa dan loghat sukuan dalam sebarang aktiviti dan persembahan yang dijalankan supaya kaum-kaum ini fasih dalam menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Namun begitu, penggunaan bahasa Malaysia amat ditekankan di dalam acara rasmi kerajaan demi memartabatkan kedudukan bahasa Malaysia sebagai bahasa Kebangsaan.

Kementerian saya juga melaksanakan program pengembangan bagi kegiatan kesenian tradisional seperti di atas di mana penggunaan loghat daerah dan bahasa

sukuan merupakan teras dalam persembahan tersebut. Ini untuk memastikan loghat daerah dan bahasa sukuan akan terus terpelihara dan dipelajari oleh masyarakat umum. Sekian.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, lebih 60% daripada 6,700 bahasa loghat dalam dunia ini menghadapi kepupusan ataupun *extinction*. Ini disebabkan oleh pengesahan atau *dominant* segelintir bahasa atau loghat yang digunakan secara meluas. Perkara ini dibentang dan dipersetujui dalam satu kongres bahasa dunia yang dikenali sebagai *Syntax of The World's Languages* di Leipzig, negara German pada tahun 2003

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia diberkati dengan pelbagai bahasa dan loghat yang menunjukkan negara unik dalam bahasa dan budaya dan bangsanya yang memupuk satu kewujudan perpaduan yang tidak ternilai. Saya sedia maklum bahawa kerajaan menggalakkan dan menyokong usaha NGO-NGO yang ditubuhkan untuk pemeliharaan dan pengekalan bahasa melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) seperti Kadazan Dusun Language Foundation di negeri Sabah. Untuk makluman...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalannya, Yang Berhormat.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Ya, akan datang kepada soalan. Kadazan Dusun Language Foundation ini telah juga membantu Jabatan Pendidikan di Sabah dalam persediaan jabatan itu untuk memasukkan bahasa Kadazan Dusun dalam kurikulum pelajaran sebagai *people's other languages*.

Soalan tambahannya adalah adakah kerajaan membantu badan-badan seumpama ini dengan peruntukan tahunan oleh kerana badan-badan ini adalah *non profit making body* dan sangat-sangat memerlukan peruntukan dalam aktiviti R&D dan *awareness* mereka. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Penampang. Saya sedar sentimen Yang Berhormat iaitu 'usul menunjukkan asal, bahasa menunjukkan bangsa', memang itu satu peribahasa yang tepat.

Saya rasa, bahasa Kadazandusun dan juga bahasa-bahasa suku kaum tidak akan pupus di negara kita, sebab di samping usaha-usaha NGO-NGO, kerajaan juga di bawah Dewan Bahasa dan Pustaka melaksanakan pelbagai program dan tindakan

bagi melindungi dan memperkasakan pelbagai dialek Melayu dan bahasa suku kaum di Malaysia, selaras dengan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Dewan Bahasa dan Pustaka juga menerbitkan Kamus, Daftar-daftar Kata dan Glossary Dialects seperti berikut:
- Daftar-daftar dialek bahasa daerah, Bajausama, Bajausimonul, Kadazandusun, Kimaragang, Kata Kedayan, Murut Tahir;
- glossary-glossary dialek Johor, Kelantan, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Terengganu;
- kajian-kajian *lexical* bahasa asli, bahasa daerah;
- penerbitan Kamus Iban - bahasa Melayu, Kamus Jati Mirip - bahasa Melayu, Kamus Swanglotut - bahasa Melayu.

Saya rasa dengan usaha-usaha kerajaan dan juga dengan usaha-usaha NGO, maka bahasa sukuan di negara kita akan terus mengembang dan saya juga difahamkan di Kementerian Pelajaran juga ada satu mata pelajaran di sekolah menengah iaitu Kadazandusun dan Iban sebagai satu mata pelajaran untuk PMR iaitu bahasa Kadazandusun dan Iban.

Berkenaan dengan peruntukan, saya akan mengkaji itu dan itu yang amat penting kepada Ahli Yang Berhormat dan dengan kajian itu kalau NGO-NGO itu mengelolakan program-program yang besar-besaran atau merangkumi kaum yang besar, kita akan mengkaji. Sekian, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan sahaja itu.

Tuan Yang di-Pertua, bahasa. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan di Malaysia ini, kita ada banyak loghat bahasa-bahasa daerah, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa bahasa ini boleh menjadi satu daya tarikan kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara kita ini, malah kalau seseorang itu boleh bercakap, bertutur, apatah lagi kalau boleh menulis dalam pelbagai bahasa orang itu lebih baik dan diterima oleh masyarakat.

Contohnya, kalau kita pergi ke kedai orang-orang Cina yang berniaga, kalau kita bertutur dalam bahasa mereka mungkin kita boleh memujuk mereka dan mereka beri lebih diskaun, kalau saya pergi ke Klinik Kepong ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, soalnya Yang Berhormat, diskaun, diskaun juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya akan bercakap bahasa *Cantonese*. [*Bercakap bahasa Cantonese*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau hendak berbual Yang Berhormat, di kantin ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya. [*Ketawa*] Tentu cucukan jarum dia, kalau orang RM15, saya RM10, fasal bahasa.

Jadi, kalaulah kementerian hanya mengharapkan kepada NGOs, kemudian kita tidak pick up depa punya kerja buat itu, saya tahu macam di Kedah kita ada sebuah buku, Bahasa Loghat Kedah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, soalnya Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalnya, apakah pihak kementerian serius kerana kementerian ini adalah kementerian antik, [*Ketawa*] cuma Menterinya yang tidak antik, Timbalan Menterinya pun tidak antik, warisan.

Jadi, kita kena bukukan benda ini, supaya apabila saya ke Sabah, saya biasa bertutur dalam loghat Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, soalan, soalnya Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalnya!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ada buku? Tidak begitukah Kalabakan? [*Bercakap dalam loghat Sabah*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, inilah yang kita hendak. Jadi, adakah kementerian sekadar mengharap NGOs, NGOs, NGOs, sedangkan kalau saya pergi kepada kementerian, saya hendak loghat bahasa Perlis. Perlis dia tidak kata 'laksa', dia kata 'laksee'. Dia 'see', di belakang, mai di Kedah laksa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, soalnya, [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa kali soalan Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Merapu!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah kementerian akan serius dalam membukukan bahasa-bahasa loghat ini dan dijadikan satu hadiah ataupun jualan kepada pintu-pintu masuk di negara kita ini supaya pelancong yang datang dan rakyat tempatan melihat bahawa indahnya Malaysia dengan bahasa-bahasanya. Terima kasih Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya.

Dato' Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Jerai yang fasih dalam beberapa dialek Tionghua, seperti Cantonese, Hokien juga Hainan ya sedikit. Tetapi memang saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat, kerajaan perlu bekerjasama dengan NGOs supaya usaha-usaha kita untuk mempertahankan atau melindungi bahasa loghat sebagai suatu bahasa yang tidak pupus di negara kita.

Memang itu satu pandangan yang terpuji, tadi di jawapan saya, saya telah katakan iaitu di kementerian kita ada banyak aktiviti tradisional, saya tidak pastilah Yang Berhormat ada dengar jawapan saya tadi, iaitu ada banyak loghat-loghat daerah dan bahasa-bahasa suku kaum dan sebagainya.

Yang Berhormat juga menekankan iaitu loghat-loghat itu menjadi suatu daya tarikan, memang di negara kita, tetapi di negara kita juga kita mesti mementingkan bahasa Malaysia, saya tidak pertikaikan itu, tetapi bahasa Malaysia adalah suatu bahasa pengantar yang penting di negara kita, sebab di negara kita adalah negara majmuk.

Bayangkan Yang Berhormat, kalau seorang yang berketurunan Cina, India dengan Iban dan Kadazan kalau bertutur dalam bahasa masing-masing tentu kelam-kabut, sebab itu bahasa Malaysia adalah suatu bahasa perantara sebagai ikatan persahabatan di antara semua kaum di negara kita.

Saya juga ada satu perumpamaan di suatu kedai, seorang Cina dari negara China di restoran, dia hendak pesan mee, pelayan tanya dia, "Apa yang hendak makan"? Dia kata, dia hendak meeinn, dalam bahasa Mandarin meeinn. Jadi, pelayan itu beredarlah dari itu, dia tunggu lama, meeinn tidak datang, panggil pelayan lagi, "Apa yang you hendak makan, dok hai mee", dia kata, "Meeinn". Meeinn dalam bahasa Hokien tidak mahulah, dalam bahasa Mandarin meeinn ialah mee. Sebab itu kita mesti ada satu bahasa yang perantara.

Bahasa Malaysia macam satu bahasa yang baik untuk semua kaum di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Wong Kam Hoong: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Dato' Razali bin Ismail.

Dato' Razali bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan nombor 4. Untuk rekod ada sedikit tambahan, iaitu program lepasan ijazah, perkataan yang tertinggal di situ ialah 'lepasan' ijazah. Soalan nombor 4.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik.

4. Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah tindakan diambil untuk penambahbaikan skim perjawatan pensyarah Maktab Perguruan yang kebelakangan ini mengendalikan program lepasan ijazah.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha memartabatkan profesion perguruan, kerajaan sememangnya prihatin terhadap langkah-langkah penambahbaikan skim pegawai perkhidmatan pendidikan, termasuklah golongan pensyarah yang berkhidmat di maktab perguruan.

Antara usaha-usaha semasa yang telah dibuat untuk penambahbaikan jawatan Pensyarah Maktab Perguruan ialah mewujudkan lapisan gred jawatan lebih tinggi secara tukar ganti atau, dengan izin, *trade off*, semasa urusan penggredan semula jawatan di bawah Skim Sistem Saraan Malaysia.

Di dalam urusan tersebut, kerajaan telah meluluskan beberapa gred jawatan yang lebih tinggi bagi jawatan Timbalan Pengarah Maktab Perguruan dan Pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa atau ELTC Malaysia.

Kementerian Pelajaran juga telah mengemukakan permohonan kepada Agensi Pusat untuk menukar ganti jawatan-jawatan pensyarah yang bertaraf Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasn Diploma kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan jawatan pensyarah di maktab-maktab perguruan.

Di samping itu juga, pihak kementerian sedang membuat kajian bersama-sama agensi pusat bagi tujuan penambahbaikan jawatan Pensyarah di maktab-maktab perguruan Malaysia dari masa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu yang saya percaya juga pernah mengepalai bahagian itu, Kementerian Pelajaran melalui Bahagian Pendidikan Guru, kita sedang menyediakan kertas untuk diajukan kepada pihak yang tertinggi bagi membuat penentuan. Insya-Allah.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi masalah dalam persoalan saya di sini ialah, pensyarah-pensyarah maktab perguruan sudah pun mengendalikan kursus ataupun Program Lepas Ijazah ini sejak tahun 1984 ertinya sudah hampir 20 tahun, sedangkan skim perkhidmatan mereka itu, ertinya dari segi perkhidmatan perjawatan gaji mereka itu sama seperti guru-guru berijazah yang lain, sedangkan 60% daripada pensyarah-pensyarah maktab perguruan ini sudah pun memiliki ijazah Ph.D dan juga ijazah Sarjana, ini menunjukkan kepada kita bahawa seharusnya dipercepatkan penyemakan semula Skim Perjawatan Pensyarah ini, lebih-lebih lagi sekarang ini guru-guru sekolah rendah pun akan dibekalkan dengan guru-guru yang berijazah.

Persoalannya sekarang ini, bilakah kalau boleh diberi dari segi masanya, dari segi *timanya*, pelaksanaan Skim Perjawatan Pensyarah yang baru ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ini nampaknya pembela pensyarah-pensyarah di maktab-maktab perguruan. Memang saya bila saya berada di kementerian itu, saya juga mengambil kira skim perkhidmatan.

Yang Berhormat harus fikirkan bahawa ada dua perkara di sini, satu ialah skim perkhidmatan kita adalah di bawah apa yang kita panggil Perkhidmatan Awam.

Kedua, dari segi berapa lama dan apakah kelayakan kita. Misalnya kalau kita lihat sekarang, saya tahu apa Yang Berhormat telah bangkitkan, kita mempunyai sekarang ini seramai 2,992 orang pensyarah di maktab perguruan yang mana keseluruhan maktab-maktab perguruan ialah 27 buah maktab dan sebuah yang kita panggil maktab IPBA.

Jadi, bayangkan kalau Yang Berhormat, kita juga terikat kepada Skim Perkhidmatan Awam. Kita juga cuba sedaya upaya bagaimana, macam saya sebutkan tadi, penggredan kenaikan taraf itu, misalnya ia dapat cepat melonjak

naikkah ataupun melintang ataupun menegakkah, kalau skim yang lama, tetapi kita juga sedang berusaha ke arah ini, bukan kita tidak mahu usaha, kita usaha dan secara senyap-senyap pun penggredan ini telah berlaku.

Kita tidak boleh merombak mengatakan bahawa ini adalah skim yang baru, kalau itu hendak difikirkan skim yang baru, itu kita harus fikir ke arah itu, tetapi kita masih terikat kepada skim perkhidmatan, yang mana kelayakan utamanya ditentukan dan berapa lama perkhidmatan kita.

Walau bagaimanapun, saya akan terus membawa perkara ini atas saranan Yang Berhormat dan kita akan percepatkan, insya-Allah, kalau itu diterimakan di pihak yang berwajib. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan usaha kerajaan hendak menjadikan semua guru di negara ini mempunyai berijazah. Adakah dengan skim perjawatan yang ada sekarang, yang sesuai untuk menggalakkan guru-guru ini mengambil ijazah dan apakah kriteria dan langkah diambil seumpamanya seorang guru yang dapat keizinan untuk melanjutkan pelajaran mendapat Ph.D, kalau ia di sekolah rendah dapat Ph.D, macam manakah pihak kementerian menguruskan hal ini, sama ada ia dibalikkan kepada sekolah rendah ataupun ditempatkan di sekolah menengah atau ditempatkan di maktab perguruan.

Adakah semua 27 buah maktab ini akan menjadi universiti? Sebab kita hendak semua guru berijazah. Boleh Yang Berhormat terangkan sama ada skim yang ada sekarang sesuai untuk hasrat dan matlamat kita meningkatkan mutu atau kualiti semua guru.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Saya terus terang saya katakan, kalau kita hendak mengadakan skim yang baru, kita harus pertimbangkan kriteria-kriteria yang lain seperti yang telah saya katakan tadi, ia melibatkan iaitu rombakan yang begitu besar, bukan di sini kita hendak mengelakkan daripada itu.

Kita bercakap memang mudah, tetapi harus kita fikirkan bahawa jawatan-jawatan yang kita telah mulakan skim tadi umpamanya skim dalam perkhidmatan pendidikan, kita masih pakai DG41, DG44, DG48, DG52 dan DG54. Memang usaha kita untuk mewujudkan guru-guru yang berijazah di semua peringkat daripada pra-sekolah, rendah sehinggalah menengah.

Itu sudah kita usahakan, malah dalam masa mereka mendapat latihan sendiri galakan juga kita adakan. Umpamanya kalau saya tidak salah, mereka yang KPLI sahaja mendapat elaun sebanyak RM1,300 lebih kurang macam itulah untuk menggalakkan mereka dalam latihan sahaja. Apabila mereka telah keluar, mereka mendapat diploma, mereka juga berkhidmat dalam tangga gaji yang sedemikian rupa iaitu DG sekian-sekian macam maksud saya sebutkan tadi.

Oleh yang demikian, saya rasa yang ini kita juga terikat kepada Skim Perkhidmatan Awam yang mana telah pun ditetapkan. Walau bagaimanapun, macam yang telah saya katakan tadi, taraf Maktab-maktab Perguruan ini, insya-Allah ini cadangan yang telah dibawa tempoh hari iaitu akan diadakan Institut Pendidikan Perguruan misalnya. Itu juga akan menaikkan taraf yang mana kalau kita dapat cadangkan, itu cadangan belum lagi dapat dilaksanakan, iaitu macam-macamlah daya tarikan untuk mereka mencerminkan sebagai sebuah institusi.

Jangan kita samakan ini kedudukan universiti. Universiti mempunyai skimnya tersendiri. Manakala kita dalam perjawatan dalam perkhidmatan pendidikan juga ada skim kita yang tertakluk kepada perkhidmatan awam. Ini harus kita fikirkan bersama. Sekian, terima kasih.

5. Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta Menteri Kerja Raya menyatakan setelah projek pembinaan Batang Rajang melantik kontraktor baru:

- (a) setakat manakah perkembangan projek ini; dan
- (b) adakah projek ini akan siap mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemajuan fizikal secara keseluruhannya bagi Projek Pembinaan Jambatan Batang Rajang di Sibu, Sarawak kini telah mencapai 75.38% setakat 20 Ogos 2004.

Seorang Ahli: Benarkah?

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Betullah. Projek ini telah diambil oleh subkontraktor baru yang dilantik oleh kerajaan iaitu *Brooke Dockyard & Engineering Works Corpn.* sejak 15 Mei 2004 untuk menyiapkan baki kerja pembinaan jambatan

tersebut. Setakat ini kemajuan subkontraktor tersebut telah mencapai 10% sebenar berbanding 40% jadual dan dijangka siap sepenuhnya pada 16 Februari 2005.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan subkontraktor baru adalah lewat jadual sebanyak 78 hari daripada tarikh dijadualkan siap. Kerja-kerja pembinaan didapati perlahan pada peringkat awal disebabkan:

- (i) isu lama yang berkaitan dengan kontraktor utama sebelum ini yang telah menyebabkan banyak kekurangan kepercayaan kepada pembekal-pembekal yang seterusnya mengenakan harga yang tidak munasabah. Pembekal juga mengenakan syarat-syarat pembayaran yang tidak *practical* kepada subkontraktor baru;
- (ii) kelewatan pengalihan tugas perkongsian maklumat oleh kontraktor utama dan subkontraktor baru.

Faktor-faktor mutu kerja sebelum ini yang tidak memuaskan oleh kontraktor utama yang banyak menyukarkan kerja subkontraktor baru. Untuk mengatasi masalah kelewatan tersebut, pihak subkontraktor telah menambah sumber-sumber *machinery* dan pekerja-pekerja di tapak bina untuk meningkatkan lagi kemajuan kerja dan seterusnya mengurangkan kelewatan yang dialami. Kerajaan telah pun menggesa subkontraktor agar mengaturkan perjumpaan dengan pembekal-pembekal bagi menerangkan bahawa subkontraktor yang baru dilantik adalah bukan daripada pengurusan lama. Sekian, terima kasih.

Tuan Tiong Thai King [Lanang]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Kementerian Kerja Raya, bila jambatan ini disiapkan nanti, adakah Kerajaan Persekutuan akan mengumpul *pasture*, dengan izin, terhadap pengguna-pengguna jambatan ini.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Setakat ini tidak ada cadangan yang dikemukakan.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Timbalan Menteri, kalaulah Timbalan Menteri tadi menyatakan kerja ini lewat, apakah jaminan ia benar-benar akan disiapkan pada awal tahun 2005.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Terima kasih. Saya maklumkan sebentar tadi bahawa kelewatan ini adalah disebabkan beberapa faktor yang telah pun saya kemukakan dan perkara pokok yang menyebabkan kelewatan ini adalah:

- (i) kurang keyakinan kepada *supplier* yang sedia ada yang dahulunya bekerja untuk kontraktor yang terdahulu oleh kerana projek ini adalah satu projek yang dibaik pulih. Jadi, untuk meyakinkan pembekal yang sedia ada itu memakan suatu masa yang lama.
- (ii) Pengurusan untuk pengambilan alih daripada kontraktor lama kepada kontraktor baru dan untuk mewujudkan bahawa ini satu kerja baru yang dibuat oleh kontraktor baru tetapi kerja lama, macam kita tahulah ramai daripada kita ini sebenarnya bukan Ahli Parlimen baru tetapi model lama.

Jadi, kalau jambatan itu jambatan yang sudah dibuat dan ia gagal disiapkan kontraktor lama, hendak dengan izin *to rehabilitate* ini memerlukan satu pendekatan dan jaminannya, kita terpaksa mengadakan satu dengan izin *monitoring and controlling teams* supaya menentukan segala kerja yang telah pun dijadualkan mengikut pelan di tapak bina itu dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan saya memerlukan sokongan daripada Ahli Yang Berhormat untuk meyakinkan kepada pembekal-pembekal yang setempat itu supaya dapat membantu kontraktor yang baru ini untuk melunaskan tanggungjawab dengan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat.

6. Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kementerian akan memperkenalkan satu silibus kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah mengenai undang-undang negara bagi kesalahan-kesalahan jenayah seperti merogol, membunuh, mencedera serta hukuman-hukuman yang dikenakan.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: *Walaikumussalam* Kuala Krai. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Kementerian Pelajaran menggunakan konsep merentas kurikulum dalam menggubal kurikulum persekolahan.

Sehubungan dengan itu, kesalahan-kesalahan jenayah seperti merogol, mencedera dan membunuh diterapkan di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Begitu juga dalam aspek langkah-langkah menangani gejala sosial ini, hukuman dan undang-undang berkaitan sememangnya dibincangkan dalam pengajaran mata pelajaran tersebut. Contohnya Akta Perlindungan Kanak-kanak berkaitan penderaan dan gangguan seksual dan Akta Juvana akan diajar dalam mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah.

Aspek kesalahan jenayah juga akan diajar secara terperinci dalam mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan yang akan diperkenalkan mulai tahun 2005 untuk murid sekolah rendah dan menengah.

Melalui mata pelajaran ini diharapkan dapat melahirkan individu yang dapat menyelesaikan konflik tanpa menggunakan keganasan. Perkara ini dibincangkan dalam tema '*Hidup Bermasyarakat*' di bawah tajuk Peraturan dan Undang-undang Dalam Masyarakat dan dalam tema '*Cabaran Masa Depan*' di bawah tajuk Memastikan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa Dipraktikkan.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Timbalan Menteri kesayangan saya dan *favourite* saya. Dia adalah satu Menteri yang antik dan sekarang ini masih antik [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Macam saya.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Oleh kerana negara kita gemilang, cemerlang cuma kita hendak satu lagi iaitu terbilang.

Soalan saya oleh kerana asas kita ini daripada sekolah, dan saya juga daripada guru sekolah, ini merupakan asas kepada kanak-kanak baik di peringkat rendah ataupun lebih-lebih lagi di peringkat menengah, kelmarin ada satu soalan mengenai dengan ini juga dan ini adalah lanjutan masalah disiplin yang ketika ini begitu hangat sekali berlaku di sekolah-sekolah dan di sekolah rendah pun jadi sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tanyalah Yang Berhormat, persoalannya?

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Pertamanya, di kawasan saya mengenai dengan guru-guru ini. Apakah langkah pihak kementerian mengambil tindakan disiplin terhadap guru-guru yang dikenakan kepada murid-murid. Saya tidak mahu sebutkan apa nama gurunya yang berlaku di Kuala Krai dan perkara yang

kedua, saya hendak supaya pihak kementerian ini dapat mengadakan satu silibus kepada masalah celaka jahanam dadah ini di sekolah-sekolah rendah lagi kerana inilah yang kita takuti ialah menangani masalah gejala dadah ini.

Maka bolehkah atau tidak kementerian mengadakan satu silibus khas yang bermula dari sekolah rendah lagi mengecam perkara-perkara jahanam, perkara-perkara jenayah lebih-lebih lagi dadah ini kepada masyarakat golongan negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Timbalan Menteri, yang Timbalan Menteri pun antik, saya ingat yang tanya itu pun lagi antiknya. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua pun antik juga sebab adakah kerana antik ini janggut putih atau rambut putih? Tetapi kalau tidak silap saya, lagi antik lagi berharga *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, jawablah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kita lihat kereta *Mercedes* kalau antik itu lagi mahal harganya, dan boleh diguna.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Boleh beri pandangankah Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Jawab soalan *[Dewan Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Benda antik boleh dihias, tetapi tidak boleh buat apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Boleh tengok sahaja, nak buat apa pun tidak boleh *[Dewan riuh]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Lagi antik, lagi berguna dan kita perlu memeliharanya dan kita jaga dia. Hah, itu lagi antik.

Mengenai dengan langkah-langkah disiplin terhadap guru, ini telah pun saya jawab beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini. Kita ada peraturan-peraturan tertentu mengenai dengan disiplin guru. Sekiranya guru melanggar apa-apa disiplin, maka ia akan dilakukan secara berperaturan. Kita tidak boleh, kita kata ada kompelin, terus kita ambil tindakan.

Jadi, kita juga ada peraturan-peraturan yang tertentu sekiranya ada guru-guru yang menyalahi disiplin, saya rasa itu adalah tanggungan pihak sekolah terutama sekali kalau sekolah rendah, Guru Besar dan juga sekolah menengah, Pengetua, yang mana akan melibatkan pihak PPD dan juga pihak JPN. Itu akan dilakukan di peringkat itu sehinggalah kepada yang lebih serius, kepada peringkat kementerian sendiri.

Mengenai dengan soal dadah tadi, saya perlu sebutkan di sini kita berkali-kali, sudah macam-macam program kita lakukan di sekolah-sekolah yang saya rasa macam-macam demonstrasi seperti ada bawa tunjukkan bahaya dadah tadi dengan saya pergi menyaksikan sendiri dengan Timbalan Menteri Dalam Negeri yang mana tunjuk bagaimana dia kena sebat kalau dia didapati bawa dadah dan apa rupa kalau orang ambil dadah dan sebagainya dan macam-macam kita katakan kita laksanakan tindakan *preventive* supaya dia tidak berlaku. Jadi.....

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Soalan saya tadi adakah *syllabus*..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum jawab lagi Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak, di dalam semua boleh kita katakan sama ada pengajian Islam, sama ada moral, sama ada apa-apa mata pelajaran dia tidak boleh kita katakan ada satu mata pelajaran, malah diingatkan berkali-kali sehingga kita adakan juga macam-macam pasukan untuk mengendalikan hal-hal ini. Mereka juga ada macam-macam kempen dan sebagainya. Cuma apa yang saya mintakan di sini ialah kerjasama ibu bapa dengan pihak sekolah dan juga masyarakat bagaimana hendak memupuk nilai-nilai yang baik di kalangan anak-anak kita. Sekian, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Pepatah Melayu ada mengatakan “melentur buluh biar dari rebungnya” dan saya percaya kementerian memang sudah berusaha tetapi usaha tersebut belum memadai dan tidak cukup untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar kita sebab mereka ini menjadi sasaran pihak-pihak tertentu untuk dimanipulasikan pemikiran mereka.

Justeru itu apakah kementerian akan mempertingkatkan lagi, memberi ilmu bagaimana Malaysia ini dibangunkan supaya pelajar-pelajar ini boleh menghayati dan sebab mereka ini akan menjadi pewaris negara kita di masa depan. Bagaimana mereka mewarisi kepimpinan ini kalau mereka tidak didedahkan dengan berbagai-

bagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat kita pada hari ini. Seperti bentuk-bentuk hukuman, *syllabus-syllabus* seumpamanya ini perlu dipertingkatkan supaya pelajar-pelajar contoh yang ada pada hari ini mereka mendapat input yang benar, mereka mendapat gambaran yang tepat, mereka tidak lagi diselewengkan oleh kumpulan-kumpulan luar yang mahu memesongkan mereka. Sebab ini berlaku. Jadi kerajaan perlu khususnya kementerian menitikberatkan. Memang usaha itu sudah ada tetapi tidak mencukupi. Sedarkah kementerian bahawa ini tidak mencukupi dan perlu dipertingkatkan untuk memastikan pewaris-pewaris bangsa kita ini akan mewarisi kepimpinan masa depan dan akan menjadi warganegara yang bertanggungjawab. Terima kasih.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: *Syllabus* itu.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kinabatangan. Kita tetap untuk menentukan pewaris-pewaris kita adalah pewaris-pewaris yang patriotik. Ertinya di sini pewaris itu hendaklah menjaga masyarakat dan negara serta juga kedaulatan negara kita. Itu tetap kita akan lakukan, cuma apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah apakah masih ada kelemahan-kelemahan kalau saya tidak silap. Saya akui juga masih ada terdapat apa sahaja yang kita lakukan, apa sahaja yang kita cuba menaik tarafkan ada kelemahan-kelemahannya. Umpamanya apa yang saya katakan tadi, dalam Dewan ini banyak kali dibangkitkan mengenai soal dadah, soal disiplin pelajar dan sebagainya kita ambil itu. Bukan kita kata kita ketepikan perbahasan itu tinggal di dalam Dewan ini.

Umpamanya, saya buat pengumuman, mulai tahun depan Januari 2005, bila ayam berkokok Januari 2005, bermula dari tahun empat kita perkenalkan kembali mata pelajaran sivik untuk semua anak-anak kita. Ini ialah antara lain kita masukkan mengenai soal-soal ketatanegaraan dan soal moral juga kita bangkitkan di sini. Selain dari itu saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya ada teguran-teguran yang positif saya tidak keberatan untuk menerimanya. Mengenai dengan mata-mata pelajaran yang lain pun secara tidak langsung kita juga pasti guru-guru itu dapat beri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dah cukup dah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian ambil tindakanlah ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua tolong jawab bagi pihak saya. Terima kasih.

7. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haron [Rantau Panjang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah bentuk-bentuk tindakan yang telah diambil oleh kerajaan terhadap orang-orang yang memperlekehkan hukum-hukum Islam sama ada dalam bentuk ucapan dan penulisan. Berapa ramaikah yang telah menjalani rawatan di bawah Pusat Pemulihan Aqidah.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat setakat ini belum terdapat kes yang melibatkan pihak atau golongan yang memperlekehkan hukum-hukum Islam dikemukakan ke Mahkamah Syariah untuk dibicarakan. Walaupun begitu, semua negeri di Malaysia termasuk Wilayah-wilayah Persekutuan telah mengadakan peruntukan mengenai kesalahan yang berhubungan dengan kesucian agama Islam dan institusinya.

Di antara peruntukan berkenaan ialah menghina atau menyebabkan dipandang hina dan lain-lain agama Islam, mempersendakan ayat-ayat Al-Quran atau hadis, pendapat yang bertentangan dengan fatwa, penerbitan agama yang bertentangan dengan hukum syarak.

Berkaitan dengan soalan berapa ramai yang telah menjalani rawatan pemulihan, untuk makluman ahli Yang Berhormat bahawa sehingga kini di antara golongan yang terlibat dengan ajaran yang telah difatwakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri sebagai menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar terdiri dari pengikut Al-Arqam, kumpulan ajaran sesat Hasan anak Rimau dan ajaran Ariffin Mohamad. Sehingga kini hanya pengikut ajaran Ariffin Mohamad telah menjalani pemulihan secara sukarela, jumlahnya seramai 51 orang dan dijalankan pada tahun 2001. Jumlah bekas pengikut Al-Arqam yang telah menjalani program pemulihan bagi tahun 1994 sehingga 1998 adalah seramai 2,200 orang. Sebanyak 7 siri program pemulihan telah diadakan kepada ketua-ketua pemimpin Al-Arqam bagi tahun 2003 hingga 2004. Pada masa ini terdapat 3 ajaran sesat yang masih dalam peringkat penyiasatan dan pendakwaan iaitu ajaran Abdul Rahim Abdul Razak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ajaran Kamarudin Abdul Aziz di Melaka, ajaran Ibrahim Bonjol di Selangor yang mana ketiga-tiga ajaran ini telah difatwakan oleh

Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri sebagai menyelewang dari ajaran agama Islam yang sebenar. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah sejauh manakah takrif ataupun kayu ukur seseorang itu boleh dipandang menghina Islam atau menyeleweng ajaran Islam dan setakat ini adakah pemimpin-pemimpin politik yang telah dimasukkan ke dalam pusat pemulihan akidah ini?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Takrifan dikatakan sebagai menghina seperti mana yang saya sebut pada Yang Berhormat sebentar tadi, apa-apa sahaja yang mempersendakan ayat Al-Quran ataupun hadis atau mengeluarkan pendapat yang bertentangan dengan fatwa yang telah difatwakan atau penerbitan secara bertulis sesuatu yang bertentangan dengan hukum syarak. Maka yang termasuk dalam bidang yang tiga ini dikira sebagai takrifan menyebabkan agama Islam itu dipandang hina dan setakat ini belum ada lagi ahli politik daripada kalangan Barisan Nasional, alhamdulillah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Masa soal jawab telah habis.

[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2005 dan Anggaran Pembangunan 2005 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis ***[Hari Kelapan]***

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Maksud B.27 [Jadual] –
Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan 2005] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.27 dan Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Pontian.

11.09 pagi

Ir. Hasni bin Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 010100, 010300 dan 050100. Tuan Pengerusi, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya Tan Sri Zaini Haji Omar, saya bacakan dengan izin, *in fact the minutes I became the Ketua Pengarah, the first thing after the failure in PULAREK TLDM in Johore and this project and few others initially when I took over there is a lot of failure. Lots of walls were falling down. So the first thing that we did was to conduct them competency matter. Check the competency of our officer than we embark on back to basic.* Itu kata Tan Sri Zaini selaku Ketua Pengarah. Dia juga menyambung bahawa, *We lamented on the fact that there were always insufficient money for training.*

Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada Kementerian Kerja Raya apakah sebabnya selain daripada kewangan dan peruntukan apakah sebabnya JKR tidak dapat menyediakan program latihan kepada kakitangan mereka. Saya kira inilah punca bangunan MATRADE, MRR2, sementara penganugerahan kerja-kerja ini walaupun dilakukan oleh pihak EPU oleh sebab ia dilaksanakan atas dasar *design and built* atas dasar *negotiated contract* dan sebagainya tetapi JKR sendiri nampaknya tidak dapat hendak melatih 2,000 tenaga profesional dan lebih daripada 8,000 tenaga separa profesional yang ada di Jabatan Kerja Raya. Macam mana? Malah Ketua Pengarah sendiri menyatakan *It has been more than 15 years been the practice in JKR that fresh from school, from polytechnic and colleges even from university is put straight on to the job.* Ini adalah satu perkara yang saya kira JKR tidak wajar berada dalam keadaan yang sedemikian.

Pihak kementerian perlu melakukan sesuatu dalam hal ini. JKR tidak boleh berada dalam keadaan di mana tenaga-tenaga profesionalnya hanya tenaga profesional yang tidak mengikuti perkembangan semasa. *We cannot be an out-dated professional.* Yang Berhormat Timbalan Menteri kita pun sama tahu. Saya malas hendak bertanya kepada Yang Berhormat. Kita mendengar apabila kerja-kerja projek jalan kampung ini diserahkan oleh KPLB kepada JKR, yang pertama sekali Menteri Pembangunan Luar Bandar telah menyatakan bahawa ini adalah satu penjimatan sejumlah RM30 juta oleh sebab kerja-kerja pembinaan jalan kampung diserahkan kepada JKR.

Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri bersediakah untuk menasihati Menteri Kemajuan Luar Bandar, tidak mungkin akan ada penjimatan RM30 juta malah kita sebagai wakil rakyat di kawasan ini akan menghadapi lebih banyak masalah apabila JKR menyelenggarakan jalan-jalan kampung. Dokumen untuk membuat 1 km jalan kampung sahaja setebal bajet 2005.

Dato' Timbalan Menteri, ini kita tahu JKR. Kosnya sahaja seperti kos-kos tender yang biasa adalah 15% hingga 20% lebih tinggi, itu kontraktor pergi ambil dokumen sahaja, kontraktor akan tambah kos melaksana sahaja 15% hingga 20% lebih tinggi daripada seperti kalau ia dilaksanakan oleh Pejabat Daerah ataupun ia dilaksanakan oleh Jurutera Perunding. Maka sekali lagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan menggambarkan kepada kita satu fakta yang mungkin tersilap. Apabila itu tidak dapat dilakukan, penjimatan RM30 juta yang dikatakan itu tidak dapat dilakukan, apa yang nyata pada hari ini ialah jalan-jalan kampung melalui peruntukan yang disediakan akan menjadi lebih pendek. Ini bererti bahawa jumlah bilangan jalan yang akan dapat dibuat juga akan lebih berkurangan. Sekali lagi JKR kemungkinan akan berhadapan dengan tohmahan dan juga tuduhan daripada pihak-pihak yang tertentu. Kasihan JKR, sekali lagi. Bangunan MATRADE yang dahulunya RM160 juta, apabila JKR ambil alih, terpaksa meningkat kepada RM260 juta. Hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, JKR sendiri *admit* bukannya RM30 juta yang diminta untuk ditambah, untuk menyiapkan bangunan MATRADE, tetapi RM62 juta. Sudah tersilap, Ketua Pengarah sendiri kata sudah tersilap. Dia akan pastikan.

Memang hari ini, saya sendiri terperanjat bahawa bulan Mei dahulu, kita membuat permohonan minta tambahan RM30 juta. Tetapi, *figure* yang terakhir saya terima, oleh pegawai-pegawai saya yang mereka kata, ini muktamad. Kalau tidak,

mereka akan ditamatkan. Itu pengakuan Ketua Pengarah JKR. Kasihan JKR, sekali lagi menerima masalah atas projek yang mereka tidak bertanggungjawab pada peringkat awal. Mereka hanya dilantik pada tahun 2000. Projek itu bermula pada tahun 1994. Ini bererti, dia kata, ini muktamad. Kalau tidak mereka akan ditamatkan dan telah menjadi RM62 juta. Ini bererti bahawa bangunan MATRADE ini Tuan Pengerusi, yang asalnya RM167 juta, hari ini akan disiapkan dengan kos RM322.8 juta. Inilah dua kali ganda. Kalau duit ini dapat digunakan untuk melatih jurutera atau profesional dan separa profesional di JKR ini, kita mungkin boleh menyelamatkan bangunan ini.

Tuan Pengerusi, itu yang pertama. Yang keduanya, saya minta sangatlah. Bukan yang kedua, saya ingin menekankan sekali lagi, saya minta sangatlah JKR atasilah masalah untuk hendak memperjuangkan supaya lebih banyak program latihan kepada kakitangan profesional dan separa profesional ini disediakan. Saya rasa, kerajaan punya ruang yang cukup untuk hendak melatih tenaga-tenaga profesional dan separa profesional ini. Inilah sebenarnya punca tebing runtuh, *landslide* berlaku di sana sini kerana pengawasan daripada kakitangan yang tidak cukup terlatih.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tahu lima tahun. Itu sahajalah lama tempohnya teknologi dapat bertahan. Selepas itu, ianya akan melalui perubahan.

Kedua, Tuan Pengerusi, kerajaan juga berhasrat hendak mengeksport tenaga profesional ke luar negara. Hari ini, kalau kita lihat cadangan daripada kerajaan supaya *Professional Service Development Corporation* (PSDC) ini, mewakili kerajaan untuk meninjau peluang-peluang, projek-projek di luar negara dengan menggalakkan supaya CIDB, salah satu agensi kerajaan untuk memberi *seed funding* kepada PSDC. Sekali lagi, kita tidak mahu keyakinan rakyat terhadap usaha kerajaan.

Baru-baru ini, MTD *Capital* membeli sebahagian saham daripada CIDB *Inventors* untuk pelaburan di luar negara. Saya tidak pasti di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tetapi, ianya terkeluar di dalam akhbar tentang MTD *Capital* membeli sebahagian daripada saham CIDB *Inventors*.

Apa yang saya hendak memperjelaskan di sini ialah, ini adalah bibit-bibit yang boleh meruntuhkan keyakinan sedangkan PSDC menjanjikan bahawa mereka akan ke luar negara mencari peluang-peluang, membuka lebih banyak peluang untuk hendak membela lebih 10,000 tenaga profesional yang ada di negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, sila gulung.

Ir. Hasni bin Mohammad: Tetapi, sekiranya CIDB awal-awal telah menunjukkan kecenderungan kepada pihak-pihak tertentu, kita akan balik kepada tanggapan yang tidak sihat, seolah-olah kerajaan ada *favoritism*, ada minat - kompeni-kompeni tertentu dan syarikat-syarikat tertentu. Jadi, saya harap pihak JKR akan dapat berusaha untuk mengelak supaya tidak berlaku perkara-perkara yang boleh menggagalkan usaha PSDC dalam hendak mencari lebih banyak projek di luar negara, untuk membantu kontraktor-kontraktor yang ada di dalam negara kita. Maka, di atas peluang untuk menyatakan perkara ini, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Air Hitam.

11.20 pagi.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat daripada 349 sampailah senarai panjang ke muka surat 357, kerana sebelum kita melaksanakan projek yang senarai panjang ini, beberapa perkara pokok perlu diperbetulkan. Kita sebagai wakil rakyat, kita bukan wakil kontraktor. Saya mintalah supaya Yang Berhormat Menteri Dato' Seri ini, yang telah berkhidmat lebih daripada hampir suku abad mengambil iktibar beberapa kenyataan yang telah dibuat, yang saya anggap tidak masuk akal.

Seorang Ahli: Betul.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang pertama, saya menonton paparan di dalam TV3. Dua minggu yang lalu, di lobi Parlimen, "Ini adalah masalah pemasangan dan reka bentuk." Tetapi, paparan yang sama juga ditunjukkan ketika berlakunya insiden MRR2. Dia kata, "*If anyone said this is a design failure, the consultant can sue them*". Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya ini adalah satu kenyataan yang bercanggah. Itu yang pertama.

Kedua, lagi yang saya tidak boleh terima, mengenai di Hospital Pandan itu, yang kata, bahawa kulat itu perkara biasa dan apa yang menakjubkan saya adalah, "Oh, disebabkan oleh *Indonesian worker*, yang tidak mempunyai *skill*", tuan-tuan dan puan-puan, minta maaf Ahli-ahli Yang Berhormat, [*Ketawa*] sebenarnya untuk satu kontrak RM550 juta itu....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, bukan Tuan Yang di-Pertua, 'Tuan Pengerusi'.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Pengerusi, minta maaf. Terlalu ghairah sangat. [Ketawa].

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Di Air Hitam bolehlah Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: RM550 juta kontrak untuk Hospital Pandan dan 0.25% itu disumbangkan kepada CIDB untuk melatih pekerja. Ini berjumlah RM1 juta. CIDB itu *baby* kepada JKR. Siapa yang sepatutnya dipersalahkan? Kalau kita buat kenyataan macam itu, seolah-olah kita marah, "ambil batu, baling kepada kaki kita." Saya rasa, itulah satu cara yang perlu diperbetulkan.

Ketiga, dia kata, "Jangan kita hendak sengaja, suka-suka *blacklisted* kontraktor, tidak ada orang hendak kontrak." Tuan Pengerusi, tanyalah wakil rakyat. Kita hendak cari, bukan 10, beratus kita boleh cari. Itu bukan cara. Tidak ada orang untuk masuk tender itu, bukan satu alasan orang tidak menghukum. Saya mintalah supaya kenyataan itu diperbetulkan.

Dan hari ini saya terkilan dalam NST, Setiausaha Sulit Kanan sekali lagi membuat kenyataan, dia kata, "*Public* jangan buat sangkaan yang bukan-bukan kerana menteri ini dia pergi ke *site*, dia tengok, jangan berlandaskan kepada laporan surat khabar dan buat kenyataan". Tuan Pengerusi, kalau rakyat tidak membaca surat khabar, di manakah kita mendapat maklumat itu? Adakah *Halcrow Report* itu diberi kepada wakil rakyat? Wakil rakyat pun tidak dapat, macam mana rakyat lain tahu? Saya rasa itu adalah cara, taktik untuk kita hendak mencari satu helah. Saya rasa perkara ini tidak seharusnya wujud. Sebagai kesimpulan, kalau tidak tahu jangan cakap, tanya Timbalan Menteri yang menjadi *engineer*. Kalau tidak boleh, tanya lima *engineer* yang ada di Dewan ini [Tepuk] Jangan sekali-kali hendak lantik kontraktor, hendak lantik konsultan dari luar negara.

Tuan Pengerusi, sebenarnya kalau kita lihat, kalau kita hendak melantik perunding di luar negara itu sebenarnya perkara itu terlalu mudah sangat. Saya ambil satu contoh, pada 16 hingga 18 Ogos 2004, seorang *engineer*, Yang Berbahagia Datuk Profesor Dr. Wahid Omar, seorang pakar struktur, semasa satu sidang antarabangsa, *Sixth Malaysian Road Conference*, beliau telah memperihalkan apa yang berlaku di MRR2 - dihadiri oleh 500 jurutera, mereka hendak tahu apa yang

berlaku. Tidak payah menunggu *Halcrow Report*, kita sudah tahu. Saya mintalah supaya perkara ini dapat diperbetulkan. Sekarang isunya ialah seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pontian:

- (i) dalam kontrak kerajaan, siapa yang menjadi S.O.? Siapa yang mengawal selia kerja-kerja ini? Saya terkilan apabila diberi tahu bangunan MATRADE itu walaupun Ketua Pengarah JKR bertindak sebagai S.O., beliau tidak ada hak untuk masuk ke tapak. Ini yang menakutkan saya. Macam mana perkara ini boleh berlaku? Kita kena kaji dan rombak semula.
- (ii) apabila kontraktor itu gagal menjalankan tugas, tidak dapat menyiapkan kerja, kita tidak ada *termination clause*, kita lebih takut kepada kontraktor. Apakah kita tidak perlu melakukan sesuatu tindakan terhadap kontraktor?
- (iii) saya rasa dari segi perunding, kalau itu satu masalah reka bentuk, bermakna perunding perlu bertanggungjawab. Perlu bertanggungjawab, perlulah dihukum, kalau tidak orang itu tidak akan sedar kesilapan mereka.

Apa yang saya ingin menasihatkan kepada kementerian ini ialah apabila kita sebut tentang V.O. (variation of price), berhati-hati. Semua projek JKR kelazimannya akan mencapai harga siling yang tertinggi kerana kontraktor ini mengambil kesempatan. Ini menggambarkan bahawa S.O. tidak menjalankan tugas dengan berkesan, merekalah orang yang mengawal kerja-kerja mereka. Biarlah dibayar wang yang setimpal tetapi tidak membenarkan mereka menaikkan kos. Itu adalah satu budaya yang tidak harus digalakkan.

Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, semalam kita terkejut dengan masalah yang berlaku di Gua Tempurung dan kita melihat laporan ini sebenarnya disediakan tiga tahun yang lalu. IEM (*Institute of Engineers Malaysia*) pernah membuat satu '*Position Paper for Mitigation – The Risks of Landslides in Hillside Development*', saya minta kementerian ini mengkaji betul-betul apakah isi kandungan laporan ini. Kalau kita mengkaji secara mendalam, kita menghayati apa yang ditulis di sini, saya rasa perkara ini dapat dibendung.

Saya juga melihat satu cadangan yang lebih praktikal ialah ditubuhkan *Hillside Engineering Agency* yang dari semasa ke semasa dapat *memberi "dangerous hillside*

order” kepada semua pemilik. Itu antara perkara yang telah dicadangkan oleh pihak *IEM*. Kita lihat masalah ini berlaku begitu banyak sekali. Pada 11 Disember 1993 – *Highland Towers*; kemudian disusuli pula pada 30 Jun 1995 – Genting Sempah, di susuli pula dengan kes di Bukit Antarabangsa pada Mei 1999. Kita perlukan satu mekanisme untuk meninjau gerakan *earth movement* di kawasan-kawasan ini. Saya hendak tahu, saya hendak bertanya kepada kementerian, adakah dibuat pemantauan sebegini? Kalau tidak saya kawatir perkara ini akan berlaku lagi.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara, kalau kita melihat bangunan Parlimen yang indah ini, kita dapati bahawa dari segi reka bentuknya mereka tidak berbincang dengan *end-user*. *End-user* yang saya katakan di sini ialah wartawan. Dulu kalau kita datang ke Parlimen, kita lihat ada satu tangga yang boleh turun daripada belakang tetapi tiba-tiba sekarang mereka hendak kejar seorang menteri, menteri pun sudah cabut keluar, mereka tidak dapat kejar. Ini menggambarkan apabila kita membuat suatu reka bentuk, kita kena bincang dengan siapa sekalipun – *end-user*, kita kena tahu apa keperluan mereka. Jangan kita membuat sesuatu perkara dengan tergesa-gesa ataupun melihat daripada perspektif sendiri.

Satu lagi perkara yang ingin saya bawa di sini ialah, sebelum ini Setiausaha Parlimen kementerian berjanji kepada saya akan melawat ke kawasan saya, iaitu untuk meninjau projek untuk memperelokkan Jalan Kluang/Ayer Hitam/Batu Pahat. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya perkara ini dapat dipercepatkan kerana dua kali perjumpaan yang diatur sebelum ini, satu pada 7 September semasa kita bersidang, semua wakil rakyat Batu Pahat tidak boleh hadir dan satu lagi ketika majlis perasmian Perhimpunan Agong UMNO. Itu yang saya rasa, kalau mereka tidak peka, mereka hendak panggil mesyuarat tetapi orang tidak boleh hadir, itu tidak guna.

Saya minta perkara ini dapat kita meninjau kerana kita melihat dari segi *road safety audit* itu kita masih menunggu. Kita perlu menggunakan satu pendekatan seperti yang berlaku di Lebuhraya Pantai Timur. Saya rasa itu adalah masalah reka bentuk geometrik. Kita perlu gunakan satu cara untuk memperbaiki masalah ini, tidak ada cara lain melainkan kita memperelokkan jalan-jalan ini.

Saya rasa inilah antara perkara yang perlu kita ambil perhatian dan kita mahu kontraktor yang telah menyerahkan jalan ini kepada pihak JKR, yang dikatakan masih belum sempurna, menyempurnakan kerja-kerja dan menunaikan apa yang telah dijanjikan, termasuklah gelanggang bola keranjang Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)

Kong Nam dan juga pondok bas yang telah dirobohkan di Parit Halil. Saya rasa ini adalah perkara yang telah dijanjikan dan kita lihat bahu jalan itu tidak diturap langsung dan kemalangan yang berlaku sudah hampir 10 maut di hadapan sekolah. Saya tidak nampak lagi walaupun dibangkitkan di mesyuarat, di Parlimen, di sidang Parlimen perkara susulan atau tindakan susulan belum lagi diambil.

Saya mintalah supaya kerajaan mengambil iktibar daripada apa yang berlaku dan kita tidak mahu lagi perkara ini berulang. Dengan itu saya mintalah Yang Berhormat Dato' Seri Menteri supaya memberi kenyataan ini supaya janganlah menjadikan kita ini susah hendak menjawab kepada rakyat. Rakyat tidak boleh terima kenyataan Menteri dan akhirnya mereka juga mempersoalkan integriti parti Barisan Nasional. Saya mintalah apa jua teguran yang telah saya buat itu bolehlah diambil secara ikhlas demi kebaikan untuk menjadikan kerajaan kita satu kerajaan yang berwawasan dan juga "Cemerlang, Gemilang dan Terbilang" dan juga dipercayai oleh rakyat. *[Tepuk]* Itulah hasrat kita. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

11.31 pagi

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 8000, 81000. Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan kedukacitaan rakyat Malaysia terhadap apa yang berlaku dalam struktur bangunan kita pada hari ini – jambatan dan sebagainya. Saya melihat, *it's high time*, Tuan Pengerusi, masanya sudah tiba. Kementerian, Menteri perlu bertanggungjawab, *it's time to go*, tidak ada masa lagi *[Ketawa]*.

Kita menghadapi ledakan malapetaka seumpama ini disebabkan tangan-tangan kita yang kotor, Tuan Pengerusi. Mana ada dalam dunia kerajaan membela kontraktor? Kontraktor kena bertanggungjawab, memastikan amanah diberikan oleh kerajaan. Ini kementerian, Menteri membela kontraktor dengan alasan-alasan yang rapuh, alasan-alasan yang bodoh, tidak boleh diterima akal fikiran.

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Pengerusi, kena buat kerjalah, Tuan Pengerusi. Kita tidak boleh *compromise* dalam soal-soal begini. Ini melibatkan kerugian negara kita

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tiada masa, saya hendak jelaskan sendiri, biar pembangkang dengar. Ini melibatkan kerugian wang negara kita, melibatkan nyawa manusia, melibatkan reputasi kerajaan. Di mana martabat, maruah kerajaan dalam soal-soal begini dan kita pula terpaksa mempertahankan perkara yang mungkar? Ini tidak boleh berlaku, Tuan Pengerusi. Dan saya percaya, sama ada potong gaji tetapi sesiapa yang terlibat kena bertanggungjawab sepenuhnya. Masanya sudah tidak ada lagi untuk membincangkan perkara remeh-temeh. Ini soal fakta dan kenyataan.

Perlu diakui bahawa ada yang melakukan kesilapan, kenapa perlu menjaga kroni, untuk kepentingan diri sendiri? *[Disampuk]* Tidak boleh. Saya minta kerajaan bertanggungjawab dalam soal ini, perbetulkan, perbereskan masalah yang kita hadapi. Kalau perlu ada yang disingkir, singkir mereka untuk kepentingan negara kita, rakyat kita, ekonomi negara kita. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi, butiran yang selanjutnya, berhubung dengan masalah di kawasan, iaitu Butiran 0260826008270. Tuan Pengerusi, Kinabatangan pada hari ini dilanda hujan lebat dan banjir sudah melimpah di Kinabatangan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dua jambatan telah putus dan tidak boleh dihubungi dan apakah kerajaan ada kewangan untuk membantu rakyat yang terputus hubungan ini? Kalau tidak ada, tidak apalah. Kalau ada, kalau boleh, saya ingin membawa Timbalan Menteri melihat jambatan yang terputus ini. Bawalah pegawai-pegawai sebab jambatan ini diberi peruntukan oleh kerajaan negeri dengan bajet yang secukup-cukupnya iaitu untuk *temporary use* sahaja, untuk penggunaan sementara. Jadi, tidakkah kerajaan ada mempunyai kaedah ataupun jalan. Saya tengok peruntukan untuk jambatan-jambatan ada juga. Ia bukannya memerlukan berpuluh-puluh juta, ia adalah untuk kepentingan rakyat, untuk melalui dari kawasan ke kawasan.

Ini seolah-olah kita mendiskriminasikan masyarakat di luar bandar sehingga jalan laluan pun tidak ada tetapi kalau pilihan raya kita wau sana, wau sini kempen sana, kempen sini, menang lagi. Bila menang kita leka pula.

Seorang Ahli: Tukar Menteri.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kalau perlu tukar kita tukar, untuk kepentingan kerajaan.

Seorang Ahli: Tukar Menteri, sana ada suara.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Pengerusi, saya mintalah kerajaan kalau boleh memberi peruntukan untuk membina beberapa batang jambatan di kawasan Kinabatangan yang terputus akibat banjir baru-baru ini. Sebab ini merupakan satu masalah sudahlah jalan raya yang sengsara. Saya tidak tahu bila kerajaan hendak membina jalan raya Tongot ini, sebab saya pun sudah puas juga, Timbalan Menteri pun sudah membantu tetapi belum juga dapat apa-apa berita. Saya berharap jalan raya ini boleh selesai.

Seorang Ahli: Lain kali boleh terima rasuah, rasuah tak? *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya tidak menuduh ada unsur-unsur rasuah tetapi terserah kepada kerajaan untuk menyiasat. Kalau perlu siasat, inilah masanya BPR menyiasat.

Seorang Ahli: BPR tidur.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Inilah masanya untuk menyiasat. Sebab banyak masalah yang kita hadapi, tidak tahu bangunan Parlimen ini selamat atau tidak. Kalau di sana tidak selamat tidak apalah. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyokong Yang Berhormat bagi Pontian berhubung dengan projek jalan kampung. Saya tidak nampak ada logiknya, ada *relevancynya* sebab penyediaan tender untuk jalan kampung ini, penyiasatan sahaja satu bulan, pengeluaran notis satu bulan, tender satu bulan membina enam bulan. Ini projek jalan kampung, bukan juta-juta punya projek, bukan bilion-bilion, ini ratus-ratus sahaja, puluh-puluh ribu sahaja. Kementerian Luar Bandar buatlah sesuatu yang baik untuk masyarakat luar bandar. Jangan menyusahkan rakyat, kerajaan ini bukan menyusahkan kita, sudah menang majoriti tetapi nampaknya keputusan kita menyusahkan rakyat, jangan kita balik kalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulunglah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya bercakap banyak-banyak pun tidak ada gunanya Tuan Pengerusi, cuma kalau boleh tiga perkara ini:-

- (i) kerajaan perlu mengambil tindakan di atas masalah-masalah yang kita hadapi termasuk memikirkan, mungkin mengganti seseorang dengan orang yang baru supaya kita mendapat satu arus perjuangan yang baru. Timbalan Menteri kita pun layak juga, dia *engineer*.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Pendek sahaja, minta penjelasan. Hari ini bukan main lagi Yang Berhormat bagi Kinabatangan, [*Ketawa*] teks ucapan saya memang sokong apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. [*Disampuk*] Tetapi saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat bagi Kinabatangan akan menyokong, *if we move a motion of no confidence against the Menteri*, apakah Yang Berhormat bagi Kinabatangan akan sokong?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sokong.

Cik Fong Po Kuan: Nanti apabila peruntukan hendak diluluskan, apakah Yang Berhormat akan sokong atau tidak setuju? You jangan cakap besar di sini nanti bila untuk diluluskan tidak berkata apa, setuju juga.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baiklah.

Cik Fong Po Kuan: Katanya kalau saya mahu emosional, apakah Yang Berhormat akan sokong? Itu sahaja saya hendak tahu.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Nanti, dengarlah saya jawab nanti.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat kata tukar Menteri, dia kata tukar Menteri..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia hendak jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya hendak jawablah ini. *We don't need the motion*, tidak perlu, kerajaan boleh melakukan sesuatu. Saya percaya kerajaan ada kredibilitinya, tidak mungkin kerajaan tidak mempunyai kredibiliti, kita punya cara tersendiri untuk menyelesaikan masalah ini. Yang penting

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin:..... masalah selesai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, masa sudah cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Oh! ramai. Yang Berhormat bagi Ipoh Timurlah.

11.39 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, saya hendak sebut Butiran 050000 Pengurusan JKR. Tadi kita mendengar ucapan yang begitu garang, khususnya daripada *Backbenchers* Barisan Nasional. Kali yang pertama saya dengar mahu menyingkirkan Menteri - *time has come*, singkirkan Menteri - *time to go* dan tadi Yang Berhormat bagi Batu Gajah bertanya kalau ada usul kita kemukakan sama ada akan mendapat sokongan. Saya percaya tidak perlulah satu usul, sekarang pun kita boleh putuskan.

Cik Fong Po Kuan: Ha! ya.

Tuan Lim Kit Siang: Semua yang sokong "*time to go* - singkirkan Samy Vellu sebagai Menteri" angkat tangan.

Semua Ahli Pembangkang: *[Mengangkat tangan]*

Tuan Lim Kit Siang: Berapa orang? Angkat tangan.

[Dewan riuh] [Sorak]

Cik Fong Po Kuan: Oooo! Kinabatangan.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat bagi Kinabatangan mana? Cakap sahaja angkat tangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

[Dewan riuh] [Beberapa Ahli Pembangkang bersorak]

Tuan Lim Kit Siang: *Instant vote*, keputusan yang *instant*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Siapa Pengerusi sekarang?

[Dewan gamat]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, siapa Pengerusi sekarang?

Cik Fong Po Kuan: Ya, cakap tidak serupa bikin.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, cakap tidak serupa bikin, garang.

Cik Fong Po Kuan: Inilah masalahnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak apalah.

Tuan Lim Kit Siang: Inilah saya mahu dia ada membongkar *hypocrisy*.

Beberapa Ahli Pembangkang: Ya, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Lagi sekali angkat tangan, singkirkan Samy Vellu sebagai Menteri Kerja Raya.

Cik Fong Po Kuan: Tidak berani semua.

Tuan Lim Kit Siang: Mana, tidak ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat untuk makluman.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:hanya lima undi sahaja yang ada di sini. Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, ini dari Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Kepong sendiri Naib Presiden DAP tidak mengangkat tangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Ini bukan satu perkara main-main, ini perkara serius. Saya pun pernah membuat desakan bahawa *time to go* bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Kerja Raya *resign* oleh kerana keretakan MRR2. Apabila beliau membuat ugutan kalaulah ada orang membuat laporan kepada ACA bukan sahaja tiga bulan tidak boleh habis, lebih lama masanya. Saya kata inilah satu kelakuan yang tidak bertanggungjawab, sepatutnya beliau *resign*, tetapi tidak serius. Apa guna kita berdiri di sini berkata *time to go* tetapi bila diminta satu keputusan - *run for your life*.

Hari itu Yang Berhormat Puan Chong Eng kata *you can run but you cannot hide*, bukan dia katalah tetapi dia ada *repeat*.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada masa, tidak ada masa.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak ada masa.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada masa.

Seorang Ahli: Nanti, nanti.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Di bawah butiran berapa bercakap ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya?

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Di bawah pecahan kepala berapa bercakap ini?

Tuan Lim Kit Siang: JKR, apa tidak tahukah? Saya membuat sebutan kepada apa yang Yang Berhormat bagi Kinabatangan cakap, dia cakap relevan, saya sebut tidak relevan. Inilah lebih tidak relevan, lebih *irrelevant*.

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Kita dengar Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, betul apa yang dia kata semua betul tetapi akhirnya apa masalah? Bukan kita kurang daripada kemahiran profesional, kejuruteraan, bukan. Kita cukup kemahiran. Masalah bukan pada *engineering*, bukan *profesionalisme*, masalah ialah *good governance, accountability*. Kita tidak ada budaya *responsibility, good governance* dan kalau mahu lari, Yang Berhormat bagi Kinabatangan sudah panas. *[Ketawa]* Nanti saya akan memberi peluang sekali lagi untuk mengangkat tangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Beri *chance* lah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan mengkaji semula tidak mengapa, kaji lebih mendalam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti dan inilah *good governance and accountability*. Kalau Dewan yang mulia ini majoriti merasa perlukan perubahan, perlulah *benchmark* yang lebih tinggi dalam prestasi, kementerian, jabatan dan semua *public works* dan kita tidak boleh melaksanakan, ini akhirnya menunjukkan Parlimen ini sudah gagal. *It reflects on Parliament, reflects on nine-tenth majority* Parlimen ini. Siapa yang *nine-tenth majority* - Barisan Nasional, cakap besar sahaja tetapi tidak ada tindakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, kita berbalik kepada tajuklah.

Tuan Lim Kit Siang: Kita balik Ipoh *[Ketawa]* Salah satu janji-janji Yang Amat Berhormat bagi Kepala Batas semasa beliau dilantik menjadi Perdana Menteri lebih kurang setahun yang lepas serta pada Pilihan Raya Umum yang ke-11 Mac lepas, adalah kewujudan sebuah kerajaan yang efisien, *accountable*, telus dan beramanah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini mana satu butiran?

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai Gua Tempurung dan MRR2 JKR projek induk, *[Disampuk]* Makro yang *a quick brush* malah sungguh merunsingkan bahawa dalam tempoh setahun ini apa yang berlaku adalah sebalik daripada janji-janji ini. Semakin banyak bukti yang menunjukkan bahawa kerajaan baharu ini tidak efisien, tidak *accountable*, tidak telus dan tidak beramanah. Saya bukan sahaja merujuk kepada gejala rasuah yang paling terserlah sekali dalam politik wang sepanjang sejarah UMNO sendiri yang terbongkar dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of Order*, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat mana satu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sekejap Yang Berhormat ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau tidak dapat, tidak payah bangunlah.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak payahlah itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan Yang Berhormat. Kita dalam Jawatankuasa, bercakap tentang perkara khusus...

Tuan Lim Kit Siang: Jawatankuasa ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat ini bercakap luar daripada Butiran.

Tuan Lim Kit Siang: *Tangential, tangential...*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah tegur, saya sudah tegur.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia kena khusus.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah tegur, dia sudah balik.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sudah balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia sudah balik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: *Tangential reference.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah bawa dia balik.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dia sudah bawa saya balik. Saya hendak habiskan ayat ini sahaja, Tuan Pengerusi. Saya bukan sahaja merujuk kepada gejala rasuah yang paling menyerlah sekali dalam politik wang sepanjang sejarah UMNO sendiri...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak berkaitan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya kata bukan sahaja, bukan sahaja pada hari yang terbongkar dalam Perhimpunan Agung baru-baru ini yang diikuti dengan politik 'datuk'....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini langsung tidak berkaitan.

Tuan Lim Kit Siang: ...dan politik anugerah. Sekarang ada politik *lesser right*.

Seorang Ahli: Merapu, merapu.

Tuan Lim Kit Siang: Ada *lesser right*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi juga mengenai prestasi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini dasar, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ...bertaraf tinggi. Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kementerian Kerja Raya tidak begitu punya orang.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai prestasi bertaraf tinggi untuk semua kementerian, jabatan kerajaan serta projek awam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of Order*, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya telah muncul menjadi antara kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang telah gagal dengan paling teruk sekali dari segi menepati harapan umum terhadap nilai-nilai keberkesanan, *accountability* dan ketelusan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ...dan ini dibuktikan.... Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini semua disediakan untuk...

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, tidak, kita datang berbahas spesifik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...perbincangan dasar.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada, tidak ada, spesifik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Merapu!.

Tuan Lim Kit Siang: Dan ini dibuktikan, itu spesifik, dibuktikan dari pelbagai skandal pembinaan yang tercetus baru-baru ini termasuk Bangunan MATRADE – RM286 juta, MRR2 – RM238 juta, Hospital Pandan – RM550 juta, Lebuhraya Pantai

Timur, tanah runtuh kali yang ketiga di Lebu Raya Utara-Selatan bahagian Gua Tempurung pada malam tadi, semua spesifik, *detailed and direct*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi lebih kepada dasar.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, iaitu...

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Merapu!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: *Overdraw*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Perkembangan yang paling memeranjatkan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti, nanti.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Perkembangan yang paling memeranjatkan sepanjang tahun yang lepas adalah cubaan penafian tanggungjawab dan *accountability* dalam kesemua skandal pembinaan yang berlaku sama ada MRR2, Hospital Pandan, Lebu Raya Pantai Timur, MATRADE atau tanah runtuh di Gua Tempurung.

Sebagai contohnya, Syarikat PLUS Berhad telah belajar daripada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan mengemukakan alasan paling terkenal atau *notorious* iaitu peristiwa tanah runtuh ketiga di Gua Tempurung baru-baru ini ialah *act of God*. Ini ada dalam Sin Chew.

Puan Chong Eng: *Nobody needs to responsible.*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap dalam bahasa Cina]* *Act of God!* Dengan izin, *act of God*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Atau... *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bolehlah gulung.

[Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Wa pun susah oh!

Tuan Lim Kit Siang: Akan gulung, akan gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Wa pun susahlah! *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Ini merupakan kenyataan yang paling tidak bertanggungjawab oleh PLUS, khasnya setelah berlaku tanah runtuh dalam tahun 1996 di Gua Tempurung yang mengorbankan satu nyawa serta tanah runtuh Bukit Lanjan pada bulan November tahun lepas.

Utusan Malaysia ada melaporkan bahawa Pengarah Pusat Penyelidik Hakisan Tanah Negara (NASET) UiTM, Profesor Dr. Roslan Zainal Abidin yang menyatakan bahawa berdasarkan kajian berhubung hakisan tanah sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan sebanyak 105 lokasi di sepanjang lebuhraya berpotensi untuk mengalami kejadian tanah-tanah runtuh pada bila-bila masa dan Profesor Dr. Ibrahim Komo daripada Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, UKM yang berkata tidak ada rancangan menyeluruh...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan gulung ya. ...menyeluruh khususnya di kawasan berbukit bagi merancang langkah-langkah kawalan yang sesuai untuk mengatasi masalah ini. Saya harap, Tuan Pengerusi, masa telah tiba untuk apa yang kita perlu buat, bukanlah kita *react* sebagai *specific complaint*, bersungut sehingga mahu Menteri *resign*. Bukan sahaja Parlimen perlu proaktif dan sebab itu saya cadangkan akhirnya, satu *Select Committee* mengenai *Ministry of Works*. Bukan sahaja siasat semua skandal pembinaan itu tetapi ambil kajian proaktif dan antisipasi apa yang perlu dibuat oleh kementerian atau JKR, *concessionaire* atau kontraktor-kontraktor, satu *benchmark* yang lebih tinggi.

Itulah apa yang kita boleh buat dan patut buat kalau kita mahu *first world Parliament*...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ...kita mahu modenisasi, kita mahu *parliamentary reform*. Itulah mustahak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak, kompelin sahaja, ugut sahaja, tidak cukup. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya turunkan masa kepada lima minit bagi setiap Ahli yang ingin berucap. Yang Berhormat bagi Ledang.

11.50 pagi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 10000.

Tuan Pengerusi, pada pandangan saya, kita pada hari ini tidaklah perlu emosional dan kita juga tidak perlulah membuat tuduhan yang semberono. Orang Kulai kata 'seberono', Tuan Pengerusi. Sebenarnya kita perlu membuat satu kajian secara terperinci ataupun membuat cadangan, teguran ataupun ulasan terperinci di dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidak akan menyebut lagi tentang perkara-perkara yang cacat tentang JKR. Cukup jika saya sebut, mudah sahaja iaitu apa sudah jadi dengan JKR. [Ketawa]

Tuan Pengerusi, jika dahulu JKR ada IKRAM, sekarang IKRAM sudah tidak ada, sudah diswastakan dan telah menjadi satu syarikat yang Berhad, dia sudah berniaga. Dahulu....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mana satu Butiran?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: 010000 – Pengurusan Kerja. [Disampuk] [Ketawa] Dahulu pegawai-pegawai JKR atau staf-staf JKR dijadualkan berkursus di IKRAM, tetapi sekarang saya tengok tidak ada satu peruntukan untuk kursus untuk staf JKR. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pontian tadi, perkara teknikal tentang profesionalisme *engineering* ini sentiasa berubah. Setiap kali ia boleh berubah.

Kalau kita perhatikan di Bangunan MATRADE, contohnya, *stiffener* dipasang kemudian, batu-bata diletak dan dipasang dengan tidak betul dan tetulang besi nampak daripada luar. Saya hendak naik lif pun tidak berapa yakin tempoh hari.

Jadi, Tuan Pengerusi, kepada saya, ada sesuatu yang tidak betul. Saya menyebut IKRAM tadi sebagai satu contoh di mana IKRAM apabila diswastakan, JKR tidak lagi mempunyai kuasa ke atas IKRAM untuk menghantar pegawai-pegawainya atau kakitangannya berkursus di situ, sedangkan kita tahu, Tuan Pengerusi, JKR adalah PMC gergasi kepada kerajaan, PMC utama kepada kerajaan ataupun JKR adalah penasihat teknikal yang paling utama kepada kerajaan.

Apabila kita bercakap tentang sistem dan kita kaitkan dengan peranan JKR tadi, maka kita nampak bahawa JKR yang penting itu perlu *disystemize* semula, dengan izin. Maknanya sistem JKR tadi perlu dilihat. Jabatan Kerja Raya (JKR) diketuai oleh seorang Ketua Pengarah Kerja Raya bertaraf turus tiga. KSU dia, *super*

scale A. Siapa lebih berkuasa, adakah KSU ataupun Ketua Pengarah JKR? Kalau dari segi pangkat, macam Ketua Pengarah JKR. Saya minta maaf kalau ada pegawai JKR, KSU ke, PTD ke, saya minta maaf. Ini *the reality*, dengan izin. Satu realiti yang berlaku di dalam Kementerian Kerja Raya.

Dari segi kuasa, saya tidak nampak walaupun Ketua Pengarah Kerja Raya itu lebih tinggi pangkatnya daripada KSU, tetapi Ketua Pengarah Kerja Raya tidak mempunyai kuasa yang lebih besar daripada KSU. Contohnya perpindahan juruteknik-juruteknik, daripada JKR ke tempat-tempat lain, bukannya JKR yang berkuasa. Yang memindahkannya adalah KSU, Kementerian Kerja Raya itu sendiri. JKR sebagaimana Ketua Pengarah Kerja Raya, dia sebagai Jeneral tetapi tidak mempunyai kuasa ke atas askar-askarnya, orang lain. Kalau dalam angkatan tentera, bayangkan Jeneral dikuasai oleh KSU, apa jadi? Kalah perang, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, perkara-perkara tersebut perlu kita lihat. Maknanya sistem JKR, sistem Kementerian Kerja Raya itu perlu dibetulkan. Dalam Kementerian Kerja Raya ada Lembaga Lebuh Raya Malaysia. Adakah Lembaga Lebuh Raya Malaysia mempunyai kuasa yang cukup untuk melangsungkan peranannya di peringkat pelaksanaan?

Tuan Pengerusi, kalaulah saya boleh membuat suatu andaian, Tuan Pengerusi kita cuba sekali, Ketua Pengarah Kerja Raya jadikan Ketua Setiausaha Kementerian`

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ha?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Gulung.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ketua Pengarah Kerja Raya jadikan Ketua Setiausaha Kementerian. Saya yakin, suatu rombakan yang besar, suatu perubahan, suatu reformasi akan berlaku dalam Kementerian Kerja Raya di mana akhirnya segala masalah yang berlaku sekarang ini tidak akan berlaku lagi kerana seluruh Kementerian Kerja Raya memahami. Saya menggunakan perkataan memahami dan menghayati sebenar-benarnya masalah yang berlaku di peringkat bawah.

Jadi, Tuan Pengerusi, akhirnya yang saya hendak simpulkan di sini ialah:

- (i) *training* penting, Tuan Pengerusi, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pontian tadi;
- (ii) peruntukan mesti disediakan secukupnya;

- (iii) keputusan yang melibatkan pakar, jangan sekali-kali orang lain selain daripada orang JKR, jurutera dan sebagainya yang membuat keputusan.

Kalaulah KSU, saya dengar tempoh hari, Ketua Pengarah EPU buat keputusan bagi pihak JKR, apa sudah jadi? KSU buat keputusan bagi pihak JKR. Kalau kerja-kerja pakar, biarlah pakar sahaja yang membuat keputusan.

Akhirnya, Tuan Pengerusi saya mencadangkan supaya keseluruhan sistem organisasi JKR itu perlu diperbetulkan semula. Saya ingin mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Kawan.

11.57 pagi

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 02000 dan 30000. Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, iaitu Yang Berhormat bagi Sepang kerana pada 14 September tahun ini telah mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah meluluskan cadangan pembinaan jambatan kedua di Negeri Pulau Pinang.

Ini saya rujuk surat khabar ini. *[Sambil menunjukkan surat khabar] Front page, The Star.* Memang sebagai anak Negeri Pulau Pinang betapa gembiranya bila mendengar berita ini.

Tuan Pengerusi, jambatan yang ada kini memang mengalami kesesakan trafik yang amat serius pada setiap hari. Keadaan akan menjadi semakin kritikal dan buruk bila berlakunya kemalangan di atas jambatan.

Tuan Pengerusi, seminggu selepas pengumuman oleh Timbalan Menteri iaitu pada 21 September, saya berasa amat terkejut bila melihat laporan dari *Utusan Malaysia*, juga di muka surat satu, iaitu Menteri Kerja Raya menyatakan bahawa tiada perancangan untuk jabatan dan pengumuman bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah silap. Hendak saya bacakah *paper* ini. *[Disampuk]* Saya baca ya.

Seorang Ahli: Dengan izin.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak baca.

Tuan Huan Cheng Guan: Dengan izin, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kena perlu mendapat kebenaran di sini.

Tuan Huan Cheng Guan:: *“Laporan pembinaan Jambatan Kedua itu salah. Kita tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membina laluan kedua ke Pulau Pinang”. Dia kata juga, “Apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri adalah silap dalam laporan surat khabar ini”.*

Tuan Pengerusi, pada 3 Jun 2004 tahun ini, saya ada tanya soalan berhubung dengan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Ini jawapannya dari pihak kementerian, di mana, dengan izin, saya baca ya. *“Saya minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah Jambatan Kedua Negeri Pulau Pinang akan dibina dan di manakah kawasan yang dicadangkan untuk pembinaan tersebut?”* Jawapan: *“Untuk makluman Yang Berhormat, pada Oktober 2001, kerajaan telah memutuskan supaya laluan kedua Pulau Pinang dibina dari Batu Maung di Pulau Pinang ke Batu Kawan di Seberang Perai”.* Ini jawapan dari pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, perkara sebegini amat mengelirukan orang ramai, khasnya warga di Negeri Pulau Pinang. Masalahnya sekejap ia ada, sekejap ia tidak ada. *[Ketawa]* Dia serupa macam *David Copperfield*, dia boleh hilangkan diri. *[Ketawa]* Hari ini lain, esok bangun dari tidur lain dan lusa mimpi, jawapan lain pula.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, Tuan Pengerusi. Itu *‘nang buti nang, kui buti kui’*.

Tuan Huan Cheng Guan: Ha. Betul, betul. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu apa?

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Orang bukan orang, hantu bukan hantu. *[Ketawa]*

Tuan Huan Cheng Guan: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sendiri atau ada siapa? *[Ketawa]* Okay, cukuplah.

Tuan Huan Cheng Guan: Perkara ini serius, perkara ini bukan main-main. Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Menteri Kerja Raya memberi penjelasan yang terperinci kepada Dewan ini dan juga kepada rakyat Negeri Pulau Pinang berhubung dengan pembinaan Jambatan Kedua Negeri Pulau Pinang. Saya tidak

hendak Timbalan Menteri jawab. Nanti dia kata, Timbalan Menteri silap lagi. *[Ketawa]*
Susah pula.

Puan Chong Eng: Betul, betul.

Tuan Huan Cheng Guan: Saya setuju dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi. Kalau perlu tukar, kita tukarlah sahaja. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Labuan.

12.01 tgh.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 19170, 19180. Saya sependapat dengan sahabat-sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan yang lain-lain. Sebenarnya bukan sahaja, mungkin sahabat-sahabat saya yang bingung, apa jadi dengan JKR ini. Saya ingat seluruh rakyat pun bingunglah, apa jadi dengan JKR ini? Sama ada JKR ini Jabatan Kerja Rayakah, Jabatan Kasi Rosak jalan rayakah, kita pun tidak tahulah. *[Ketawa]*

Saya tadi masa dalam penerbangan dari Labuan ke Kuala Lumpur, Tuan Pengerusi, satu artikel, saya terperanjat kerana Labuan ini MP seorang sahaja - *Buffalo road in Labuan*. Saya baca, apa *buffalo road*, fasal saya jaga kawasan ini cukup baik. Rupanya ada satu projek di Labuan, di bawah JKR, tidak siap-siap, sudah dekat lima tahun. Saya pun hairan, kenapa jadi macam ini. Apa jadi JKR ini?

Hari itu semasa Menteri menjawab, saya tanya kepada Menteri tentang penswastaaan, *road maintenance*. Lain saya tanya, lain beliau jawab. Dan beliau pula tidak boleh tanya soalan, kalau tanya soalan hendak marah. Saya rasa mungkin beliau ini sudah terlampau lama. Tuan Pengerusi, tukar sahajalah senang dan ganti Menteri lainlah, *[Tepuk]* supaya Barisan Nasional tidak parah dikenakan oleh pembangkang. Saya ingat Timbalannya ini pun *engineer*, layak jadi Menteri penuh.

Beberapa Ahli: Yah! *[Tepuk]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: *You have to put the right people, to the right place, I think. That is the solution. You put engineer to look after the jalan raya, insya-Allah, we solve the problem.*

Jadi, saya mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya Jabatan Kerja Raya melihat perkara ini dengan serius. Kita cuba berusaha membantu kerajaan dalam

pelbagai aspek supaya pembangkang tidak ada ruang mengkritik kerajaan. Tetapi jika sekiranya, ruang yang dibuat oleh JKR ini terlampau besar lubanginya, kami ini hendak tolong kerajaan macam mana? Jika, benda itu betul-betul berlaku. Saya tanya hari itu kepada Menteri, kenapa kita swastakan *road maintenance*, bila Perdana Menteri umumkan Bajet, kita hendak bagi kontraktor Kelas 'F' untuk kerja-kerja penyenggaraan.

Bercanggah pengumuman Menteri Kewangan dengan pelaksanaan Jabatan Kerja Raya tidak langsung selari. Apakah ada kepentingan individu dalam menswastakan *road maintenance* ini, yang bernilai beratus juta ringgit? [Tepuk] Kita *deprive*, dengan izin, beratus-ratus, malah mungkin ribu kontraktor-kontraktor Kelas 'F' di negara kita, kenapa bila kita bercakap kepentingan rakyat diutamakan tetapi bila dalam pelaksanaan, kerja-kerja seperti *road maintenance* dan sebagainya, kepentingan orang ramai kita ketepikan. Di mana silapnya, Tuan Pengerusi?

Macam-macam dasar sudah kita buat. Saya sokong sahabat saya tadi kata, yang KSU buat keputusan bagi pihak EPU, saya sokong. Saya ingat sudah sampai masanya kerajaan melihat, jika JKR itu satu jabatan yang teknikal, jangan letakkan *non-technical* duduk di sana, ini yang jalan rosak ini. *Road maintenance* saya, di Labuan diswastakan kepada satu syarikat yang juga dapat pakej di negeri Sabah. Kenapa Labuan yang 140 km ini, punyalah pendek jalan itu dikacau, diganggu-gugat, kontraktor Kelas 'F' tidak dapat kerja, lepas itu rosak, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kena gulunglah, minta maaf lah ya.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, ini penting saya sudah minta penjelasan Menteri, sekarang Timbalan Menteri ada, saya difahamkan Timbalan Menteri cukup faham perkara ini, saya mohon Tuan Pengerusi kerana kita *Back-Benchers* ini kita cuba bantu kerajaan, tetapi jangan sampai esok kita sejalan pula dengan pembangkang membantai kerajaan pula lagi, kerana kalau kita tidak tahan hendak buat macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang pun lebih kurang Yang Berhormat! [Dewan riuh dengan ketawa]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Lagi baik kami mengkritik kerajaan Tuan Pengerusi. Sekurang-kurangnya *political mileage* untuk Barisan Nasional daripada pembangkang yang kritik kerajaan. Takkanlah itu pun mereka ini tidak boleh bezakan,

they must be grateful and thankful to us dengan izin, *because* kita beritahu, kita bangunkan mereka ini, tetapi pembangkang baling batu, bagi terkejut dengan JKR ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat masa sudah cukup.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Tukarlah Menteri itu senang, itu sahaja. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Kelana Jaya.

12.06 tgh.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan di bawah Maksud Bekalan 27, Butiran 060200 - Bayaran Pampasan Tol dan juga Butiran 040000 - Sektor Pakar yang meliputi kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik, cawangan kontrak dan ukur bahan, cawangan arkitek di mana Menteri sendiri adalah seorang arkitek dahulu dan juga cawangan pakar dan kejuruteraan awam juga cawangan alam sekitar.

Tuan Pengerusi, kita masih ingat di dalam Dewan yang mulia ini, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pernah membuat komen bahawa di negara kita, kita mempunyai *first world infrastructure*, dengan izin tetapi rakyat masih ada ruang untuk maju kerana buat masa ini adalah '*third world mentality*', dengan izin.

Hari ini saya sebagai seorang Ahli Parlimen kalau diminta buat komen, saya akan berkata, bahawa negara kita masih mempunyai *third world infrastructure* dan Menteri Kerja Raya masih mempunyai perjalanan yang masih jauh untuk masuk kelas.

Sejak sebulan kebelakangan ini telah terbukti Tuan Pengerusi, bahawa apa yang saya katakan itu adalah benar, seluruh rakyat Malaysia telah menyaksikan apa maksudnya Menteri Kerja Raya masih mempunyai ruang dan perjalanan yang jauh untuk masuk kelas.

Tuan Pengerusi, beberapa isu yang saya hendak tekankan di sini, ialah tentang bayaran pampasan tol. Kerajaan tiap-tiap tahun nampaknya perlu memperuntukkan satu bajet, di mana adanya syarikat-syarikat konsesi dibayar pampasan tol. Di manakah pengiraan, perhitungan, pakar-pakar di dalam kementerian yang mengira, menghitung kontrak dan sebagainya. Bukan sahaja hendak bayar pampasan tol kepada syarikat-syarikat konsesi lebuhraya bertol. Pengguna jalan raya

dipaksa menggunakan satu alat *electronic toll collection*, dengan izin yang begitu mahal, yang pernah saya bangkitkan dalam Dewan ini bahawa *smart tag* ini kalau berbanding dengan *tags* yang lain tidak *environmental friendly*, tidak kondusif, bukannya lebih canggih berbanding dengan *tags* yang lain, dan harganya begitu mahal sekali, RM220, dikatakan akan diturunkan sehingga RM180 dan Menteri ada mencadangkan di dalam Dewan ini akan memberi jawapan bahawa akan meminta syarikat berkenaan untuk turunkan harga sehingga RM100 tetapi sehingga ke hari ini belum direalisasikan.

Saya masih ingat apabila Menteri Penerangan kita membuat cadangan agar syarikat-syarikat konsesi bertol bersama-sama meraikan hari kemerdekaan, dan minta syarikat konsesi lebuhraya bertol tutup sementara atau tidak perlu membuat kutipan tol. Menteri Kerja Raya menjawab, "Tidak boleh".

Menteri Kerja Raya menjawab bagi pihak syarikat konsesi berkata, "Tidak payah dan tidak boleh". Dengan itu saya hendak tanya, hari ini kita bercakap pasal *smart tag* ini, kita telah tahu ia lebih mahal berbanding dengan *tags* yang lain. Apakah Menteri boleh kata terus bukan meminta syarikat yang berkenaan mengkaji menurunkan harga, tetapi terus memberi arahan, terus memberi arahan agar syarikat yang berkenaan menurunkan harga yang berpatutan untuk menjaga hak pengguna sehingga di bawah paras RM100.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya ingin bangkitkan hari ini ialah di mana pernah juga dibangkitkan oleh rakan-rakan yang lain, ialah tentang masalah yang melanda Hospital Pandan. Kontraktor kononnya telah menyiapkan projek dan serahkan kepada kerajaan, tetapi selepas dua atau tiga bulan begitu banyak masalah telah timbul dan terpaksa ditutup hospital tersebut dan Menteri telah berkata, "Tidak apalah dan tidak patut kita senarai hitamkan kontraktor". Menteri juga sebut, jika tindakan senarai hitamkan kontraktor, mungkin akan terjadi tiada kontraktor lagi.

Tuan Pengerusi, cuba fikirkan apakah logik ini, di negara kita ada beribu-ribu kontraktor yang berdaftar dengan kerajaan, ini tidak termasuk dengan syarikat-syarikat PLC (Public Listed Company), kontraktor Kelas 'B', Kelas 'C' dan tidak masuk lagi kontraktor Kelas 'F'. Terdapat beribu-ribu kontraktor yang ada, bilakah kita ada kekurangan kontraktor dalam negara kita? Bila ada projek-projek yang dilancarkan begitu banyak sekali syarikat hendak masuk tender sama ada *open tender*, *close*

tender, negotiate tender, selective tender semua boleh nampak begitu banyak sekali kontraktor yang ada.

Tuan Pengerusi, perkara yang ketiga ialah tentang jabatan *flyover* MRR2 dekat Kepong ini. Pihak kontraktor juga tidak payah belanja wang untuk membuat kerja-kerja *restoration*, dengan izin kerana dianggarkan sebanyak RM20 juta diperlukan untuk membuat kerja-kerja *restoration*. Apakah kerajaan telah membelanjakan lebih daripada RM570 juta untuk membina MRR2 ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah ya.

Tuan Loh Seng Kok: Ya. Dan kita tahu bahawa kontraktor memang ada buat keuntungan. Bukankah pihak kontraktor patut dipertanggungjawabkan untuk membuat kerja-kerja *restoration* ini, bukan menggunakan wang rakyat dan kita semua tahu bahawa memang kontraktor ada membuat banyak keuntungan di sini. Dengan itu Tuan Pengerusi, selain daripada perkara ini, yang keempat ialah tentang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Tuan Loh Seng Kok: Saya gulung di sini dengan itu saya mintalah Tuan Pengerusi, semua masalah ini timbul kerana *the heart of the problem is the Minister's heart*, dengan izin. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Putatan.

12.13 tgh

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin berucap pendek sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lagi pendek lagi baik.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Pendek, ya. Terima kasih Tuan Pengerusi tetapi sebelum itu Tuan Pengerusi, tolonglah juga kirim salam kepada Menteri, 'Vaneekam', saya ingin berkawan dengan beliau.

Saya ingin menarik perhatian bagi Maksud Pembangunan P.27, Butiran 04201 - Penyiasatan dan Penyelidikan Jalan Raya dan butiran yang seterusnya Butiran 08200. Masalahnya ialah soal penyeliaan serta penyiasatan ke atas jalan raya yang betul-betul perlu buat penyelenggaraan atau perlu dinaiktarafkan.

Peruntukan setakat RM365,000 itu terlalu kecil untuk seluruh negeri Sabah. Saya pasti Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah ke Sabah juga dan ini memang

pasti apabila ia mendarat ke Lapangan Terbang Kota Kinabalu, ia menjejak tanah di kawasan saya. Lapangan terbang yang kedua tersibuk di Malaysia tetapi kecil dan yang sempit Tuan Pengerusi. Ia terus akan mengalami kesesakan jalan bila keluar dari kawasan *airport* itu terdapatlah kesesakan jalan di luar pagar *airport*. Terutama sekali kalau yang menuju ke arah Selatan ke Beaufort dan kepada kawasan Sipitang, kawasan Timbalan Pengerusi dan inilah Lebuhraya Pan-Borneo Tuan Pengerusi.

Tetapi Tuan Pengerusi, lebih kurang 100 meter daripada persimpangan *airport* itu terdapat satu *traffic light*, persimpangan *Tuaran Airport Bypass* yang sesak dan dari persimpangan itu pula, lebih kurang 100 meter terdapat satu jambatan dua *lane* yang sempit Tuan Pengerusi, jambatan yang menyeberangi Sungai Petagas. Belum habis, lebih kurang 100 meter, *another traffic light* di persimpangan masuk ke Taman Jambu. Di antara jambatan itu dan *traffic light*, beberapa persimpangan yang kecil masuk ke Kampung Petagas yang mempunyai penduduk yang besar, lebih kurang 10 ribu penduduk dan berdekatan jambatan itu pula, ada stesen minyak Petronas.

Tuan Pengerusi, lebuhraya ini adalah selari dengan negeri lain tetapi Tuan Pengerusi, jalan yang saya maksudkan itu, itulah *standard highway, no way*, walaupun *it happens to be our way*. Macam mana Menteri cakap ini *highway*? Mana *the way*? *No way!* Tolonglah, kalau buat *design*, seronoklah sedikit. Walaupun rumah-rumah ini beratap zink, dinding-dinding kayu yang tidak bercat, ini *highway* dekat *airport*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kata tadi pendek.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Ini pendeklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi masa sudah empat minit. Kalau hendak keluar lebih kena masuk gear tiga atau empat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: *[Ketawa]* Saya mahu Timbalan Menteri dengar Tuan Pengerusi. Tolonglah, berilah peruntukan yang cukup. Jambatan ini menjadi leher botol, Melayu bilang; *bottle-neck*, *English* bilang. Beberapa insiden kereta mati di atas jambatan atau insiden di antara persimpangan-persimpangan itu, maka berjam-jam kereta yang tidak bergerak. Kalau jambatan itu tidak diperbesarkan kerana kawasan sempit disebabkan *highway* ini, binalah selari dengan jalan *railway line* ini sepanjang jalan ini sampai ke Kem Askar Betawi. Cadangkanlah satu jambatan alternatif atau buat *design* jambatan bertingkat kalau boleh yang selalu dilaung-laungkan oleh Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Ada sedikit lagi, tadi sedikit, ini ada sedikit lagi. Dekat Pekan Putatan itu pula, satu jam kerana *highway* baru yang direka ini tidak mengambil kira lebar jalan yang sesuai digunakan apabila di tempat tumpuan orang ramai dan kenderaan banyak *especially during* Tamu, Tuan Pengerusi, *highway* pun kena dijadikan tempat letak kereta. Tuan Pengerusi, di hadapan itu ada *U-Turn* yang dilalui oleh Jalan Penampang.

Jadi bagaimanakah *design* ini? Tolonglah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Tolonglah, saya belum habis lagi ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi ramai yang hendak bercakap. Masa lima minit sudah sampai.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Banyak ini, sedikit sahaja lagi. Okeylah, saya sokong [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Lipis.

12.19 tgh.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Maksud P.27 Butiran 31000, 41000, 51000 dan beberapa butiran lain lagi di bawah tajuk Jalan Raya dan Jambatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara yang telah dibangkitkan, tidak perlu ulang lagilah saya minta.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Belum lagi, belum lagi. Yang pertama sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak JKR kerana telah membina dan menambah baik jalan atau menaik taraf jalan laluan 8. Walau bagaimanapun, malangnya jalan dari Bentong ke Raub ini berombak-ombak. Bila kita melaluinya, rasa macam kita duduk dalam laut pula, macam naik kapal, bukan naik kereta dan ini sangat membahayakan keselamatan pengguna jalan raya tersebut. Apabila saya tanya salah seorang dari jurutera yang berada di kawasan tersebut, ia mengatakan jalan tersebut, dari Bentong ke Raub itu ada kesilapan dari segi reka bentuk dan sehingga sekarang masih belum dibaiki lagi.

Yang keduanya, laluan 8 juga iaitu jalan dari Kuala Lipis ke Gua Musang terutamanya di sekitar Chegar Perah di mana laluan tersebut sangat bahaya dan banyak kematian telah berlaku di sana, yang terbesar ialah berlakunya pelanggaran bas. Baru-baru ini, seorang warganegara Perancis telah putus lehernya dan kepalanya tercampak di atas jalan, putus. Jadi, baru-baru ini saya pergi ke kawasan tersebut masih tidak ada tanda lagi jalan tersebut hendak ditambah baik ataupun hendak dibaiki.

Yang ketiganya laluan dari Kuala Lipis melalui Kerambit, Melor, Kuala Tembeling ke Jerantut. Laluan ini sekarang telah menjadi jalan besar atau dengan izin, *main road* di mana pengguna-pengguna jalan raya yang datang dari sebelah Selatan Pahang, Temerloh, Jerantut sehinggalah ke Segamat, Johor Bahru dan sebagainya akan melalui jalan tersebut untuk ke Kelantan. Jadi jalan itu telah menjadi sibuk tetapi jalan itu masih lagi terlalu kecil. Jadi kita mohonlah kepada JKR ini supaya jalan tersebut dinaik taraf dan dilebarkan terutamanya dari Kerambit ke Jerantut.

Yang akhirnya ialah, saya memohon supaya satu jambatan menyeberangi Sungai Jelai terutamanya di kawasan di antara Mukim Cheka 1 dan Mukim Kuala Tembeling dibina. Ini dengan tujuan untuk menyemarakkan ataupun menggalakkan pertumbuhan di seberang Sungai Jelai tersebut kerana setakat ini setelah 47 tahun merdeka, kawasan itu masih sangat tertinggal, jalan raya memang tidak ada sebab tidak dapat dibina kerana tidak ada jambatan. Kalau buat pun, gajah sahaja yang lalu, bekalan air pun tidak ada, dan sebagainya, jadi sangat ketinggalan. Kita harapkan dengan adanya jambatan tersebut, dia boleh membangunkan kawasan tersebut.

Saya pun tidak hendak bercakap panjang kerana Tuan Pengerusi memandangkan jam banyak kali.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasihlah.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Jadi, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong. Yang Berhormat bagi Kepong sudah bangun sejak pukul 5 petang tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita *start* pukul 11, macam mana pukul 5 dia sudah bangun. Ini ...*[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Petang semalam, minta maaf. Yang Berhormat.

12.23 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Butiran 050000 – Program 050200 – JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 020000, 020200 – Kejuruteraan Cerun dan Butiran 030000, Program 030100 – Cawangan Kerja Bangunan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, sebenarnya saya mempunyai banyak masalah, bukan sahaja di Kepong bahkan juga termasuk MATRADE. Hanya yang pertama, saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai dan juga Pontian, kita mesti memperuntukkan 10% daripada peruntukan JKR untuk melatih kakitangan di dalam kementerian dan JKR itu supaya kita dapat meningkatkan mutu kawal selia ke atas semua projek di negara ini.

Yang kedua, saya mencadangkan supaya pihak kementerian itu membuat satu kajian ke atas semua bangunan sama ada swasta atau awam di negara ini untuk mengetahui masalah produk-produk asbestos kerana asbestos akan mewujudkan barah atau “*mesothelioma*” kepada manusia. Jadi, kali ini saya bangkitkan masalah JKR dan juga Kementerian Kesihatan mestilah membuat kajian di seluruh negara untuk mengetahui produk-produk asbestos dan cara-cara untuk mengatasi supaya kita dapat jaga rakyat Malaysia ini sebab Timbalan Menteri pun dia belum tahu lagi banyak bangunan masih menggunakan asbestos walaupun benda itu boleh mengakibatkan kesakitan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, secara ringkas mengenai MRR2 di Kepong, saya berharap pihak kementerian dapat mengumumkan laporan *Halcrow* sebab setakat ini kita pun tidak tahu sama ada laporan itu sudah siap dan dikemukakan kepada kementerian dan kemudian kepada jemaah Kabinet. Saya pun belum tahu, pihak akhbar pun belum tahu, semua orang tak tahu termasuk Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dan saya berharap dapat diberitahu dan juga apakah langkah yang telah dan akan diambil untuk menyelesaikan masalah yang melibatkan beratus ribu orang yang tersesak di jalan. Walaupun Jerai tidak sesak di situ tetapi fikiran dia pun sesak juga. Tuan Pengerusi,

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Point order 36(2)

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada masa, tidak ada masa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sangkaan jahat Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada masa. Kemudian mengenai MATRADE juga laporan terakhir yang kita kemukakan. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya berharap dapat menjawab dengan tepat dan saya akan mengulangi masalah MRR2, MATRADE dan juga projek Lebu Raya Utara-Selatan. Saya berharap dengan masalah Gua Tempurung menjadi 'gua runtuh' - kita dapati bukan di Arau sahaja ada gua. 'Gua runtuh' mesti kita tukar kepada nama ini kerana dari segi realiti dan daripada akhbar kita tahu banyak lagi tempat boleh jadi runtuh. Setakat ini saya berharap pihak kementerian dapat memberitahu dengan teliti apakah masalah di Lebu Raya Utara-Selatan dan apakah penyelesaian untuk menyelesaikan masalah tanah cerun dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya berharap pihak kementerian dapat mempertimbangkan sama ada kita akan lanjutkan projek untuk memperbesarkan atau melebarkan bahagian-bahagian Lebu Raya Utara-Selatan kalau kehendak kita memperluaskan, melebarkan bahagian-bahagian yang sesak itu, maka saya bercadang kita mempertimbangkan cara untuk memberi konsesi kerana dia akan lanjutkan konsesi kepada PLUS *expressway* yang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik, baik. Saya memang ada mengatur dan banyak perkara lagi yang ada kena-mengena dengan JKR dan kementerian, saya tak sempat hari ini untuk membangkitkan. Cuma saya berharap apa yang saya cadangkan itu termasuk *empowerment* Tuan Pengerusi. Yang penting sekali kita mesti memberi *empowerment* yang tepat, persis dan jitu kepada pihak-pihak yang tertentu termasuk JKR supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan betul, tanggungjawab, dan memuaskan rakyat. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya telah buat keputusan bahawa pembahasan ini akan tutup pada jam 1.00 tengah hari. Menteri atau Timbalan Menteri akan menjawab pada petang ini. Apakah pandangan Yang Berhormat di sini?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagi setengah jam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Elok Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah buat keputusan. Sebenarnya kita sudah lewat, sudah lambat. Minta maaf. Jadi saya cuba blok satu orang kalau boleh bersetuju saya benarkan tiga minit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Boleh, boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Seorang tiga minit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Siapa dia? Jerai?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hujung sekali.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Ketawa]* Tidak setujulah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih. Tuan Pengerusi.....

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Bera, hujung.

Ir. Shaari bin Hassan: Hujung, hujung sini. Terima kasih Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kawankah Yang Berhormat?

Ir. Shaari bin Hassan: Ini hujung. Hujung sini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah. Itu tidak perlu bangkit lagilah. Yang Berhormat, tiga minit ya Yang Berhormat. Apa isu keluarkan sahaja.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 010200 dan lain-lain. Sebab hendak cepat. Saya hendak bangkitkan mengenai persoalan tentang jalan daripada Temerloh-Mentakab. Jalan sehalu berkembar yang sepatutnya telah siap pada tahun lepas tetapi sehingga ke hari ini saya difahamkan cuma 65% sahaja yang disiapkan. Alasan yang diberi adalah masalah kewangan syarikat yang diberi kontrak tersebut.

Saya difahamkan bahawa syarikat yang diberi mempunyai projek-projek lain dan syarikat yang sama ini juga yang menjalankan projek membina MRR2. Jadi inilah persoalannya, satu syarikat diberi terlampau banyak projek dalam satu masa.

Beberapa Ahli: Ya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Sedangkan syarikat-syarikat lain tidak mempunyai projek.

Dato' Dr. Wan Azmi Ariffin: Hentam sama dia. Siapa bagi?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Syarikat Bumihiway. Syarikat Bumihiway mempunyai banyak projek dalam satu masa menyebabkan mereka tidak mampu menyiapkan projek yang diberi dalam masa yang ditetapkan. Inilah yang menyebabkan akhirnya timbul persoalan daripada rakyat sama ada adakah pihak tertentu di dalam JKR mempunyai kepentingan di dalam syarikat ini.

Perkara-perkara seperti inilah yang menimbulkan persoalan kepada rakyat. Begitu juga dengan projek-projek lain. Saya tidak faham bagaimana projek yang baru disiapkan seperti Projek *Highway* Karak ke Kuantan. Baru disiapkan, dua tiga bulan digunakan sudah rosak. Seperti yang berlaku di MRR2, baru digunakan rosak, MATRADE terus tidak boleh diguna.

Jadi perkara-perkara seperti ini yang menimbulkan kesangsian rakyat kepada JKR. Menteri yang sepatutnya bertanggungjawab menjawab tidak konsisten. Besok cakap lain, hari ini cakap lain, lusa cakap lain. Menteri Besar saya cakap lain, Menteri Kerja Raya cakap lain. Soalnya ini satu tanggungjawab yang besar yang melibatkan wang rakyat. Pembinaan projek-projek besar melibatkan wang rakyat, tetapi bila timbul soal-soal seperti ini akhirnya jawapan yang diberikan oleh pihak kementerian tidak memuaskan terutamanya jawapan yang diberi oleh Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya mencadangkan supaya oleh kerana perkara ini serius jikalau perlu BPR menyiasat hingga ke akar umbi di JKR, BPR mesti masuk menyiasat hingga ke akar umbi. Kalau ianya melibatkan Menteri sekalipun BPR mesti berani untuk menyiasat Menteri sekalipun di dalam soal ini iaitu perkara-perkara yang saya sebut tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Akhir sekali untuk di kawasan saya, jalan laluan 10 daripada Temerloh sehingga ke Bahau yang melalui Bera. Jalan ini telah pun diminta tetapi terlalu sempit, sudah tidak sesuai lagi. Kita telah pun meminta peruntukan semenjak daripada RMK-8 tetapi jawapannya tidak ada kewangan. Saya minta supaya peruntukan untuk laluan 10 daripada Temerloh ke Bahau melalui Bera perlu disegerakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Jasin.

12.34 tgh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 01000, 020100. Masalah yang kita hadapi pada hari ini sedihlah. Saya selaku kontraktor yang berdaftar 20 tahun sudah pernah menjadi Pengerusi Persatuan Kontraktor Negeri Melaka dan pernah menjadi Bendahari Kontraktor Malaysia. Kita lihat pada akhir-akhir ini JKR makin lama makin teruk yang mana pada peringkat awalnya kalau kita jumpa Menteri dia kata hendak membantu kontraktor bumiputera.

Tetapi akhir-akhir ini hanya retorik sahaja hendak menolong bumiputera tetapi banyak di antara syarikat-syarikat bumiputera kalau kita lihat atau dengar kawan-kawan cakap tentang MRR2, Hospital Pandan, MATRADE, Lebuhraya Pantai Timur yang mana kontraktor bersalah pun dibagi lagi. Amat sedih sekali Tuan Pengerusi. Ini pun silap kita Tuan Pengerusi.

Fasal kementerian Kerja Raya, kita hendak ubah nama ini, dia raya. Jadi raya dia belanja sahaja, jadi kita hendak ubah menjadi kementerian kerja umum kerana dia kerja untuk orang ramai, barulah kena. Mengambil hati orang ramai, menjaga hati orang ramai, tetapi oleh kerana ia Kementerian Kerja Raya, Menteri Kerja Raya, Timbalan Menteri Kerja Raya dia hendak beraya sahaja. Yang menyedihkan, kita tengok MRR2 sepatutnya peruntukan itu RM200 juta, tetapi buat silap sedikit, dia raya lagi sudah jadi RM500 juta.

Hospital Pandan tersilap sedikit daripada RM197 juta sudah tambah jadi berapa? Yang kita hairankan dulu kita pernah Persatuan Kontraktor Melayu pernah membantah kepada kementerian, mengapa satu projek raksasa iaitu pemasangan paip di seluruh negara diberi kepada Antah *Biwater*, jawapan daripada Menteri, kita hendak panggil Antah *Biwater* datang supaya kita hendak belajar teknologi dia. Kita hendak belajar cara dia mengatasi masalah air, memang benar kita akur, konon kita hendak tengokkan dia punyai *standard* macam mana dan yang menghairankan kita, semasa Antah *Biwater* menjalankan kerja banyak di antara kontraktor-kontraktor kita gulung tikar kerana kita tidak ada *up to that standard* dan seharusnya melalui pengalaman yang ada sepatutnya jurutera-jurutera JKR ini lebih lagi pakar dengan ada kerjasama Antah *Biwater*. Tetapi malangnya hari ini kita hendak salahkan kontraktor, kontraktor memang kerjanya mencari untung. Yang SO itu, yang menjaga projek JKR ini, adakah JKR sekarang kurang pakar. 210 orang *engineer* apa sahaja pun ada, tetapi kita lihat

bagaimana projek-projek yang begini besar macam MRR2 ini, diberi kepada konsultan, apakah JKR ini kurangkah konsultan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukup.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi saya berharap Tuan Pengerusi, ini oleh kerana kepentingan orang ramai, kita harap supaya JKR ini terpaksa diubah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi, JKUkah, jadikan apakah, supaya apa yang dihasratkan oleh kerajaan, duit orang ramai ini kita sama-samalah kena jaga Tuan Pengerusi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Aman.

12.37 tgh.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Tuan Pengerusi, saya hendak memperkongsikan kebimbangan saya kerana di MATRADE itu JKR mengatakan tugas mereka adalah memantau, tetapi kita nampak telah kegagalan dalam pemantauan dan di MRR2 JKR mengatakan tugas mereka adalah mengaudit. Kita pun nampak sudah gagal pengauditan. Kalaulah begini pihak kerja Jabatan Kerja Raya, jadi saya nampak satu hari nanti bangunan kita di Malaysia yang besar-besar itu akan runtuh dan apabila runtuh nanti *they start finger pointing*..

Jadi, sebelum ini terjadi, sebelum bangunan kita runtuh dan nyawa hilang saya minta satu usaha dibuat oleh kerajaan supaya menilai semula apakah tugas Jabatan Kerja Raya, di manakah kekurangan dan kalaulah ada penyelewengan, kita buang pegawai-pegawai yang menyeleweng.

Pegawai-pegawai yang harus memantau tetapi tidak melihat seperti di Bangunan MATRADE, patut digunakan batu-bata tetapi surat khabar yang di gunakan untuk menguatkan dinding-dinding itu, macam mana orang yang sepatutnya sudah ada ijazah dalam *engineering* tidak tahu surat khabar ini tidak harus digunakan. Beliau tidak harus, pegawai yang memantau itu tidak harus diberi latihan semula, patut *basic degree* beliau itu sudah cukup untuk menentukan apa yang beliau harus terima apabila kontraktor-kontraktor mengesyorkan bahan ini patut diguna, bahan itu patut diguna dia patut pandai, mana satu patut di terima mana satu patut di tolak.

Dan *auditing*, kalau kita biasanya, bila kita audit sesuatu kita mengatakan ini betul, ini tidak betul, ini mesti ikut, ini jangan diikuti dan ini adalah suatu kegagalan asas

basic failure, dan saya rasa *engineer* yang gagal mengaudit sesuatu yang salah saya rasa sijil ijazah beliau patutlah

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald: dimansuhkan. Beliau patut dibuang kerja serta-merta. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pensiangan.

12.42 tgh.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya juga ikut sama dalam membentangkan Perkara P.27 - Kementerian Kerja Raya. Butiran 08260 – Naiktaraf dan Pemulihan Jalan Raya Yang Baru, 08230 - Pembinaan Jambatan (Projek Baru), 08280 - Pembinaan Jalan Raya (Projek Baru) juga dan juga saya akan menyentuh mengenai dengan 08600 - Projek Naiktaraf dan Bangunan-bangunan Kerajaan 11803. Terima kasih kerana diberi peluang lagi, pendek sahaja, tiga minit.

Satu, jalan raya di bahagian pendalaman khusus terus pergi ke Pensianganlah ya, sebab apa yang lain-lain itu sudah di cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik-baik.

Tuan Bernard S. Maraat: Ya, Pensiangan memerlukan satu perkembangan yang baru, yang dulunya Terengganu dan Kelantan ini gerhana. Di Bahagian Pensiangan ini gelap gelita. Sekarang kita hendak bagi siang dan yang bagi siang ini adalah Barisan Nasional. Sekarang ini pertumbuhan petani di Bahagian Pensiangan khusus Bahagian Sook, kita telah membuat ada satu kilang dipunyai oleh kerajaan syarikat usaha sama di antara *local entrepreneurs* dengan kerajaan negeri, yang ini telah memberi satu kesusahan bagi pekilang-pekilang dan juga para petani disebabkan jalan raya yang masuk daripada Batu 16 ke Belining ini lebih kurang 21.4 kilometer adalah jalan raya yang perlu di naik taraf iaitu supaya ia ini diturapkan bahawa pengeluaran minyak sawit daripada kilang ini terjejas apabila musim-musim tengkujuh, seumpama sekarang ini yang hujan dan sebagainya, yang membuntukan pergerakan pengangkutan-pengangkutan minyak sawit ke tempat-tempat *refinering*, .itu perkara pertama.

Yang kedua, saya juga minta kepada kerajaan negeri supaya melihat jalan raya Tambunan-Ranau ini yang saya rasa ini sudah begitu teruk sangat sehinggakan

semua kereta-kereta kenderaan yang bergerak daripada pedalaman Keningau ini terpaksa mengikuti jalan raya Kota Kinabalu-Ranau-Sandakan, yang ini mengambil masa lebih lima jam tambahan. Ini akan merugikan bukan sahaja kepada syarikat-syarikat kerajaan usaha sama tetapi juga merugikan pihak kerajaan bila kerajaan memberi subsidi-subsidi diesel ini.

Jadi oleh yang demikian, saya minta daripada kerajaan Kementerian Kerja Raya itu melihat jalan-jalan raya seumpama ini yang perlu diberi tumpuan secara makro, bukan hanya banyak yang dikatakan hanya batuk di tangga, cakap tidak seperti buat *must work the talk*, dengan izin, itu satu perkara. Tetapi namun demikian biar pun kebanyakan kawan-kawan sedang menekankan kepada Jabatan Kerja Raya ini perlu saya jugalah bagi suara yang baik, banyak juga kerja-kerja Jabatan Kerja Raya yang telah buat umpamanya di Keningau, Jalan Keningau-Kimanis dalam pembinaan, ini akan menyenangkan orang-orang dari Keningau.

Dan juga pembinaan lebuhraya, jalan-jalan besar daripada Nabawan ke Sepulut dalam pembinaan sekarang, biar pun mungkin terlambat. Saya juga difahamkan bahawa lebuhraya ataupun jalan raya besar daripada Sepulut ke Kalabakan dalam usaha kerajaan juga untuk membuat supaya pergerakan ekonomi ini akan terus bergerak dengan baik.

Harus difahamkan jalan raya-jalan raya yang ada sekarang ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri, disebabkan peningkatan dari segi aktiviti-aktiviti ekonomi, aktiviti-aktiviti masyarakat, aktiviti-aktiviti import dan eksport pembangunan komersial dan pembangunan pelancongan yang harus diberi penumpuan, selain daripada pengeluar hasil-hasil tani.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Bernard S. Maraat: Dengan itu saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Puchong.

12.46 tgh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terus sahaja kepada Butiran 1001 iaitu Projek Penswastaaan Jalan PBT dan juga 20000 - Membina Persimpangan Bertingkat dan Jambatan. Kerana kesuntukan masa, saya terus sahaja masuk kepada isu yang saya akan huraikan ini.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya sudah membangkitkan perkara ini juga di dalam Dewan ini mengenai bilakah kita boleh dapatkan persimpangan bertingkat yang menyambung di antara Kinrara di kawasan saya dengan PJ Selatan. Walaupun saya telah menimbulkan perkara ini dahulu, dan juga saya juga difahamkan bahawa Ahli Parlimen yang dulu iaitu Ahli Parlimen Yang Berhormat bagi Serdang itu pernah cakap juga, saya tulis surat kepada pihak JKR, tidak dijawab dan juga saya difahamkan Yang Berhormat dari PJ Selatan iaitu *Deputy Minister of Information* dia juga tulis surat pun tidak ada jawapan. Tetapi yang anehnya ialah bila JKR ini ada kerja macam pembinaan jalan di Jalan Puchong, yang menyambung Jalan Puchong di kawasan Puchong kepada Yang Berhormat bagi Sepang di Jalan Dengkil itu, projek yang bernilai lebih kurang RM94 million itu, sampai hari ini tidak ada jawapan kerana pelebaran jalan itu kadang-kadang ada kerja kadang-kadang tidak ada orang kerja, sampai hari ini pun saya tidak tahu macam mana. Yang paling sedih sekali ialah bagaimana *design* jalan itu boleh berlaku kerana jalan itu terlalu dekat dengan kawasan perumahan itu satu contoh.

Contoh yang kedua ialah mengenai pelebaran jalan di antara Batu 12 sampai Batu 14, sampai hari ini bila saya *check* dengan kawasan ataupun Majlis Jurutera Daerah dia kata saya tidak tahu, apa perkembangan yang berlaku. Adakah ini bermakna ada dua kumpulan di JKR negeri dan JKR di daerah, jadi inilah masalah yang kita hadapi. Saya berharap JKR ini, persimpangan itu hanya bernilai lebih kurang tidak sampai RM5 juta tetapi kalau dalam dua butiran ini kalau kita campurkan *figure* itu lebih daripada RM15 juta dan kita sudah

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Lau Yeng Peng: Boleh gulung? Tidak sampai lagilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tiga minit, kalau...

Tuan Lau Yeng Peng: Tiga minit, kalau macam ini okey, ada dua, tiga persoalan yang saya hendak tanyakan iaitu bagaimana apakah kriteria untuk JKR untuk menetapkan atau menentukan sesuatu projek dalam sesuatu kawasan. Saya betul-betul berharap apakah keputusan ataupun apa yang telah diputuskan ini sebelum membuat keputusan, beritahulah dengan satu berita ataupun apakah perancangan itu kepada wakil-wakil rakyat tempatan. Ini penting kerana kalau kita tidak faham, kita tidak tahu apa yang berlaku, kalau sesuatu masalah berlaku, kita yang bertanggungjawab. Saya berharap ini JKR ataupun Kementerian Kerja Raya boleh

memberikan satu jawapan yang terus terang, boleh buat ataupun tidak boleh buat, apakah masalah yang terlibat untuk kedua-dua persimpangan ini. Dengan ini saya menyokong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Serdang.

12.48 tgh.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Trafik Kajang atau Lebuhraya SILK telah bermula operasinya beberapa bulan, berbagai reaksi daripada masyarakat setempat kerana tidak ada lorong khas untuk motosikal diwujudkan.

Kedua, tidak ada tempat perteduhan hujan diadakan.

Ketiga, di hadapan di Pusingan U di hadapan Plaza Tol Bukit Kajang tidak selamat.

Keempat, tidak cukup jejantas.

Ini tidak selaras dengan visi Lembaga Lebuhraya Malaysia itu 'Cepat, Selamat, Selesa'. Oleh itu, pentingnya terlibat dengan ciri-ciri keselamatan.

Saya difahamkan RM400 juta telah diuntukkan untuk membantu menaikkan taraf jalan lama di kawasan Balakong dan Kampung Sungai Ramal supaya dijadikan Lebuhraya SILK. Buat waktu ini tiga jejantas dibuat di kawasan Balakong dan dua di Kampung Sungai Ramal. Oleh itu banyak kes kemalangan berlaku maka Lembaga Lebuhraya Malaysia bersetuju untuk menambahkan tiga jejantas di Balakong dan dua di Kampung Sungai Ramal kerana terlibat sekolah dan masjid, tetapi terpaksa menunggu kelulusan peruntukan kerajaan. Tetapi apa salahnya mintalah syarikat konsesi buat dahulu selepas itu kerajaan bayar, keperluan ini sangatlah mendesak.

Lebuhraya Sungai Besi, jalan ini adalah jalan lama dijadikan lebuh raya. Di kawasan lebuh raya CH720 Pusingan U dekat Desa Serdang ini begitu teruk keadaannya kerana jarak pendek. Saya minta CH720 dilanjutkan ke UPM *traffic light* dijadikan Pusingan U.

Kedua, mewujudkan lorong khas untuk motosikal di sebelah jejantas dekat Desa Serdang.

Tuan Pengerusi, Jalan Persekutuan laluan 3215, daripada LDP melalui Jalan Besar Seri Kembangan ke Lebuhraya Sungai Besi sepanjang 9.4 kilometer telah

diwartakan pada tahun 1996. Lapan tahun selepas itu Jalan Persekutuan ini masih tidak berubah, kerana:

- (i) muka jalan tidak rata.
- (ii) kekurangan lampu isyarat jalan;
- (iii) tanda-tanda *traffic* tidak cukup;
- (iv) jalan sesak; dan
- (v) koordinasi di antara MPSJ untuk menyambung jalan-jalannya tidak

begitu baik. Keselamatannya tidak cukup.

Apakah sebabnya berlaku demikian? Saya amat faham, kebijaksanaan pegawai kanan di JKR boleh memahami keadaan yang sepatut dijalankannya untuk menaiktarafkan jalan supaya menjadi jalan Persekutuan yang sebenarnya.

Akhirnya, jalan Persekutuan laluan 217 – ini daripada Bulatan Kelab Kuda Selangor yang disambung dengan lebuh raya Kuala Lumpur – Subang Highway dan Lebuh raya Sungai Besi terus ke LDP dan Kesas Highway sepanjang 3.3 kilometer diwartakan sebagai jalan Persekutuan, begitu sesak sekarang ini, kerana lampu isyarat yang menjadikan masalah menyekat laluan yang lebih cepat, maka siasatan daripada kementerian, EPU dan pihak-pihak yang lain perlu datang menyelesaikan, satu *solution* ini sahaja, iaitu membina persimpangan bertingkat untuk menggantikan lampu isyarat akan menyelesaikan keadaan yang sesak di Bulatan Kelab Kuda Selangor di mana ramai pegawai kanan dan pemimpin negara sentiasa menghadapi masalah di situ.

Saya mintalah, lebih 17 projek [*menunjukkan sebuah buku*] yang melibatkan berbilion, jadi bolehlah bagi persetujuan untuk membina persimpangan bertingkat itu dapat dilakukan pada tahun hadapan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanah Merah.

12.52 tgh.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tunggu lama pun terpaksa. Hari ini kita tengok rata-rata mengatakan kelemahan kepada Kementerian Kerja Raya. Berbagai-bagai contoh telah diberi dan sudah pasti kita hari ini dengan adanya Timbalan Menteri yang begitu cekap dalam bidang kejuruteraan dan juga pembinaan, sudah pasti dapat menilai apa kehendak rakyat dan kehendak Ahli Parlimen hari ini.

Kita percaya bahawa JKR ini kita tidak hendak jadikannya sebagai jabatan yang antik. Kita perlukan kepada pembaharuan dalam JKR. Tengok, hari ini kerajaan melalui Bajet 2005, RM5 bilion lebih diluluskan. Ini bukan perkara kecil dan perlu diperkasakan JKR ini – perlu dinaikkan martabat JKR ini.

Kekuatan di dalam JKR, contohnya EKRAM – kepakaran yang diiktiraf bukan sahaja di dalam negara kita, tetapi di luar negara juga, tetapi kenapa diswastakan sehingga kakitangan profesional dan separa profesional JKR tidak dapat ruang untuk menimba ilmu ataupun untuk belajar, kursus dan sebagainya.

Kita lihat bahawa IKRAM ini telah banyak memberi latihan kepada kakitangan JKR. Pada hari ini kakitangan JKR kena bayar kepada Ekran Bhd. untuk memberi latihan kepada golongan profesional dan sebagainya. Saya saran kepada JKR – saya ingin bertanya kepada kementerian kenapa IKRAM ini diswastakan dan apakah faedah yang kerajaan dapati?

Tuan Pengerusi, saya teruskan kepada Butiran 00600 – Jalan-jalan Raya Baru dan sebagainya dan juga Membina Jambatan Baru – Butiran 3000. Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya memberi tumpuan kepada Pantai Timur kerana kita lihat jaringan jalan dan juga jambatan di Pantai Timur ini tidak sama dengan Pantai Barat, di mana kita nampak tumpuan diberi kepada Pantai Barat dan menyebabkan Pantai Timur jaringannya agak berkurangan dan sudah pasti pembangunan ekonomi di kawasan Pantai Timur agak perlahan.

Saya mencadangkan supaya satu jambatan dibina di Tanah Merah yang menghubungkan daripada Paloh ke Mata Ayer di Machang kerana jalan dan jambatan ini amat penting - yang mustahaknya semasa musim perayaan sudah pasti jambatan di Lebuh Raya Timur – Barat dan juga jambatan di Pasir Mas sesak dengan kenderaan dan di antaranya saya rasa perlu satu lagi jambatan dibina. Kerajaan juga perlu menyelesaikan masalah lintasan kereta api di Tanah Merah, yang mana perlu ada satu *flyover* yang melintasi jambatan kereta api.

Saya sekali lagi menyokong kepada Kementerian Kerja Raya kerana membuat kajian kemungkinan jalan baru daripada Jeli melalui Tanah Merah dan seterusnya ke Kuala Krai. Saya berharap kajian ini akan diteruskan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan:dan akan diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup, Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan: Dan akan dilaksanakan dalam masa tempoh tiga tahun ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan: Tuan Pengerusi, saya gulung sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah cukup masa, Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan: Berkenaan dengan kemalangan jalan raya, kita nampak kawasan-kawasan kemalangan jalan raya di seluruh Malaysia ini di meratarata tempat termasuk seluruh kawasan Ahli Parlimen dan kita pasti peruntukan RM60 juta tidak cukup untuk membaiki *black spot area* ini, dan saya menyarankan kepada kementerian menambah peruntukan ini supaya kawasan ini dibaiki dengan sempurna. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah membuat keputusan pukul 1.00 tengah hari akan ditutup perbahasan dan pukul 2.30 petang Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Sekarang ada lagi masa untuk seorang. Di sini dua orang dan di sana ada tujuh. Yang adilnya saya bagi kepada pihak di sana, Jerai.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *[Bercakap kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam]* Yang Berhormat, masa. Saya sudah buat keputusan pukul 1.00.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

12.58 tgh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih di saat-saat akhir. Ini kerja Tuhan.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *[Bercakap kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam]* Saya tahu. Saya tahu Yang Berhormat hendak berucap tetapi saya telah membuat keputusan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya semua tidak bercakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa Yang Berhormat? Apa?

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Itu jangan cabar. Saya minta.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan jawab.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak bercakap, Tuan Pengerusi. Tadi mereka bercakap pasal jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Jerai, Jerai, sila duduk. *[Bercakap kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam]* Jangan cabar.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sudah memberikan peluang kepada pembangkang juga dengan peluang yang cukup, kalau dibandingkan dengan keahlian yang ada di Dewan yang mulia ini. Cukup, cukup. Jerai, sambung terus.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

Puan Chong Eng: Tadi Tuan Pengerusi mengatakan ...*[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi sudah bagi. Yang Berhormat, cukup, cukup.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, *[Bercakap dengan suara yang kuat]* saya ingin bercakap mengenai Kepala 80000 iaitu Membina Jalan-jalan Baru. Tadi sudah banyak wakil rakyat yang bercakap pasal jalan pekan, jalan bandar dan sebagainya. Saya hendak bercakap pasal jalan kampung. Sekarang ini Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dia bagi peruntukan untuk JKR jaga jalan kampung ini.

Tuan Pengerusi, jalan kampung tidak perlulah standardnya macam lebuhraya, tidak perlu standardnya macam jalan Persekutuan. Jadi, jalan kampung mengikut

estimate JKR ialah RM80 ribu, mengikut cara-cara pejabat daerah dahulu RM60 ribu. Kalau peruntukan sedikit, jalan pendeklah Timbalan Menteri, ooi!

Kita hendak jalan panjang. Buatlah cara kampung. Cara kampung ini *trailer* tidak lalu, cuma motor-motor kecil cara kampung sahaja. Janganlah jalan luar bandar, jalan *ban-ban* di kampung ini kita buat standard JKR sehingga memendekkan peruntukan yang kita dapat itu.

Kalau dahulu kita kata 3 kilometer ada (6 x 3) lapan belas – RM180 ribu. Sekarang ini jadi RM80 ribu satu kilometer jadi jalan itu pendek. Hak pendek ini mana sedap, Tuan Pengerusi. Bagilah hak panjang jalan itu.

Saya harap Timbalan Menteri balik dan pesan kepada Menteri – hari ini Menteri kena pun tibai cukup bagus. *[Ketawa]* Yalah, kadang-kadang sudah lama pun macam-macam. Jadi, balik bagi tahu kepada Menteri. Hak itu sahaja yang saya hendak bercakap tetapi hendak perhabis 1 minit. Nasihat kepada Timbalan Menteri – JKR ini jabatan yang sudah cukup lama, zaman tok wan dan datuk nenek kita. Zaman Mat Salleh pun sudah ada JKR. Saya minta Menteri dan pegawai-pegawai ini kerja elok-eloklah. Menteri jangan terlampau cengih, pegawai pun bekerja dengan elok.

Saya faham ini, sesetengah pegawai ini pun tidak berani maklumkan tauke ini keras tetapi bagi elok-elok, ya? Timbalan Menteri dengan Menteri pun kena eloklah juga, ya? Bagi eloklah yang mana tidak elok itu. Kadang-kadang *statement* bercanggah. Jadi, apabila *statement* bercanggah di bawah satu kementerian, kita tahulah. Tidak baca pun kita tahu. Kita pun bukan budak-budak, Tuan Pengerusi. Kita ini pak budak. Jadi, saya menyokong Tuan Pengerusi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Dewan ditempohkan pada jam 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dewan bersidang semula. Majlis dalam Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: 23 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap dan sekarang giliran jawapan daripada Menteri. Jadi, Timbalan Menteri, sila.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Tuan Pengerusi.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Pengerusi. Pertama saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dapat kesempatan untuk turut serta membuat penggulangan terhadap perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan oleh kesemua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini perkara yang menyentuh Kementerian Kerja Raya di peringkat Jawatankuasa dan sebagaimana yang telah pun kita sedia maklum seramai 23 Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian walaupun saya lihat ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian juga tetapi oleh kerana kita kesuntukan masa maka hanya 23 telah pun dapat mengambil bahagian.

Walau bagaimanapun, secara umumnya saya akan cuba memberikan jawapan tentang perkara-perkara besar yang telah pun dibangkitkan. Mana-mana perkara yang telah pun diperincikan secara khusus dan spesifik, saya yakin pegawai-pegawai kementerian telah pun membuat catatan dan perkara-perkara yang dalam bidang berkenaan dapat dilaksanakan seperti mana peruntukan yang telah pun sedia ada akan dapat dijalankan.

Yang Berhormat bagi Bentong telah membangkitkan tentang penutupan satu laluan sepanjang tiga kilometer dari Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak bagi tujuan pembaikan yang menyebabkan kesesakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perjanjian konsesi, semua kerja penyenggaraan lebuh raya adalah tanggungjawab syarikat konsesi dan pemilihan kontraktor dan pengawasan pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan dan naik taraf adalah dilaksanakan oleh syarikat konsesi berkenaan.

Walau bagaimanapun, LLM sebagai agensi kawal selia lebuh raya kerajaan, akan sentiasa memantau standard dan mutu kerja-kerja penyenggaraan tersebut berdasarkan laporan yang akan dikemukakan kepada Lembaga Lebuh Raya. Lembaga Lebuh Raya melalui pegawai-pegawai dari setiap zon akan memantau semasa dan selepas kerja-kerja penyenggaraan tersebut diadakan.

LLM sentiasa mengambil kira faktor-faktor yang akan timbul akibat kerja-kerja penyenggaraan tersebut melalui cadangan *traffic management* bagi mengelakkan berlaku kesesakan lalu lintas semasa kerja-kerja dilaksanakan. Masalah kesesakan ini untuk sementara waktu sahaja iaitu semasa kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan bagi kemudahan pengguna pada masa yang hadapan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Larut membangkitkan mengenai status terkini pembinaan persimpangan bertingkat Alor Pongsu, Perak di Lebuh Raya Utara-Selatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang bijaksana dari Larut, berdasarkan perjanjian konsesi Projek Lebuh Raya Utara-Selatan, cadangan pembinaan persimpangan bertingkat di Alor Pongsu, Perak adalah merupakan satu obligasi oleh syarikat konsesi iaitu PLUS Expressway Berhad.

Perjanjian konsesi menetapkan pelaksanaan projek ini akan dibuat oleh PLUS pada tahun 2011. Maknanya lebih kurang 7 tahun lagi. Yang Berhormat ada lagi atau tidak dalam Dewan ini agaknya? *[Ketawa]* *[Dewan riuh]*

Insyallah, mungkin sudah pindah sebelah sini kot. Anggaran kos RM35 juta jangka masa pembinaan dua tahun. *Ceiling* RMK-8 diluluskan RM5 juta sahaja. Kerajaan Negeri Perak telah memohon untuk mempercepatkan pembinaan projek ini mencadangkan kaedah pembayaran projek ditanggung bersama antara Kerajaan Persekutuan, PLUS Bhd. dan pemaju MK Sdn. Bhd. yang akan mendapat faedah secara langsung daripada pembinaan persimpangan bertingkat tersebut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Walau bagaimanapun, masalah penetapan kaedah pembayaran antara PLUS Berhad dan pemaju MK Sdn. Bhd. masih dalam peringkat perundingan. Silakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Nombor 4 ya, Yang Berhormat? Harap-harap tiga tahun lagi No. 1 lah. Ya, No. 1 negeri Selangor ya, Yang Berhormat?

Soalan saya, *interchange* ini, campur tangan kerajaan negeri saya diberitahu bahawa akan disegerakan memandangkan itulah *interchange* yang pada asalnya dirancang sebelum dibuka *interchange* di Semanggol ataupun Bukit Merah yang lebih dikenali.

Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat, kerana kalau tahun 2011, saya tidaklah hendak boleh mendahului Allah S.W.T. kerana selepas ini mungkin saya di sebelah sana. Mungkin Yang Berhormat pula di sebelah sini, Kita tidak tahu.

[Ketawa] [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Atas, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya. Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Atas tidak hendak duduk?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, Tuan Pengerusi pun begitu juga. Mungkin selepas ini

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tidak. Selepas itu, pindah semua. Kita keluar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bukan pindah. Pulang ke negeri kita tidak tahu mungkin pemimpin No. 1.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini, macam-macam boleh berlaku. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat yang begitu arif, yang hebat. Buat pertama kali bertanding dapat No. 4 tertinggi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah, tanya soalanlah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Itu soalan saya jugalah. Apakah sebelum Yang Berhormat sebutkan tadi tahun 2011, lambat sangat Yang Berhormat kerana kita minta kalau boleh disegerakan memandangkan projek Lebuh

Raya Utara-Selatan ini hari ini menjadi satu tumpuan terutama kita hendak membangunkan sebelah Utara sebab kawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga daripada sebelah Utara. Kalau bolehlah minta, kalau Yang Berhormat tidak jawab hari ini pun, Yang Berhormat boleh berbincang dengan Yang Berhormat Menteri.

Sebagaimana Yang Berhormat sendiri menyebut tentang jambatan kedua di Pulau Pinang, saya yakin Yang Berhormat kalau boleh disegerakan tentang *interchange* ini. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada masalah. Dekat sinikah atau dekat sana, dekat luarkah, dekat ataskah. Yang pentingnya Yang Berhormat selamat, saya selamat, yang atas pun selamat [*Ketawa*].

Yang mustahak Yang Berhormat, sebagaimana yang saya maklumkan bahawa atas tuntutan dan kehendak, dengan izin, *elevated interchange* ini yang dibuat di Alor Pongsu ini daripada segi *requirementnya* memang perlu diadakan tetapi dalam perancangan sekarang ini maknanya tahun 2011 bagi tempoh 7 tahun tetapi apa Yang Berhormat inginkan ialah supaya benda ini dipercepatkan.

Untuk mempercepatkan sesuatu perancangan itu, kita kena, dengan izin, *review* balik dia punya *project planning*, dia punya *requirement*. Jadi, saya akan mengambil ingatan atas kehendak Yang Berhormat ini dan cuba untuk kita laksana ataupun memendekkan, yang sepatutnya dibuat dalam tahun 2011 mungkin dalam tempoh dua atau tiga tahun boleh Yang Berhormat? Dua atau tiga tahun boleh ya?

Dua atau 3 tahun saya rasa masih yakin dan tetap yakin Yang Berhormat masih lagi di sini dan masih lagi di sana. Ahli Yang Berhormat bagi Bentong juga turut membangkitkan mengenai.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bera.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bera? Belum sampai Bera lagi. [*Ketawa*] Silakan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaacob [Bera]: Terima kasih. Yang Berhormat, saya cuma hendak tanya, tadi Yang Berhormat ada sebutkan mengenai pembaikan jalan oleh pemegang konsesi. Saya hendak tanya kalau pembaikan jalan dibuat oleh pemegang konsesi, tidakkah nanti akan dijadikan alasan oleh pemegang konsesi

misalnya untuk menyambung tempoh konsesi dengan alasan mungkin satu hari nanti dia kata oleh kerana banyak pembaikan jalan menyebabkan syarikat dia rugi dan sebagainya, jadi konsesi itu hendak disambung misalnya. Adakah perkara-perkara pembaikan boleh menyebabkan pemegang konsesi ini minta supaya dipanjangkan tempoh dan sebagainya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Bera atas perkara yang dibangkitkan. Dengan izin *parameter* ataupun asas yang digunakan apabila kerajaan bersetuju melantik setiap pemegang konsesi untuk melaksanakan lebuhraya yang dikawal oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Dengan izin, para meter - para meter itu mana-mana jalan yang dibina, reka bentuk yang telah pun ditetapkan termasuk dengan *normal maintenance of road*, itu sudah termaktub dalam perjanjian konsesi. Tetapi jikalau ada perubahan dari segi reka bentuk, contoh kalau macam jalan itu empat lorong hendak dijadikan enam lorong, masa itu ada perubahan, reka bentuk itu terkeluar daripada perjanjian konsesi dan setiap penambahan ini harus dirundingkan antara pihak konsesi dengan pihak kerajaan.

Apa yang saya bantangkan sebentar tadi perkara yang berhubung kait tentang *the normal maintenance of road* yang telah pun termaktub dalam perjanjian konsesi itu yang itu adalah tanggungjawab pihak pemegang konsesi dan memang mereka dituntut untuk melaksanakan ini sebagai satu tanggungjawab sebagaimana dalam ikat jamin dalam perjanjian konsesi tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading bangun hendak apa?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang ini kena bagi, kalau tak bagi payah.
[Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Timbalan Menteri Kerja Raya. Boleh layak jadi Menteri ni. [Ketawa] Dalam Majlis Tertinggi dah menang nombor empat, sekali cuba. Saya ditanya dan saya tidak dapat hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tanya Menterilah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Orang ramai tanya saya Tuan Pengerusi. Orang ramai ini rakyat Malaysia. Dia bertanya kepada saya, betul ke nilai atau kos

bagi membuat lebuh raya satu kilometer RM4 juta? Saya tanya kepada yang berkenaan, saya tak dapat bayangkan, Tok Empat itu tanya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jalan mana Yang Berhormat? Kalau jalan kecil tu....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Lebuh raya.

Seorang Ahli: Di mana-mana sahajalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Di mana-manalah, RM4 juta ini...

Seorang Ahli: Sipitang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Satu lori kecil duit dia.

Seorang Ahli: Termasuk Sipitang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Satu kilometer RM4 juta. Betulkah nilai ini? Ini pertanyaan orang ramai atau sengaja-sengaja di *top up*, di tambah-tambah, direka-reka kerana keuntungan sesuatu pihak. Satu-satu pihak itu makna ramai pihak. Sesuatu pihak, kalau satu pihak seorang sahajalah, ini sesuatu pihak. Ini timbul macam satu perbualanlah. Mereka berbual di kedai kopi, di warung atau di mana-mana tidak selesai, tidak boleh selesai. Maka tanya Ahli Parlimen, Ahli Parlimen ini pula bukan pakar tentang ini semua. Jadi tak faham saya maka tak dapat hendak jawab, fasal tidak boleh jawab sembarangan. Maka hari inilah kena masa dan ketikanya di Dewan yang mulia ini berhadapan dengan Timbalan Menteri Kerja Raya yang layak jadi Menteri ini, betulkah nilai? Jemput.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat atas sokongan tetapi jangan puji banyak-banyak sangat takut kepala besar takut pecah pula nanti, macam retak jalan. *[Ketawa]* Yang Berhormat, kos yang dihubung kait dengan pembinaan jalan raya ini bergantung dengan pelbagai aspek. Contoh, dengan izin Tuan Pengerusi, kita bercakap tentang jalan, jalan ini banyak kategori. Di Malaysia ada macam-macam jalan ada, jalan-jalan cari makan ada, jalan-jalan apa ada, tetapi jalan dari segi jalan ini kita ada jalan luar bandar PLB sebagaimana Yang Berhormat bangkitkan dahulu di bawah Kementerian.....

Beberapa ahli: *[Menyampuk]*.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Nanti sekejap – jalan, itu kita faham jalan ini. Kedua, jalan yang ditadbirkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), selepas itu dia ada jalan yang dipanggil *state road* – jalan negeri yang menghubungkan di antara

pekan ke pekan di dalam negeri tersebut, negeri Johorlah. Katalah macam daripada Parit Sulung ke Ayer Hitam.

Ketiga, Jalan Persekutuan. Yang lain itu yang atas daripada jalan ini dipanggil lebuhraya. Lebuhraya ini maknanya yang paling minimum spesifikasinya dipanggil *dual carriageway*. Dua jalan pergi dan dua jalan balik dengan berpagar dan tutup. Yang ini Yang Berhormat kalau RM4.5 juta, oh kalau kerajaan pada hari ini bersedia menerima RM4.5 juta itu, murah tu, paling murah. Sebab jalan MTD yang Lebuhraya Pantai Timur yang baru-baru ini harganya RM7.5 juta per kilometer. Kalau Lebuhraya RM4.5 juta murah Yang Berhormat. Tetapi kalau jalan *state road* belum tentu, kena tengok dia punya topografinya macam mana, sama ada dia ada penambakan tanah, ataupun dia ada potong batu, dia masuk lurah ataupun tidak. Tetapi kalau jalan luar bandar RM4.5 juta itu 'gila' Yang Berhormat. *[Ketawa]* Itu kerja 'gila'. Tetapi kalau jalan PBT RM4.5 juta ini kalau terpaksa hendak mengalih tiang telefon, hendak mengalih bangunan mungkin kos lebih tinggi daripada RM4.5 juta. Jalan mana Yang Berhormat maksudkan itu yang itu saya hendak tahu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sudah saya terang dengan jelas tadi, jalan lebuhraya, jalan yang Samy Vellu buat inilah. Bagi rakyat RM4.5 juta itu mahal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Satu lagi. Kemudian ketahanan dia. Saya tengok, saya berulang alik hari-hari Utara-Selatan, ketahanannya nampak tak juga begitu juga. Nampaknya, ada sahaja jalan yang di repair (*repair*). Maknanya nilai RM4.5 juta ini macam mana ketahanan? Ataupun *repair* ini memang sengaja *repair* untuk orang yang tertentu dapat konsesi ini, dapat terus *maintain*. *[Disampuk]* Jadi bagi saya kadang-kadang seolah-olah lebuhraya ini sudah tidak ada makna dah bayar tol, sampai berbatu-batu, lima enam kilometer kita jam, kita pun naik marah dia mengtolkan ini. Dia bukan peduli pula dengan pengguna yang bayar tol ini. Keselesaan pengguna itu tidak ada. Jadi, apakah ketahanan ini pun dipertikaikan. Siapa yang periksa? Siapa yang menentukan ketahanan, berapa lama ketahanan? Jadi rakyat berbunyi, rakyat tidak boleh tutup mulut dia, apabila rakyat berbunyi tidak boleh tutup mulut dia, kepada partilah dihentamnya, kepada wakil rakyatlah dihentamnya, maka itu wakil rakyat parti, hah ini engkau Menteri tolong jawab. Tetapi Timbalan Menteri saya tidak tahu, ini pun standard jawapan ataupun memang

sengajalah jawapan di mana-mana itulah, betulkah? Rakyat tidak boleh masuk akal ini, RM4.5 juta, eh boleh buat satu negeri kecil tau. Tak faham saya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, angka yang saya bagi pada Yang Berhormat RM4.5 juta itu untuk lebuhraya, itu satu angka yang murah. Kalau hari ini saya buat satu tender *exercise* secara terbuka telus saya tidak akan dapat pun RM4.5 juta *it be higher than that one*, itu *according*, dengan izin harga pasaran yang ada pada hari ini. Tetapi kalau jalan luar bandar RM4.5 juta itu kerja yang tidak munasabah. Kalau kata jalan *state road* kita akan semak macam mana topografi dia, macam mana dia punya rupa muka buminya.

Jalan ini Yang Berhormat, dia ada berbagai-bagai bentuk dia punya spesifikasi. Macam kita buat rumahlah. Rumah banglo, *finishing* dia sama ada dengan *granite tile*kah, dengan dia punya *marble*kah, apa semua, dia punya *finishing*. Jadi, saya boleh buat RM250 kaki persegi dan saya pun boleh buat juga RM100 kaki persegi. Jadi, saya dapat juga bangunan. Tetapi, dia punya *finishing*, kerana tujuan lebuhraya ini untuk memberikan kemudahan kepada pengguna, contoh. Pada hari ini, kita boleh sampai ke Kuantan dalam tempoh dua jam, *toll to toll*. Kalau dahulu, memakan masa sekurang-kurangnya enam jam dan kadar tol...

Tuan Haji Abdul Fatah Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rantau Panjang bangun Yang Berhormat!

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:dan kadar tol yang dikenakan masih lagi sama dengan kadar tol yang dikenakan dalam PLUS *Highway* ini, 12 sen per kilometer. Maknanya, apa yang kerajaan bangunkan adalah untuk menyediakan kemudahan lebuhraya. Sebagai contoh dengan izin, *the geometry design*, struktur reka bentuk Lebuhraya Pantai Timur selepas sahaja turun daripada Karak, saujana mata memandangi, selagi itulah kita nampak jalan yang ada di hadapan. Itu yang kadangkala Yang Berhormat itu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rantau Panjang bangun Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:pasal dia sudah lalai sedikit, sepatutnya maksimum dia tekan 110 tambah sedikit 120 kilometer, dia terlajak 180 kilometer. Itu sebab kadang-kadang yang lembu terlepas masuk dan kena potong

dengan dawai itu, dengan lembu-lembu pun dia lanyak sekali Yang Berhormat. Ya, itu masalahnya Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Rantau Panjang bangun.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jadi, Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merasa hairan di antara Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini bergaduh pasal harga jalan ini. Masing-masing seolah-olah macam orang tidak tahu sahaja, yang 10% dan 20% untuk UMNO. Macam buat-buat tidak tahu sahaja. *[Dewan gamat seketika]* Inilah, senang jawab, boleh buat senyaplah.

Seorang Ahli: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Rantau Panjang jahatlah. Mana ada 10%, 20% untuk UMNO? Apa? Saya tidak sebut UMNO pun.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya. Yang Berhormat Sri Gading....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Pengerusi, yang ini 36(1). Yang ini sangkaan jahat, Rantau Panjang ini. Dahulu, ramai sahabat sampai dekat sini. Sekarang ini, sudah terperuk dekat sana. Yang dahulu itu, Ipoh Timor tidak ada dekat sini, dekat luar. Yang ada itu, saya pun terlupa, daripada Marang dengan daripada mana? Jadi, Yang Berhormat janganlah ada sangkaan buruk. Bila kita bercakap untuk memberikan satu kemudahan infrastruktur dan prasarana yang terbaik kepada negara, prinsip utamanya Yang Berhormat, kita tahu bahawa kemudahan prasarana dan infrastruktur ini adalah milik rakyat. Kita juga sedar bahawa perkembangan dan pembangunan ekonomi sama ada di bandar, di desa dan di kampung, ia bergantung dengan kenaikan taraf dan peningkatan kemudahan prasarana dan infrastruktur. Untuk menyediakan satu infrastruktur lebuh raya, bukan satu perkara yang mudah.

Sebagai contoh, hendak bina sepanjang 169 kilometer Lebu Raya Pantai Timur yang sepatutnya kalau mengikut perancangan pembangunan ekonomi, dahulu 10 tahun sepatutnya Lebu Raya Pantai Timur ini sudah siap. Kalau 10 tahun Lebu Raya Pantai Timur yang menghubungkan sampai ke Kuantan siap, saya percaya bahawa pembangunan ekonomi desa, orang yang di Sungai Goh, orang yang di Mentakab, di Temerloh, pada hari ini sudah mendapat nikmat hasil daripada

pembangunan Lebu Raya Pantai Timur. Itu sebab kita mencadangkan dahulu masa Kerajaan PAS memerintah di Terengganu, supaya Kerajaan PAS bermurah hati menganugerahkan tanah supaya kita boleh siapkan lebu raya di antara Kuantan sampai ke Kuala Terengganu.

Tetapi, oleh kerana Kerajaan Terengganu PAS tidak bermurah hati, maka perkara ini tertanggung dan sekarang ini Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah di negeri Terengganu, ingin insya-Allah melunaskan tanggungjawab ini, untuk meneruskan pembinaan Lebu Raya Pantai Timur yang kedua.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, 'tidak bermurah hati' itu, apakah maknanya kerajaan yang jahat atau macam mana?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Itu lebih teruk daripada sangkaan jahat. Itu lebih teruk daripada sangkaan jahat.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Temerloh bangun Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jadi, sekejap. Kalau Kerajaan Terengganu sudah bermurah hati dahulu, seperti memberikan kemudahan tanah supaya kita boleh bina lebu raya, kita hendak bina lebu raya ini, kosnya penting Yang Berhormat. Kita hendak menggunakan cagar yang sedia ada itu, tetapi Terengganu dia sudah bagi konsesi *private* itu kepada *private company*, yang ganjaran dia masuk sedikit ke dalam negeri Terengganu, tetapi yang kita tahu sejumlah hampir RM300 juta hasil balak yang telah pun dikeluarkan di negeri Terengganu dalam Kerajaan PAS – perintah yang dahulu. Ini, yang berlaku. Kalau Yang Berhormat hendak *revertkan* apa yang saya cakapkan ini - yang itu, mana yang lebih buruk daripada bercakap tentang siapa dapat komisen, siapa tidak dapat komisen? Jadi, itu sangkaan yang tidak betul. Sila, Yang Berhormat bagi Temerloh.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum saya mengemukakan soalan Tuan Pengerusi, saya hendak mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar daripada sekolah-sekolah menengah di kawasan Parlimen Temerloh.

Beberapa Ahli: Wah! *[Tepuk]*

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: 120 orang semuanya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Penyokong, penyokongkah Yang Berhormat?

Seorang Ahli: Kalah pun ada penyokong?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Penyokong-penyokong saya. Ya, betul.

Seorang Ahli: Bakal pengundi, bakal pengundikah? *[Ketawa]*

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, nampak sejak jadi Timbalan Menteri Kerja Raya ini, *put on weight* dengan izin, sejak jaga jalan raya ini.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Ketawa]*

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Saya hendak tarik perhatian Tuan Pengerusi, Lebuhraya Pantai Timur, kita amat hargailah kepada Kerajaan Persekutuan, kerana telah membina satu lebuhraya yang begitu cantik. Memang benar ianya menggalakkan pembangunan ekonomi desa. Tetapi, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang ada membangkitkan, ada satu jaluran jalan ini, kalau tidak silap saya, kilometer 90 agaknya, sejak dibuka, sudah 184 kemalangan berlaku.

Mengikut yang dikemukakan oleh pihak polis kalau tidak silap saya dan juga Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan izin, *alignment* jalan itu yang amat berbahaya. Kita telah minta supaya pihak JKR dan Kementerian Kerja Raya meneliti, kerana kalau tidak akan lebih banyak lagi *accident*, kemalangan yang berlaku. Bayangkan, sejak dibuka, hanya beberapa bulan yang lepas, dua bulan yang lepas saya ingat, tiga bulan yang lepas, sudah 184 kemalangan berlaku. Jadi, yang maut saya tidak pasti. Tetapi, yang cedera parah ada. Jadi, saya tidak tahu macam mana. Baru-baru ini ada Yang Berhormat Menteri memberi jawapan. Tetapi, saya ingat jawapan itu tidak merupakan jawapan yang boleh menyenangkan rakyat. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasihlah. Tahniahlah Yang Berhormat bawa anak buah daripada kawasan. Semalam, yang lepas pun, Yang Berhormat bawa juga. Terima kasih atas peringatan, kerana badan saya agak naik sedikit Yang Berhormat, kerana kurang *exercise*, kerja kuat sedikit. Yang Berhormat, Lebuhraya Pantai Timur ini adalah satu lebuhraya yang direka bentuk berasaskan piawaian dan spesifikasi yang sedia ada, sudah ada dia punya *benchmark*. Contohnya dia tidak ada jauh beza pun dari segi spesifikasi dan reka bentuk yang dibuat dalam PLUS punya *road design* ini.

Cuma, mungkin daripada segi *geometrical design* ia, apabila turun sahaja daripada Lebu Raya Karak itu, ia terus kepada jalan yang mendatar ini. Bila jalan yang mendatar itu, *design the road* itu, ia punya *speed breaker* ia, dengan izin sebanyak 130 kilometer *per hour*. Yang Berhormat kena bayangkan daripada segi visual imej. Lepas masuk daripada Karak Highway itu, sudah berpusing-pusing itu, masuk sahaja TOL LPT itu, pemandu dia akan *start* mula pergi jalan yang itu dan selalunya kajian yang dibuat, orang *over drive*. Banyak yang berlaku kemalangan itu, dia punya kelajuan melebihi daripada 130 kilometer *per hour*.

Maknanya, ada yang sampai 180 kilometer. Jadi, jawapannya sama ada adakah kesalahan daripada segi reka bentuk, jawapannya - dia tidak ada. Adakah ini menyebabkan kecuaiannya kemanusiaan itu, ada asas yang menyebabkan kecuaiannya manusia itu. Satu lagi perkara yang berlaku dalam Lebu Raya Pantai Timur ini Yang Berhormat, yang dahulu juga berlaku di Lebu Raya Pantai Barat ini, banyak juga kawasan yang berpagar, yang apabila dibuat semakan, pagar ini sudah hilang Yang Berhormat. Apabila pagar ini sudah hilang, maka lembu, kerbau dia terbolos masuk. Apabila lembu, kerbau sudah masuk, ia pun hendak tengok *highway* Yang Berhormat, ia pun hendak pakai juga. Jadi, bila hendak pakai *highway* ini, kadang-kadang berlaku satu *accident*.

Jadi, pihak kementerian dan juga pihak MTD dan juga Lembaga Lebu Raya Malaysia sedang meneliti dan memantau untuk mengurangkan perkara-perkara ini supaya kemalangan yang akan menyebabkan kemalangan berat akan dapat dikurangkan. Tetapi saya berani meyakinkan di sini bahawa dari segi *design* dan spesifikasinya, ia mengikut ketetapan dan piawaian yang sedia ada. Mungkin ada *stretch of road* yang mana *roughnessnya* agak *bumpy* tetapi masih *within the tolerable measurement* yang digunakan dalam piawaian kejuruteraan.

Jadi, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Bentong juga turut membangkitkan mengenai tempoh penutupan selama satu minggu di kawasan runtuh lumpur di Gua Tempurung, beliau minta dinyatakan mengapa dan atas alasan apakah tempoh penutupan itu dibuat terlalu lama. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin bangun, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap, sekejap, saya habiskan dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat, dia hendak jawab.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Mengenai Gua Tempurung ini, kita masuk dalam *subject* Gua Tempurung, ya, kejadian di Gua Tempurung ini Yang Berhormat, untuk makluman semua Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, yang tadi bangkitkan, marah sangat tentang *the act of God* ini, saya ingin sebutkan bahawa peristiwa ini berlaku di tempat yang berbeza dari runtuhan yang berlakunya pada tahun 1999 – *it is one kilometre away from* kejadian tahun 1966. *So it's a different location.*

Dan berlakunya runtuhan lumpur ini, yang saya dapat makluman daripada pakar, pakar maknanya daripada IEM sendiri – *Institute of Engineers Malaysia* yang menghantar *geologists* mereka sendiri pada 12 Oktober (semalam) untuk memeriksa, maklumat yang disampaikan, dan dokumen ini saya boleh bagi kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Timur sudi hendak tengok, tetapi asasnya IEM mengatakan kejadian yang menyebabkan keruntuhan ini berlaku terletak jauh – 2,500 meter dari jalan yang sedia ada. Jadi, kalau 2,500 meter bermakna *about 2.5 kilometre* dan *slope failure* ini berlaku *on the natural slope*, bukan *slope* yang kita *cut* dan buat tetapi *natural slope*. Ia susah hendak kita *detect* sebabnya *because of the natural vegetation* dan dari segi pemantauan, kita tengok ia jauh dari jalan dan bila kejadian ini berlaku, *mud slide* turun. Dalam proses runtuhan lumpur itu ia turut *collect* kayu-kayu dan batu-batu *gravel* dan akhirnya masuk ke *stream* dan merempuh pada jambatan yang sedia ada menyebabkan tiga daripada tiang jambatan itu rosak dan lumpur menutupi jalan.

Tetapi Yang Berhormat, pihak kerajaan dan PLUS dalam tempoh 24 jam telah berjaya membuka semula jalan laluan satu ini dengan kita mengadakan *contra-flow*. *Contra-flow* maknanya, kalau ia *dual carriageway*, satu menuju utara dan satu lagi ke selatan, maknanya sekarang ini ada satu jalan, lorong yang dibuat, satu lorong untuk ke utara dan satu lorong lagi untuk ke selatan. Dalam tempoh 24 jam *highway* ini telah pun dapat digunakan.

Jadi Yang Berhormat kalau ada tuduhan yang mengatakan bahawa pihak Menteri dan pihak kementerian tidak bertanggungjawab untuk menangani masalah ini, saya rasa itu satu tanggapan yang agak terpesong dan silap. Tetapi Yang Berhormat, oleh sebab benda ini berlaku 2,500 meter *away* dari jalan, sejauh 2.5 kilometer dan

runtuhan berlaku atas *the natural vegetation and slope* yang sedia ada dan untuk buat *detection* agak *difficult* oleh sebab hujan, mungkin ini adalah satu takdir dan di luar kawalan manusia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bangun, hendak bagi?

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh kemukakan laporan itu kepada saya. Adakah tempat kejadian itu terletak di tempat yang mempunyai risiko tinggi yang disebut dalam satu kajian yang saya sebut tadi, di mana boleh berlaku tanah runtuh. Adakah PLUS buat satu *monitoring* di tempat itu sebelum peristiwa itu berlaku? Dan mengenai tempoh masa untuk membaiki lebuh raya di Gua Tempurong itu, apakah masa yang terpendek sekali untuk menjalankan kerja-kerja itu? Apakah ia boleh diperbaiki dengan lebih cepat dari tiga bulan oleh sebab, khususnya semasa musim perayaan, ia akan menyebabkan banyak masalah, kesulitan dan kesukaran kepada orang ramai.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Asas pertimbangan utama bila kerajaan membuat sesuatu keputusan untuk menutup satu jalan ataupun kemudahan ialah keselamatan pengguna, maknanya nyawa rakyat adalah perkara *paramount to the decision* dan tentulah perkara ini akan menyebabkan sedikit kesulitan kepada para pengguna. Sebagaimana yang saya sebutkan, dalam tempoh 24 jam jalan ini telah dapat dibuka semula, bukan dua *lane* tetapi satu *lane* sahaja tetapi kita buat *contra-flow* dan kita *anticipate* dalam musim perayaan Deepavali dan Hari Raya dan cuti hujung tahun ini akan menyebabkan *traffic build-up* dan tentu akan menyebabkan satu *traffic jam* yang agak memudaratkan pengguna jalan raya tetapi ia adalah lebih baik daripada jalan ini ditutup. Kalau tidak, pengguna jalan raya terpaksa masuk ke Simpang Pulai ataupun ke Gopeng yang akan menyebabkan kesesakan lalu lintas yang amat sangat di kawasan Yang Berhormat, ya [*Ketawa*] di kawasan Ipoh Timur.

Tetapi dari segi adakah satu kaedah pemantauan terhadap *slope* ini, untuk makluman Yang Berhormat, semenjak peristiwa di Bukit Lanjan, pihak PLUS dan JKR telah pun mengadakan satu pemantauan. *In fact* dalam JKR kita ada Bahagian Cerun – Bahagian *Slope* untuk kita monitor sepanjang *highway* dan kita telah pun mengenal pasti lebih kurang 15 kawasan-kawasan yang kita boleh ditakrifkan sebagai *susceptible to slope failure*. *In fact*, untuk makluman Yang Berhormat, ada cadangan daripada

pihak kementerian kepada kerajaan untuk meletakkan satu instrumen supaya kita boleh *monitor the earth movement* secara berterusan dengan menggunakan satelit dalam *remote control* ataupun kaedah *the remote sensing* untuk membuat *monitoring*. Tetapi Yang Berhormat, kosnya hampir RM300 juta.

Jadi untuk meletakkan satu sistem supaya kita boleh *monitor slope failure* dengan kos RM300 juta, saya fikir adalah lebih baik kita gunakan RM300 juta ini untuk kita bina jalan-jalan di luar bandar, jalan-jalan di kawasan Ipoh Timur. Jadi, Yang Berhormat, akhirnya *bottom-line, the priority* yang hendak kita gunakan.

Untuk mengadakan satu *engineering solution* kepada masalah yang sedia ada, jawapannya boleh tetapi *what is the cost and at what expenses*, itu yang patut diambil kira. Jadi kita harus ada satu pertimbangan bagaimana untuk kita meletakkan satu *priority project*. Kalau jawapannya adakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mewujudkan satu kawal selia supaya ada pemantauan terhadap bahaya *slope failure* ini di sepanjang jalan raya di Malaysia, jawapannya ada tetapi soalnya kalau kita ada *slope*, kalau kita *cut 80 degree gradient*, harganya lain; kalau kita *cut 45 degree gradient*, harganya lain; kalau kita *cut 30 degree gradient*, harganya pun lain, ataupun kalau kita hendak jadikan ia sama rata *180 degree* harganya pun lain.

Jadi dalam membina jalan, banyak perkara yang perlu diambil kira. Kalau tidak ada ciri-ciri ini, macam Yang Berhormat bagi Sri Gading nanti dia terperanjatlah, kenapa jalan itu kosnya RM4.5 juta, kenapa jalan itu pula RM10 juta, kenapa jalan ini RM20 juta. Jadi kosnya banyak bergantung kepada keadaan topografi dan rupa bumi di kawasan yang kita hendak bina jalan raya itu. Ya, Yang Berhormat bagi Jasin.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi dan sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita berbincang berkenaan dengan lebuhraya dan selalunya bila sampai masanya, pihak konsesi akan minta supaya tol dinaikkan dengan alasan penyelenggaraan dan untuk *maintenance* lebuhraya itu. Saya hendak bercakap berkenaan dengan jalan Kuala Lumpur-Ayer Keroh. Kadang-kadang kita tengok bahawa permukaan jalan itu masih baik lagi, tetapi PLUS pula menggalinya, dia buat balik, turap balik dan yang lebih mendukacitakan, biasanya dia akan buat pada bulan Oktober, November dan Disember ketika masa-masa perayaan – masa dekat Hari Raya dan sebagainya.

Dan lebih mendukacitakan pada hari ini, kalau dahulu dari Melaka, Ayer Keroh ke Sungai Besi, senang-senang kita boleh datang dalam satu jam, tetapi dalam masa tertentu pada hari ini oleh kerana *bottle neck* dekat Seremban yang tidak dapat kita atasi sehingga hari ini. Kadangkala dari Ayer Keroh sampai ke Sungai Besi, tiga jam.

Jadi, ini yang buat orang ramai menyumpah, bayar tol sentiasa hendak kena naik, *[Ketawa]* dari satu jam kepada tiga jam. Jadi, minta Yang Berhormat Menteri kalau ada apa-apa cadangan. Ini orang ramai sumpah ini. *[Ketawa]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okey Yang Berhormat, ada berita baik untuk Yang Berhormat yang berulang-alik dari Jasin ke Kuala Lumpur. Pihak kerajaan bercadang untuk menambah laluan daripada dua *lane* ke tiga *lane* antara Seremban ke Ayer Keroh. Itu dalam peringkat perancangan dan untuk pelaksanaan dan saya harap bila perkara itu berlaku akan lebih memudahkan Yang Berhormat untuk berulang-alik dari kawasan Jasin ke Kuala Lumpur.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua orang yang bangun, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat bagi Larut saya sudah jawab tadi. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, yang cerun tadi atau yang lain? Sama, cerun. Ya?

Tuan Lim Kit Siang: Gua Tempurung.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Gua Tempurung?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi yang mana, Yang Berhormat?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bagi Yang Berhormat bagi Ipoh Timur dahululah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri beralih kepada subjek yang lain, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata mengenai 15 tempat yang ada *suspectable* tanah runtuh. Kenapa angka ini berbeza dengan angka yang ada dibuat oleh Pusat Penyelidikan Hakisan Tanah Negara, UiTM yang ada sebut sebanyak 105 lokasi yang berisiko tinggi boleh berlaku tanah runtuh.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut mengenai *concession contract* itu sampai sekarang *concession* ini, satu *official secret*, kenapa ini tidak boleh diumumkan supaya pengguna-pengguna pun tahu hak-hak mereka, khususnya mengenai kontrak *concession* Lebuhraya Utara Selatan?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, perkara yang saya bagi adalah 15, Yang Berhormat dapat daripada *independent research* adalah 110. Mungkin dia punya *severity of the slope failure* itu berbeza. Kadang-kadang kita *benchmark* kalau *certain area* ini mungkin dia punya *yardstick* dia berbeza dan mungkin kita ambil kalau dari segi *safety factor*, katakan kita ambil *cut off safety factor at 1.5, certain number*. Kalau mungkin *safety factor* dia 2 atau 2.5 as *certain number*, mungkin saya tidak dapat hendak *verified* apa yang Yang Berhormat kata.

Pada anggapan saya mungkin dengan izin, *based on the severity of the failure despite* nombor yang 15 dengan yang itu berbeza. Walau bagaimanapun kalau Yang Berhormat bersedia berkongsi maklumat dengan saya, saya boleh *matching* perkara ini bagi pihak JKR.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bangun, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang kedua tentang apa yang terkandung dalam perjanjian konsesi antara pihak konsesi dengan kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk dulu, Yang Berhormat, belum lagi.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: So, dari segi *basic parameter*, ia menjadi maklumat yang telah pun menjadi maklumat umum tetapi secara khususnya untuk menerangkan tentang untung rugi konsesi ini, itu menjadi kerahsiaan di antara pihak kerajaan dan juga pihak pemegang konsesi. Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa satu kenyataan ataupun satu hasil siasatan daripada IEM. Saya rasa IEM adalah satu badan yang berkecuali dan saya rasa apa yang telah dipaparkan dalam *website* IEM

itu yang disebarakan pada hari ini adalah satu pandangan yang baik kerana ini satu kajian yang dibuat oleh bekas presiden, seorang pakar dalam bidang geoteknikal.

Jadi, adakah Yang Berhormat dan saya rasa bersyukur kerana kali ini kita tidak payah lagi mengupah orang luar dari Malaysia untuk membuat kajian dan adakah pihak kementerian bersedia meminta pihak IEM, khususnya ada cawangan geoteknikal ini yang mempunyai pakar-pakar yang ramai untuk mengkaji keselamatan ataupun *landslide risk* di sepanjang lebuhraya dan ianya mungkin dapat membantu kita membuat pemantauan. Adakah pihak kementerian bercadang untuk berbuat demikian?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Untuk makluman Yang Berhormat, dengan izin, *two governing body* yang berhubung kait yang ada *authority* ataupun dari segi *engineering* ini, *one is* Board of Engineers of Malaysia (BEM). BEM ini di bawah kawal selia Kementerian Kerja Raya. Satu lagi *body* yang berhubung kait tentang *engineering is* IEM, Institute Engineers of Malaysia yang diiktiraf di seluruh dunia dan ada kerjasama antarabangsa.

Jadi, saya fikir bahawa dua badan ini tidak sepatutnya wujud ada *polarity* ataupun penentangan dari segi pandangan dan pendapat dan saya berpendapat mereka harus bekerjasama dan mewujudkan satu *synergy* yang akhirnya akan memberikan kepakaran yang terbaik untuk negara. Jadi, saya mengambil satu sikap yang terbuka atas cadangan Yang Berhormat ini untuk menerima pakai segala pandangan yang dibuat oleh IEM ini supaya boleh disatupadukan sebagai satu *benchmark* tentang kedudukan dan kawal selia dari segi pandangan dan pendapat yang berhubung kait tentang kejuruteraan di negara kita.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada bertanya semalam berhubung dengan peristiwa yang berlaku di Gua Tempurung ini kerana saya salah seorang pengguna jalan tersebut bila saya balik ke Ipoh. Pertanyaan saya semalam ialah tentang PLUS yang mungkin salah satu sebabnya yang membotakkan sekitar kawasan belukar ini yang tidak ada satu, dengan izin, *hole water*. Ini mungkin penyebabnya dan adakah ini akan dijadikan satu iktibar.

Sebab saya pun tidak faham mengapa berlaku tanah runtuh ini, dahulu di sebelah selatan selepas raya. Kali ini kita hendak memegang puasa berlaku juga kejadian tanah runtuh. Dahulu sebelum ini berlaku sewaktu kita menyambut hari raya, kali ini berlaku juga. Jadi, saya tidak faham.

Saya pula pelik kerana saya difahamkan di bawah kawasan ini, *[Disampuk]* ini pertanyaan saya kepada Yang Berhormat, ada tanah perkuburan di kawasan tersebut yang kononnya, saya tidak tahu ia milik siapa dan mengikut ceritanya ada tanah perkuburan sebelum kawasan ini dijadikan sebagai satu lebuhraya. Ini pertanyaan saya sebagai tambahan. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak 'dapeklah eden' hendak membantu, Yang Berhormat, *wallahualam bissawab*, tentang apa Yang Berhormat kata. Tetapi sebagaimana yang saya jelaskan sebentar tadi, kejadian tanah runtuh di Gua Tempurung ini berlakunya tempat ini adalah bukan di satu tempat yang sama berlaku pada tahun 1996 dahulu, *one kilometer away* dan ia bukan berlaku 100 meter ataupun 200 meter daripada jalan yang sedia ada. Ia berlaku di 2,500 meter, maknanya 2.5 kilometer di *gradient* yang di atas dan *slope failure* ini berlaku, laporan yang dibuat oleh IEM, bukan laporan yang dibuat oleh Pegawai JKR ataupun yang lain. Ini IEM, Institute of Engineers of Malaysia yang telah pun menghantar dia punya bekas *Vice President*.

Saya ingat Yang Berhormat bagi Ipoh Timur boleh ambil daripada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, dia kata boleh dapat *the website of IEM*. Kalau Yang Berhormat tidak ada *website* punya *copy*, saya ada, saya boleh hantar sekejap lagi untuk makluman Yang Berhormat.

Yang ini berlaku *failure* dia berlaku di natural *vegetation*. Maknanya *slope* yang sedia ada di atas, oleh kerana hujan lebat dan takungan air di atas, jadi bila berlaku itu, ia runtuh, ia bawa sekali *all the debris, boulders* semua itu masuk dekat *stream, it so happened that* kita punya *highway is 2,000* granit dan ia menyebabkan berlakunya lumpur dan merosakkan tiga *beam* untuk itu dan dalam tempoh 24 jam, kerajaan telah pun berjaya membuka balik *highway* ini dan memerlukan satu masa yang agak lama untuk membaik pulih struktur jambatan yang sedia ada.

Jadi, kalau ia berlaku kenapa selepas raya, yang ini sebelum raya, kerana yang dahulu itu ada kubur, tidak ada kubur, *wallahualam bissawab*, saya tidak boleh tolong Yang Berhormat untuk hendak jawab perkara itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, boleh habiskan tajuk itu, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okey ya. So, kita pergi dari Gua Tempurung ini kerana semalam itu ada yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat bagi Kepong. Belum masuk lagi MRR2, macam mana hendak masuk?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak, sebelum beralih daripada..

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Gua Tempurung lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: ...Lebuhraya Utara Selatan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ini Gua Tempurung kah, apa lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Satu soalan sahaja.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya hendak tanya, belum masuk Kepong lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tadi ada tanya dah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Hendak tanya?

Dr. Tan Seng Giaw: Tanya dia mengenai...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Gua Kepong kah, Gua Tempurung?

Dr. Tan Seng Giaw: Gua runtuhlah itu. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, silakan, sila Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Bolehkah Yang Berhormat terangkan mengenai projek yang diberi kepada PLUS Expressway yang bernilai RM900 juta dan termasuklah bahagian-bahagian Jelapang dan sebagainya untuk diperlebarkan, sama ada perkara ini dapat dipertimbangkan semula supaya tidak akan berlakunya keruntuhan di Jelapang ataupun di tempat-tempat lain. Ini memang *North-South Highway*, bukan MRR2 itu. Saya tunggu.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okey Yang Berhormat, saya cuba memberi jawapan sama ada Yang Berhormat dapat terima dengan puas hati ataupun tidak, mungkin kalau Yang Berhormat hendak jawapan bertulis, saya akan beri jawapan dengan terperinci. Tetapi dari segi *basicnya* Yang Berhormat, saya gunakan *figure* Yang Berhormat RM900 juta, yang telah pun kerajaan pada dasarnya bersetuju untuk diberikan kepada *PLUS Highway* untuk membuat beberapa perkara yang

berhubung kait bagi menaikkan taraf kemudahan infrastruktur dan prasarana lebuhraya Malaysia.

Okey itu asasnya, saya sebut tadi dalam perjanjian asal konsesi di antara kerajaan dengan syarikat pemegang konsesi itu, kalau perkara-perkara yang tidak ada perubahan daripada segi reka bentuk dan struktur jalan raya itu dengan normal *maintenancenya*, maka segala perjanjian konsesi yang sedia itu berjalan sebagaimana yang telah pun diputuskan dengan mengenakan pembayaran tol dan juga dengan peningkatan tol ini mengikut jadual yang telah pun ditetapkan.

Tetapi jikalau ada naik taraf, bermakna kalau dahulu jalan itu empat lane ia jadi enam lane, maknanya *it's improvement of the original specification that somebody have to bear the cost, because* dia ada *cost-centered* dekat situ - *capital expenses* dan kalau katakan jalan itu dahulu sepatutnya dikenakan tol, oleh kerana desakan rakyat supaya jangan diadakan tol - orang susah. Jadi kita tutup, maka dia punya *cash flow* projek itu sudah berkurangan, kerana dia ada tanggungan untuk hendak membayar kepada *financial* Yang Berhormat. Itu perjanjian, kalau tidak ada kerajaan mungkir janji. Jadi, kalau kerajaan mungkir janji, maka kerajaan *a subject to be liable* dan ini bukan kuasa Parlimen Yang Berhormat, pihak pemegang boleh membawa perkara ini ke mahkamah untuk mahkamah memutuskan supaya kerajaan membayar.

Oleh kerana ada perhubungan baik antara pihak konsesi dengan kerajaan untuk menentukan bahawa segala kemudahan untuk rakyat dapat dipertahankan dan dipertingkatkan. Maka cara kaedah yang baik adalah rundingan bersama untuk mencari kebaikan. Jadi, katakan untuk mewujudkan RM900 juta ini, apa yang kita dapat daripada RM900 juta ini? Mungkin saya tidak ada dari segi spesifiknya, pelebaran jalan antara Tanjong Malim ke Ipoh yang sekarang ini dua *lane*. Yang Berhormat dahulu antara Kuala Lumpur ke Rawang dua *lane*, sekarang sudah jadi tiga *lane two ways*.

Dahulu juga dari Kuala Lumpur ke Seremban dia dua *lane* yang menyebabkan lalu lintas sesak. Sekarang ini sudah jadi tiga *lane*, mungkin *in future* tiga *lane* ini tidak cukup, kita hendak kena membuat empat *lane*. Sekarang saya sudah sebut tadi di Jasin untuk memudahkan Yang Berhormat bagi Jasin datang ke Kuala Lumpur, kita hendak menaikkan taraf jalan dari Seremban sampai ke Air Keroh. Kalau dahulu jalan di Senai kena tol sekarang ditutup *that one have to be compensated*.

Sekarang ini di Jelapang, kita ada *north bound* dan *south bound* punya tol, kalau kita *close, that one is a cost- centered* Yang Berhormat, *that one we have to be effected* di dalamnya kerana dia merubah perjanjian asal reka bentuk konsesi, itu dia asasnya. Jadi, kalau Yang Berhormat hendakkan perincian nanti saya beri satu laporan yang terperinci. Ini daripada segi dia punya *over view to this one*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, apa lagi Yang Berhormat bagi Kepong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sri Gadinglah dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nanti jumpa dialah Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Pada tahun 1987 kita DAP, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor terlibat membawa kes ini ke mahkamah dan kita membawa kerajaan ke mahkamah kerana memberi konsesi kepada PLUS sewaktu itu dan nampaknya tindakan kita adalah betul, *[Disampuk]* kerana daripada kejadian yang berlaku sejak 1987 kita boleh nampak ada masalah dengan lebuhraya tersebut.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat saya tidak dapat *detail* apa asas pertikaian, kenapa DAP membawa penswastan lebuhraya ini ke mahkamah untuk mendapatkan keputusan mahkamah. Tetapi kalau keputusan itu untuk menidakkan supaya kerajaan membina lebuhraya, kita tahu apa hasil daripada lebuhraya yang sudah dibuat ini, yang mana memberikan manfaat yang besar kepada rakyat Malaysia. Itu saya tidak tahu sama ada dia punya.. mungkin saya tidak mendapat maklumat yang terperinci kerana masa itu pun saya belum aktif dalam politik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading Yang Berhormat. Apa lagi Sri Gading?.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Timbalan Menteri. Sedikit sahaja, ada orang kata PLUSkah siapakah tidak adil. Daripada KLIA sampai ke Kuala Lumpur lampu terang benderang, yang lain gelap, tidak ada lampu, lampu jalan ini pun penting sebagai kemudahan. Apa perancangan kementerian untuk masa depan, seluruh Lebuhraya Utara Selatan ini. Macam saya tengok di German, Holland lebuhraya mereka terang benderang beribu batu, apa perancangan agaknya?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat, sebagaimana yang saya sebut tadi memang niat, dan saya rasa niat Yang Berhormat pun sebagai Ahli Parlimen yang turut serta mengambil bahagian dan, untuk meluluskan sejumlah wang peruntukan yang saya fikir pembangunannya hampir RM5 bilion dalam B.27 ini untuk memberikan kemudahan infrastruktur dan prasarana yang terbaik untuk negara. Tetapi *bottom linanya* Yang Berhormat *its cost money* ya. Kalau Yang Berhormat beri saya pilihan sama ada hendak *lighted up* semua jalan yang berada di Pantai Barat, saya rasa lebih baik saya gunakan duit ini untuk saya membangunkan jalan di Pantai Timur. .

Kalau Yang Berhormat ingatkan saya supaya ramai daripada Sabah dan Sarawak yang memerlukan peningkatan kemudahan infrastruktur. Untuk makluman Yang Berhormat saya ada mengambil kesempatan bila saya duduk dan semak *detail*, di Sabah sahaja *we have spent* RM2.5 bilion *for the infrastructure* di Sabah, itu pun tidak cukup Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Itu pun tidak cukup hendak membuat Lebuh Raya Pantai Timur ke Kuantan *its cost almost RM1.36 bilion* dan kita *deal another* RM1.3 bilion hendak buat daripada Lebuh Raya Pantai Timur dari Kuantan ke Kuala Terengganu dan kalau boleh kita hendak membuat dari Kuala Terengganu sampai ke Besut, kerana Besut kawasan Menteri Besar dan dari Besut kalau boleh sampai ke Kota Bharu, walaupun itu kerajaan PAS Yang Berhormat, tetapi untuk memberikan kemudahan kepada rakyat saya rasa wajib kita buat. Ini pandangan saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi..

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Chong Chieng Jen [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada tiga yang bangun, ada empat yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tidak suruh Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab cara perbandingan. Kalau cara perbandingan memanglah Sabah Sarawak lebih penting daripada lampu jalan itu. Saya tidak menafikan kepentingan mana-mana. Buatlah Sabah dan Sarawak tetapi Sabah dan Sarawak pun tidak dibuat juga, lampu di sini pun gelap, sana pun tidak jawab.

Seorang Ahli: Ha! betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Indah khabar dari rupa. Buatlah Sabah dan Sarawak tetapi mengapa tidak boleh berdikit-dikit kata orang, sikit-sikit lama-lama jadi bukit. Buatlah 20 kilometer sampai 20 tahun habislah semua sekali, ini gelap sahaja. Ini kalau hendak memberi kemudahan. Jadi, Yang Berhormat jangan jawab, macam itulah sekiranya dijawab perbandingan matilah kita. Mana sayang bapa dengan emak? Matilah kita hendak menjawab, tidak boleh jawab. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri ini pandai jawab. *[Ketawa]* Dia macam Menteri dia juga, dia pandai jawab. *[Ketawa]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, saya minta tidak, tetapi saya hendak mencuba dan menyelesaikan masalah Yang Berhormat yang *immediate*. Kawasan Yang Berhormat di Sri Gading, jalan dari Ayer Hitam, Batu Pahat banyak kemalangan berlaku di jalan itu kan? Yang Berhormat nampak tengah itu dia punya *rail guard* pun tidak ada, yang itu pun kita hendak selesai. Jadi, memang tujuan kita hendak menyelesaikan peringkat demi peringkat dan insya-Allah selagi Kerajaan Barisan Nasional memerintah, itulah dia tujuan dan matlamat utama kita untuk membawa Malaysia yang 'Cemerlang, Gemilang dan Terbilang'. Yang Berhormat Bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya apabila setiap kali kemalangan jalan raya di lebuhraya berlaku ada banyak faktor yang menjadi punca mengapa kejadian tersebut berlaku. Seperti di Temerloh, walaupun kementerian menafikan ia adalah berkaitan dengan kecacatan dari segi reka bentuk, tetapi Menteri Besar Pahang begitu marah sekali dan pihak polis juga mendapati punca kerana *design flaws*, dengan izin dan di Jelapang juga. Saya hendak tahu apakah kedudukan Plaza Tol Jelapang, saya hendak tahu apakah asasnya di mana kementerian telah dilaporkan berkata, bahawa pemindahan Tol Plaza Jelapang ini kosnya akan dibiayai oleh pihak PLUS dan kerajaan, apa asasnya.

Sebab kita tahu dari awalnya kedudukan Plaza Tol Jelapang itulah yang menjadi puncanya mengapa begitu kerap sekali kemalangan. Sekarang saya risau pula dengan jalan di Temerloh, di kilometer 99 hingga 126 dan juga Jalan Simpang Pulai ke Cameron Highlands. Jadi, saya hendak tahu apa asas khasnya di Plaza Tol Jelapang. Mengapa kita harus *share*, berkongsi beban kos tersebut. Nampaknya kurang kepakaran dalam PLUS tersebut.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okay, Yang Berhormat, terima kasih. Yang Berhormat bagi Batu Gajah, saya sudah jelaskan tadi tentang, dengan izin, *changing of parameter* daripada perjanjian asal. Sekarang ini kita hendak ubah balik tentang kedudukan Tol Jelapang, maknanya tol sebelah utara dan sebelah selatan ditutup dan dijadikan di simpang. *So, it is become a closely dedicated highway*. Itu *change of parameter*, jadi menyebabkan tentang kos pelaksanaan. Soalnya kenapa tol di Jelapang itu menyebabkan kemalangan.

Yang Berhormat pun sedia maklum lepas turun daripada bukit itu, dia punya *gradient flow*, walaupun *there is a lot of improvement*, dari segi *traffic study* mengatakan kalau kita *put on a low gear*, lepas itu kita buat *speed breaker, by right under the normal driving condition it shouldn't happen to accident*. *And yet it happened*. *So, bila happened* banyak perkara yang kita boleh semak, sama ada *design flow gradient* tidak cukup ataupun *brake* kenderaan tidak betul ataupun orang itu cuai, dia sudah letih, jadi, dia tidak sempat *brake*. Jadi, akhirnya kita merumuskan supaya perkara ini kita selesaikan dengan mengalihkan tol ini tetapi untuk pengguna di Ipoh, *the service road* masih lagi diwujudkan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Santubong.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Masih banyak lagi tidak jawab.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebenarnya saya hendak berucap tadi, tetapi daripada lima minit ke tiga minit. Tiga minit pun tidak dapat. Saya hendak tanya tiga soalan dalam tiga minit yang tidak dapat diucapkan tadi.

Sebelum itu saya hendak nyatakan tahniah kepada Timbalan Menteri. Saya mendengar jawapan-jawapan itu cukup canggih dan cukup bijak, layak jadi Menteri. [Ketawa]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Apa ini? [Ketawa]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya sudah 14 tahun mendengar jawapan-jawapan Kementerian Kerja Raya ini, sekali ini saya dengar dia padat dengan jawapan teknikal dan jawapan yang tepat. [Tepuk] Saya bukan mengangkat, saya tidak perlu angkat Yang Berhormat, tetapi benar.

Jadi, persoalan yang pertama, sejauh manakah input daripada JKR diterima apabila membuat ataupun menggubal satu perjanjian di antara konsesi *privatization project* ini, penswastaaan projek jalan raya ini, dengan konsesi *holder* ini. Berapa banyakkah *inputnya*? Kerana persoalan yang berbangkit, soalan naikkan tol ini, Yang Berhormat, apabila tol ini naik secara *periodical*, maknanya apabila sampai sahaja *irrespective of cost*, ia akan naik. Ia naik dan kerajaan tidak boleh hendak kata, jangan naik lagi. Kalau tidak dinaik, kerajaan kata jangan naik oleh kerana *pressure* daripada rakyat dan kerajaan kena bayar konsesi *holder*.

Jadi, maknanya sentiasa kerajaan *is tied down* dengan apa yang telah dijanjikan pada suatu ketika. Jadi, kenapa tidak *review* ini, berapa kenaikannya dan bila hendak *direview* ini berlandaskan permohonan daripada pihak konsesi *holder* dan jangan ditetapkan dalam *agreement* walaupun masanya boleh ditetapkan, tetapi *percentage* nya patut jangan ditetapkan dalam *agreement* dan berlandaskan situasi semasa. Sepatutnya ini tidak berlaku. Jadi, saya ingat *agreement* ini kena dilihat semula.

Yang kedua, disebut oleh ramai kawan-kawan daripada Sarawak dan Sabah, kalau *refer* soalan jalan raya daripada Sarawak dan Sabah, selalu diberitahu kata, *white elephant*. Jadi, ini kadang-kadang mendatangkan satu kesedihan kepada orang Sarawak, Sabah sebab tiap-tiap kali berbangkit jalan raya untuk Sarawak dan Sabah, di sebutlah, *refers* sebagai *white elephant*. Apa orang Sarawak, Sabah itu tidak guna langsungkah? Tidak dipakaikah? Jadi, minta tolong.

Saya tahu Timbalan Menteri tidak sebut tetapi saya pernah diberitahu oleh Pengarah, JKR Sarawak, sudah *retired* sekarang. Saya boleh sebut nama tetapi dia tidak berkhidmat dengan kerajaan lagi. Apabila kita mohon – Sarawak – dia beritahu dengan saya, Yang Berhormat tiap-tiap kali kita *refer* kepada Menteri di Kuala Lumpur,

jawapan daripada Menteri ialah “*send me the cars, I will send you the road*”. Apa jawapan macam ini?

Jadi, tidak adillah orang hendak beli kereta dahulu, lepas itu baru beri jalan. Jalan dahulu, baru kereta. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menggunakan kuasa itu supaya jangan perkataan-perkataan yang menyedihkan ini digunakan apabila *refer* kepada Sarawak dan Sabah. Ini jalan Pan Borneo lagi, yang masih dalam keadaan yang menyedihkan.

Soalan yang ketiga, *design* jalan, Tuan Pengerusi. Saya dengar dengan teliti jawapan Timbalan Menteri tadi, cukup kepakaran disebut. Bila *gradient* dia macam ini, ini *cost* dia, *gradient* turun, kos meningkat. Saya juga mengenali soalan ini. Tetapi persoalannya kenapa *road design* di Malaysia ini, dia nampak, kalau tidak ada pun dia buat *curve*, dia buat *curve*. Kalau kita selidik di seluruh Malaysia, kemalangan banyak berlaku di selekoh-selekoh yang tertentu, tetapi kalau selekoh itu di *design*, selekoh itu tidak sesuai, tidak baik untuk *speednya* untuk *gradient level* jalannya, jadi dia mendatangkan masalah kemalangan jalan raya.

I was a road designer, jadi saya tahu benda ini. Daripada kiri ke kanannya, daripada *parabolic curve* nya, jadi saya tahulah sedikit. Jadi, kenapa pula *gradient*. Kalau datang ke kawasan Betong ada jalan yang terpaksa dihadkan *speednya* 60 km sahaja, tidak boleh jalan laju. Sebab dia punya *curve* itu *in such a way design*, ia kalau laju daripada 60 km, dia mesti terbabas. Jadi, kenapa ini berlaku dan kenapa *road designer* kita tidak canggih dan tidak bijak semasa membuat jalan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri, sila habiskan soal isu ini.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okay, terima kasih, Yang Berhormat. Ada dua perkara Yang Berhormat kemukakan. Yang pertama, tentang sama ada pandangan JKR diambil kira terhadap segala perkara yang berhubung kait tentang ini. Satu perkara saya ingin berkongsi dengan Yang Berhormat, sebenarnya JKR sudah wujud di kalangan kita, di negara kita selama 136 tahun. *One hundred and thirty six years*. Pada hari ini kita ada lebih kurang 9,000 kakitangan, yang profesional sahaja 2,700. Kalau boleh kita ambil sebagai PMC, *the Project Management Consultant*, JKR *by right should be the biggest and the most stronger technical service provider* untuk kerajaan.

Jadi, satu perkara yang amat merugikan, jikalau kita *just to sideline JKR* dalam pembangunan negara, bila kita bercakap tentang *to expedite development, momentarily*, dengan izin, kita ambil *option* yang lain, kita gunakan PMC (*Project Management Consultant*). *Project Management Consultant* ia kadang-kadang *a body's corporate by itself*, dengan izin. Dia *function* tiga, empat tahun, lepas itu dia hilang, jadi, dia punya *investment on resources* tidak ada, tetapi kita ada 136 tahun.

Bangunan yang pertama ada JKR nombor ini, di Taiping. Saya semak kenapa di Taiping. Rupanya dahulu di Port Weld ini, merupakan *railway* yang pertama dari Port Weld to Taiping. Dan, kenapa di Taiping? Kerana dahulu kalau dari segi sejarah, Yang Berhormat sedia maklum, pembangunan yang ada bijih timah, *is a commercial center*. Kementerian Kerja Raya bermula di situ. Jadi, sama ada JKR diterima pakai atau tidak, kita kena terima pakai pandangan daripada JKR. Jikalau kepakaran di JKR tidak cukup, kita kena tambah nilai. Itu sebab saya mengalu-alukan segala pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya melihat peranan dan tanggungjawab JKR ini diperkasakan, diperkuat dan diperkukuhkan.

Saya yakin jika *opportunity*, peluang ini diberi untuk hendak naik taraf tentang *resources* yang sedia ada di JKR, saya yakin JKR akan dapat memainkan peranan dan tanggungjawab ini dengan lebih berkesan. Sebagai contoh, dahulu IKRAM, adalah satu *training center* untuk JKR. Masa itu saya *serve* JKR sebagai jurutera kerja di JKR. Jadi, kita pun pergi *training* di IKRAM, tetapi oleh sebab kita *downsizing* daripada kita punya *public standing* kita, apa semua, akhirnya kita *privatize*kan IKRAM ini, supaya kononnya IKRAM ini boleh menjadi sebagai satu *training center*. Tetapi IKRAM betullah menjadi satu *training center* tetapi bukan kepada JKR lagi tetapi kepada badan-badan yang lain.

Then, what happen to JKR? Mungkin ini satu dasar yang kita kena ada *vis-a-vis*. Yang Berhormat Ahli Parlimen semua memerlukan *research assistant*, memerlukan satu tempat kerja yang baik, *work station* yang baik kerana senantiasanya hendak naik taraf dan organisasi 136 tahun ini pun perlu dinaik taraf. Naik taraf ini perlu ada latihan, Yang Berhormat ya. Jadi Yang Berhormat meluluskan cuma RM6 juta sahaja peruntukan untuk latihan di JKR...

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan bangun Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak cukup...sekejap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri Kinabatangan atau tidak?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya rasa satu angka yang tidak cukup. Jadi apa yang ingin saya sarankan di sini supaya kita kalau dahulu macam contoh jalan luar bandar yang banyak daripada Ahli Yang Berhormat bangkitkan, yang dahulu semasa jalan yang diperuntukkan yang diluluskan oleh Yang Berhormat bukan kepada Kementerian Kerja Raya ya tetapi Kementerian Kemajuan Wilayah. Yang dahulu dia ada pilihan yang dia buat, pertama satu opsyen dia gunakan satu konsep payung, satu ketika. Kemudian satu konsep yang dipanggil *Project Management Consultant (PMC)*.

Katakanlah contoh kalau di Negeri Selangor ada jalan luar bandar yang peruntukannya memerlukan RM12 juta contohnya di kawasan Sabak Bernam kah, kawasan Kuala Selangor. Termasuk di kawasan Sepang, Yang Berhormat ya, pun ada kawasan luar bandar, katakanlah kita dapat RM12. Kalau gunakan PMC *12% of the project management consultant of RM12 million already RM1.2 million, is incurred to be paid to the PMC*. Tetapi sekarang ini yang ini semua diurus tadbir oleh JKR. Kerana *technical service provider* yang sudah sedia ada - kita ada semua jurutera daerah di setiap kawasan. Kita ada kita punya *procurement* punya prosedur. Kalau perkara yang berhubung kait tentang RM50,000 ke bawah, kita boleh membuat tentang *requisition of form*, maknanya kita boleh buat proses undi. Kalau RM50,000 sampai ke RM200,000 kita boleh buat *quotation*, ada sebut harga. Tadi ada Yang Berhormat bangkit kenapa, macam Jerai, kenapa kalau JKR punya *design* harganya sampai RM80,000 per kilometer ataupun kalau dahulu dibuat oleh PLV bawah pejabat daerah - satu tahu Yang Berhormat, dahulu buat pejabat daerah pun dia *delay, delay* kenapa? Kerana pejabat daerah memerlukan sokongan teknikal daripada jurutera daerah, dia hendak pinjam juga *technician* dan juga GA dan *engineer* daripada jurutera daerah pun lambat juga. Tetapi kali ini kita kata serah kepada jurutera daerah untuk laksanakan.

Jadi untuk buat ini Yang Berhormat, saya perlukan kefahaman daripada semua Yang Berhormat oleh kerana perkara ini perkara yang baru mungkin ada daripada segi kekurangan cara macam pelaksanaan, koordinator yang ini saya berjanji dengan Yang Berhormat, saya pun sudah bincang dengan pegawai-pegawai daripada JKR,

kita akan semak cara penelitian ini supaya kita lebih buat efisien. Tetapi daripada segi asasnya apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bachok yang semalam saya dapat mengikuti boleh menyelamatkan peruntukan *consultation fees* sahaja RM30 juta ini dan kalau RM30 juta ini berapa kilometer jalan luar bandar yang boleh kita buat. Kalau ini sebagai satu pilihan, *I think we take this option first*. Ini saya punya pandangan kepada kritikan Yang Berhormat kenapa jalan luar bandar ini yang sekarang ini ditadbirkan oleh JKR mendapat kegagalan. Saya rasa bahawa perkara ini kita boleh atasi dengan segala kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini berhubung dengan PMC ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat PMC ini iaitu *Project Management Consultant*, kenapa perlu ada *Project Management Consultant* sedangkan kita dimaklumkan ada lebih RM3,000 *expertise* yang pakar dalam *consultant* dan sebagainya di JKR yang tidak *dineutralize* mereka punya kepakaran. Ada jawatan tetapi tidak ada kerja, apakah matlamat kerajaan mewujudkan PMC? Saya melihat rungutan daripada kontraktor dan masyarakat bahawa PMC ini mengaut keuntungan tidak ada kerja, saya pun kalau diberi selaku PMC, saya goyang kaki dan tidak payah jadi wakil rakyatlah. *Every* projek dapat, 12%, dia sudah kautlah. Jadi tidakkah Yang Berhormat akan membawa perkara ini kepada pengetahuan kementerian yang terlibat di mana PMC ini harus dibubarkan sebab PMC ini, saya hendak tahu siapa pemilik PMC ini? Orang biasa sahaja! Dia kaut keuntungan daripada projek-projek yang ada oleh kerajaan. Kenapa tidak digunakan pakar-pakar yang berada dalam JKR dan gaji mereka itulah tidak perlu 12% ini. 12% bagi peruntukan jalan-jalan di luar bandar, lampu-lampu macam Sri Gading cakap tadi, baru kita akan jadi negara mewah, tidak ada lagi PMC-PMC ini.

Itulah Yang Berhormat kalau boleh cakap dengan menteri dan sebagainya bubar PMC, balik kepada JKR, gunakan JKR ini dengan sepenuhnya sebab JKR *engineemya* ada jawatan, ada gaji tetapi tidak bekerja sebab bukan dia tidak mahu bekerja, dia tidak diguna pakai, minta Yang Berhormat penjelasan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat, tetapi asasnya apa yang saya sebutkan tadi tidak jauh beza pandangan yang telah pun disampaikan oleh Yang Berhormat. Cuma saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menjelaskan kaedah pelaksanaan projek yang telah pun diamanahkan dan

dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Kerja Raya. Saya ingin sebutkan kepada Yang Berhormat bahawa sebagai Kementerian Kerja Raya kita, dengan izin, *we are the operator, we are not the project owner*. *Project owner* ini ialah Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Luar Bandar dan ada perkara-perkara yang berhubung tentang Kementerian Kerja Raya sendiri yang kita *operate*.

Kadang-kadang keputusan untuk melaksanakan dibuat oleh projek itu, dibuat berasaskan kepada kehendak dan juga *prerequisite*, dengan izin di kementerian tersebut. Macam kalau katakan perkara yang berhubung kait tentang hospital yang sudah dibangkitkan. So, kita sebagai badan yang menyelia kita menguruskan projek ini dengan sebaik mungkin sebagaimana aspek yang telah pun ditetapkan dan juga kontraktor yang telah pun dilatih dan juga telah pun diputuskan oleh *the project owner* untuk kita lunaskan. Setelah kita *satisfy* benda itu berada dalam keadaan yang baik dan kita serahkan kepada *the project owner*. Dalam waktu *defect liability period* itu mana-mana kecacatan maka dia adalah tanggungjawab kepada kontraktor yang sedia ada. Tetapi kalau bangunan yang kita gunakan sendiri bermakna jadi milik kita, tetapi kalau Yang Berhormat sarankan supaya semua perkara dan projek yang berhubung-kait tentang pembangunan infrastruktur dan bangunan kepada rakyat yang mesti dikawal selia dan diurustadbirkan oleh JKR, itu satu pendekatan yang saya rasa JKR bersedialah untuk menyahut ini sebagai satu cabaran kerana saya pun fikir bahawa JKR ada 9,000 profesional dan sub-profesional dan kita pun rasa kita ada mempunyai kepakaran. Kalau peluang ini diberi Yang Berhormat saya fikir pegawai-pegawai JKR sedia mengambil ini sebagai satu peluang.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: [*Bangun*]

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat, dua yang bangun, dua bangun. Labuan dan Pontian.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [*Ketawa*] Yang ini muka marah sahaja, bagi dia dahulu. [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Labuan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma hendak bertanya satu perkara bagaimana pandangan Yang Berhormat tentang bila mana KLPB menyerahkan pelaksanaan kerja-kerja jalan kampung ini dikawal selia oleh JKR. Adakah pada pandangan Yang

Berhormat JKR bersedia melaksanakannya ataupun tidak. Kenapa saya berkata demikian? Pertama hampir keseluruhan kerja-kerja yang dipertanggungjawabkan kepada JKR telah diswastakan. Yang kedua ialah kakitangan JKR di peringkat daerah tidak mencukupi. Saya beri Yang Berhormat satu contoh di Labuan contohnya 35 projek KPLBP kecil tetapi JKR cuma ada satu juruteknik untuk menjaga. Semasa di bawah perbadanan boleh di siap dalam 2 bulan, di bawah JKR ialah 6 bulan pun tidak siap. Kita menyokong supaya PMC ini dihapuskan kerana ia pembaziran wang rakyat, pembaziran wang kerajaan. *But at the same time*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menekankan berkali-kali tentang *delivery system*. Boleh atau tidak JKR ini sebelum pelbagai macam nama diberi kepada JKR ini, bolehkah atau tidak melaksanakan tanggungjawab dalam konteks *delivery system* ini? Itu yang saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat kerana kalau tidak esok kita akan bertelagah di sini setiap kali ada isu yang melibatkan Kementerian Jabatan Kerja Raya, terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Pengerusi, dengan izin, untuk *benefit* dari Yang Berhormat bagi Labuan ini, saya balik ke belakang sedikit. Saya sebut, dahulu projek luar bandar (PLB) ini dibuat yang pertamanya pakai konsep payung, payung entah ke mana, jalan pun entah ke mana - okay. Kemudian kita pergi kepada PMC, jadi PMC pun serahkan kepada pejabat daerah, pejabat daerah pun hendak tunggu *technician* JKR hendak buat *spec*, jadi benda pun tidak boleh berjalan. Sekarang ini serahkan kepada JKR untuk menjalankannya.

Saya sebutkan di sini, kalau Yang Berhormat kata, bersedia tidak JKR menerima ini sebagai satu tugas? Jawapannya ya, kita bersedia. Saya sudah bincang dengan pegawai-pegawai JKR. Kenapa kita bersedia? Kerana kita mempunyai kepakaran, kita *is the biggest and oldest technical service provider* untuk rakyat Malaysia. Kita ada 96 jurutera-jurutera daerah dengan struktur pengurusan dan organisasi yang sedia ada.

Yang keempat, sama ada kita banyak kerja atau kurang kerja. Untuk makluman Yang Berhormat, salah satu perkara apabila saya masuk ke kementerian ini, saya *visit* dan saya tanya *very basic question* sama ada *staffing* yang ada sekarang ini *under capacity or over capacity*? Kita tidak ada jawapan yang *definitely* kerana mungkin setengah kawasan kita *under capacity* sebab pengagihan tugas tidak seimbang. Mungkin sesetengah kawasan yang *over capacity* kerana *distribution of job*

itu tidak ada, maka ini adalah satu peluang kepada kita untuk *reengineering* balik dari segi penyusunan tugas dan tanggungjawab ini, maka *distribution of work load* itu akan dapat disamaratakan, jadi tanggungjawab untuk menjalankan ini sebagai satu tugas dapat dilunaskan dengan sebaik mungkin.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sama ada projek PMC ataupun projek-projek dilaksanakan melalui konsep payung dan sebagainya, Yang Berhormat, saya kira Jabatan Kerja Raya punya tenaga-tenaga profesional yang cukup ramai, 2,000 lebih kata Yang Berhormat tadi. Saya kira, perkara yang saya bangkitkan dari awal pagi tadi ialah terdapat kenyataan bahawa tenaga-tenaga profesional di Kementerian Kerja Raya ini memerlukan *training*.

Saya amat berbesar hati bila Yang Berhormat mengatakan RM6 bilion itu tidak cukup dan saya setuju. Berusahalah Yang Berhormat, carilah jalan macam mana supaya peruntukan untuk melatih jurutera itu kumpulan profesional di Kementerian Kerja Raya ini supaya mereka lebih mahir. Mungkin sampai ke tahap, mungkin IKRAM diambil balik oleh Kementerian Kerja Raya supaya ia dapat melatih dengan lebih kerap lagi tenaga-tenaga profesional yang ada, kalau tidak Yang Berhormat, jurutera ataupun profesional yang baik-baik di Kementerian Kerja Raya akan keluar macam profesion-profesion lain juga; doktor, akauntan, yang baik-baik tidak hendak berkhidmat dengan kerajaan. Mereka hendak jadi Ahli Parlimen, hendak jadi Speaker, inilah masalahnya. Yang akhirnya, kita menghadapi tenaga-tenaga profesional di jabatan, kalau tidak cukup *training*, mereka gagal untuk mengenal pasti lebih awal sama ada cerun asal yang akhirnya menimbulkan masalah dan sebagainya.

Jadi Yang Berhormat, bila Yang Berhormat kata JKR sanggup, saya awal-awal bangkitkan tadi untuk menyatakan JKR kena fikir betul-betul semula untuk menyatakan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar benarkan RM30 juta itu? Kerana Yang Berhormat, kita akan menghadapi masalah. Kenyataan Yang Berhormat bagi Jerai itu ada kebenarannya. Saya ada pengalaman secara langsung sama ada selaku PMC ataupun perunding. Masalah yang timbul Yang Berhormat ialah bukan kerana teknikal, bukan susah hendak reka bentuk jalan kampung ini, bukan perkara yang sukar.

Yang menjadi kesukaran ialah, saya bagi contoh Yang Berhormat, pejabat daerah ada sumber peruntukan, macam hendak buat jalan kampung, kadang-kadang kerajaan negeri pun ada peruntukan. Lazimnya awal-awal dahulu pejabat daerah yang melaksanakan projek jalan kampung, tetapi perkara ini diambil daripada mereka. Kenapa mereka marah? Yang Berhormat kena tanya sendiri pegawai-pegawai daerah, kenapa rasa marah sangat. Marah kerana apa? Bila, sama ada PMC atau perunding hendak menentukan jalan Yang Berhormat. Katakan Jalan Kuala Pilah hendak buat. Kita buat Kuala Pilah atau kita buat Kuala Nerus dahulu? Dia kata, "Awak yang pandai, pergi tanya KPLB". Kita pergi KPLB, KPLB suruh tanya pejabat daerah. Pergi pejabat daerah, suruh tanya KPLB, ini birokrasi Yang Berhormat, bukan masalah teknikal.

Akhirnya kita *blame*, dengan izin pihak-pihak ini. Saya percaya Yang Berhormat, saya berani berdiri di sini, sekurang-kurangnya kalau tidak ada masalah, lima tahun, Yang Berhormat. JKR juga akan menerima pertuduhan yang sama, lebih daripada itu Yang Berhormat, akan ditambah satu lagi. Apabila kita wakil rakyat, dahulu sudah janji peruntukan sekian banyak, dapat buat sekian panjang jalan. Bila JKR buat, kos tinggi sedikit, 15% hingga 20%, jalan akan pendek. Maknanya lebih kurang jalan akan dibina, Yang Berhormat.

Kita akan dituduh oleh pengundi-pengundi, orang-orang kampung kata, kita dahulu janji jalan ini hendak buat. Kita balik semula asal, janji yang standard, peruntukan sudah habis, peruntukan tidak cukup. Kalau kata dahulu 20, boleh buat 20 batang jalan, kenapa sekarang 20, hanya boleh buat 10 batang jalan? Yang Berhormat, susah hendak jawab, Yang Berhormat, susah hendak jawab.

Jadi Yang Berhormat, kalau boleh saya amat mengesyorkan, Yang Berhormat perjuangkanlah, *training* ini amat penting, tidak ada salahnya dari segi sama ada konsep payung, konsep PMC, yang masalahnya Yang Berhormat ialah tenaga profesional dan separa profesional di JKR Yang Berhormat. Kena Yang Berhormat cari jalan Tuan Pengerusi, macam mana mereka ini dapat dipertingkatkan kebolehan dan kemampuan mereka supaya yang bagus terus kekal di JKR dan tidak lari keluar untuk menyertai...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Timbalan Menteri sudah faham Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian, *my fellow* Yang Berhormat *and my fellow engineer [Ketawa]* Yang Berhormat, kadang-kadang bila kita hendak buat keputusan ini, kadang-kadang kita ada konflik sedikit, dengan izin ya, kita hendak kualiti atau kita hendak kuantiti, ya? Contohnya macam jalan. Kalau saya cakap tadi, kalau kita hendak kosnya sembilan inci punya *base* ataupun enam inci. Kalau sembilan inci, mungkin kita dapat pendek sikitlah dengan harga yang tertentu berbanding dengan inci ya. Tetapi dia punya ketahanan, *life spend*, mungkin yang sembilan inci *life spend* dia dua tahun, mungkin yang enam inci ini *life spend* dia cuma katakan sembilan bulan sahaja. Jadi, dia punya *cost of maintenance* ini pun juga kita ambil faktor dan kira.

Jadi, kalau saya sebutkan tadi, bila kita masukkan ke JKR, yang *spec* ini kita kena ambil kira, tetapi saya juga ambil peringatan daripada Yang Berhormat, supaya penyelarasan ini dapat dikemas kini, yang itu saya bersetuju. Macam mana hendak koordinat antara pejabat daerah dengan pejabat Ahli Parlimen, dengan pejabat wakil rakyat, dengan pejabat agensi pelaksana supaya masalah jalan luar bandar ini dapat dijalankan dengan sebaik mungkin.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dato', pejabat DO pun sembilan inci, sembilan inci.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya selama ini kita tengok, KPRJ di Johor, sembilan inci, DO pun sembilan inci. *[Disampuk]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sembilan inci apa bang? Tuan Pengerusi...*[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Sama-sama panjang Dato', eh, sama-sama panjang pula, sama-sama tebal, sembilan inci juga. Tetapi JKR buat ini sudah pendek pula, panjang jalan itu sudah pendek. Orang kampung tidak peduli berapa inci ini, dia hendakkan sampai ke kampung dia, ini masalahnya. Masalah ini balik kepada kami semua wakil rakyat. Macam-macam, orang kampung, tahulah...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okay, okay.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jalan raya, kita susah Dato'.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dato', cakap secara orang politik sikitlah Dato'.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Ketawa]* Saya setuju dan amat prihatin tentang keprihatinan Yang Berhormat tentang masalah yang dihadapi oleh orang kampung untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berhubung kait dengan jalan luar bandar. Yang dahulu yang dibuat oleh pejabat daerah dengan bantuan PMC, pada kali ini sejumlah peruntukan diserahkan kepada kerajaan dan kaedah pelaksanaan ini Yang Berhormat, saya dimaklumkan, ini untuk maklumat Yang Berhormat, duit ini dihantar ke Unit Pembangunan Ekonomi Negeri (UPEN), pegawai yang bertanggungjawab adalah SDO, *the State Development Officer* di setiap negeri.

State Development Officer ini Yang Berhormat, bukan kakitangan Kementerian Kerja Raya, dia kakitangan Kerajaan Persekutuan yang ditugaskan oleh kerajaan negeri. Jadi, dia akan panggil jurutera negeri dengan DO di kawasan itu untuk berunding kawasan mana yang jalannya hendak dibuat, bila hendak dilaksanakan, berapa kos yang hendak dilaksanakan?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rantau Panjang bangun Yang Berhormat, Rantau Panjang.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap Rantau Panjang. Ada jalan luar bandarkah ini? Paip bocor? Ini niat baik? Jangan niat tidak baik ini. Sekejap, sekejap saya hendak *explain* yang ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jadi, yang ini saya hendak bagi penerangan supaya dapat kerjasama daripada Yang Berhormat ini. Untuk menentukan supaya setiap jalan itu dibuat, setelah mendapat kelulusan daripada SDO dengan berunding dengan pegawai-pegawai daerah dan Jurutera Daerah adalah sebagai agensi yang melaksanakannya.

Jadi, akhirnya yang hendak putuskan jalan mana yang hendak dibuat, kawasan mana adalah Pejabat Daerah. Saya yakin semua Ahli Parlimen dan juga wakil rakyat menduduki Jawatankuasa Pembangunan Daerah dan itulah forum yang akan menentukan supaya jalan itu dapat dilaksanakan. Rantau Panjang.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Ini niat baik ini.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya telah mendengar ulasan panjang lebar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ini. Memang apa yang disebutkan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, baru bulan lepas saya menerima satu pujian daripada rakyat termasuk orang PAS terhadap dua jalan yang telah dibuat oleh pihak JKR melalui JPP Kelantan.

Sebelum daripada ini, setelah siap jalan ini tiga bulan rakyat maki hamun pada kontraktor dan juga kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana jalan itu tidak mengikut *specs* yang sebenarnya dan kita lihat mutunya terlalu rendah. Walaupun jalan panjang tetapi cepat pecah dan sebagainya. Tetapi apabila diberi kepada JKR untuk memantau jalan ini kita lihat sekarang ini jalan itu cukup memuaskan. Cukup puas hati dengan cukup incinya, cukup segala *specs* yang diberikan.

Jadi, apa yang kita hendak hebohkanlah, saya minta cuma satu sahaja iaitu jalan itu puas hati bermakna sekali buat cukup untuk lima tahun. Kalau jalan dibuat oleh kontraktor yang tidak dipantau oleh JKR seperti dahulu, jalan panjang yang sama ataupun lebih panjang lagi tetapi tiga bulan sudah pecah. Kerajaan terpaksa lagi kalau dari segi pandangan rakyat saya rasa lebih baik kita buat sekali sampai satu penggal pilihan raya rakyat tidak merungut. Daripada kita buat beberapa kali tetapi rakyat sentiasa merungut. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, jalan yang dibuat ini adakah jalan yang dibuat oleh Kerajaan PAS atau Kerajaan Barisan Nasional?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kerajaan Barisan Nasional maknanya orang PAS pun gunakan juga. Jadi maknanya Kerajaan Barisan Nasional ini kita menyediakan kemudahan prasarana ini bukan sahaja untuk penyokong UMNO ataupun Barisan Nasional termasuk juga rakyat orang PAS.

Jadi kalau ada permintaan dan kerjasama untuk penyerahan tanah supaya di Kelantan itu boleh dibuat. Jadi saya ingat Yang Berhormat kena beritahu Tok Guru supaya cepat-cepat bagi supaya proses itu dapat diselesaikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada dua soalan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang pertama, panjang lagikah jawapan Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Belum masuk Bentong lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang kedua, Yang Berhormat, kalau kita benarkan semua minta penjelasan saya berikan dua hari pun tidak cukuplah untuk Yang Berhormat jawab.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jadi, apakah arahan Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sama-sama fikirkan kesuntukan masa.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kalau Tuan Pengerusi kata berhenti, saya boleh berhenti sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini pun terpulang kepada Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat hendak berhentikan sekarang, saya pun tidak ada halangan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Ketawa]* Saya cuba hendak memberikan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya cadangkan cuba kita jawab soalan dan.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sudah tidak banyak lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:kalau ada masa baru benarkan penjelasan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya faham tentang masalah Tuan Pengerusi untuk menguruskan masa dalam persidangan kita ini. Saya cuba memberikan jawapan terhadap isu besar yang telah ditanya. Saya sudah sentuh tentang Lebuh Raya Pantai Timur, saya sudah sentuh tentang Gua Tempurung.

Sekarang ini saya hendak sentuh tentang MRR2. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum *the terminology* MRR2 (*Middle Ring Road 2*). *Middle Ring*

Road 2 adalah dengan izin, *roundabout* yang kedua pusingan besar seluruh Kuala Lumpur *to disperse the traffic*. MRR2 ini adalah satu projek yang dibuat secara *turnkey*. *Turnkey* ini *Design and Build*. Maksudnya kontraktor yang dilantik itu akan lantik konsultannya sendiri dan konsultan itu akan *design* dan kontraktor buat. Peranan dan tanggungjawab JKR adalah sebagai penyelia, sebagai *supervising officer*. Kita tengok benda itu dibuat mengikut *the design fact*, mengikut *construction* dan akhirnya benda ini siap. Bila disiapkan dia ada tempoh kecacatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya ingin menyatakan bahawa walaupun MRR2 ini sudah siap tetapi ianya berlaku dalam tempoh kecacatan dan saya suka *extract* daripada apa yang terkandung dalam kontrak dokumen itu, dengan izin, *the Defect Liability Period under Clause 4848.1. Any defects, imperfection, linkage or any other faults whatsoever which may appear and which argue to design, materials, goods, workmanship or equipment not in accordance with this contract, shall be notifiedbla bla bla... at the contractor's cost*. Ini yang dalam kontrak. Jadi struktur ini masih lagi dalam *Defect Liability Period*.

Jadi kalau soalan yang dibangkitkan tentang siapa yang hendak menanggung kos tanggungan ini maka kalau *refer* kepada kontrak ini ada jawapan yang tersendiri. Kenapa perkara ini berlaku daripada segi awalnya kita buat keputusan dengan izin, Tuan Pengerusi, *the paramount decision*. Dahulu hendak *closekan* yang jalan atas itu supaya lori besar tidak masuk kerana kita ada tengok *sign of cracking* semua itu.

Jadi langkah utamanya ialah *stop* lori-lori besar. Tetapi *the cracking is still progressive* dan akhirnya pihak JKR dan kerajaan mengambil keputusan atas keselamatan pengguna untuk tutup jalan ini *and the rest* apa yang telah pun dimaklumkan oleh Yang Berhormat dan Yang Berhormat sendiri sebagai ahli PAC telah pun melawat dan apa yang ingin saya jelaskan di sini bahawa keputusan secara khusus dan terperinci saya fikir selepas dibentangkan kepada Kabinet mungkin perkara ini akan dimaklumkan kepada umum. Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Bilakah laporan itu akan dibentangkan kepada kementerian, kemudian kepada Kabinet dan selepas itu bilakah ia akan diumumkan supaya semua Ahli Parlimen di sini yang berminat dapat membaca terutamanya daripada Pontian, Arau dan sebagainya, walaupun Arau tidak begitu berminat setakat ini.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat selaku Timbalan Pengerusi PAC tentulah akan mendapat laporan daripada kementerian dan saya fikir bahawa setelah semua perkara disiapkan dan *once conclusive decision have been made, the cause of the failure and all that I believe* benda ini akan dipanjangkan kepada Yang Berhormat. Sekarang ini proses pembaikan adalah berjalan mengikut jadual dan ketidakselesaan ini amatlah dikesali dan akhirnya keputusan dibuat adalah untuk keselamatan orang ramai.

Jadi saya simpatilah dengan Yang Berhormat daripada kawasan Yang Berhormat ini dan MRR2 sebenarnya sebagai *the Middle Ring Road* maka ada gangguan teknikal sementara. Jadi itu yang saya hendak sebut dan saya sudah sentuh perkara-perkara yang berhubung kait tentang luar bandar.

Ahli Yang Berhormat Ketereh.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ketereh, Ketereh ada?

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak pusing balik kepada projek-projek di kawasan luar bandar berkenaan dengan pelaksanaan Projek Jalan Kampung (PJK), dengan izin.

Selalunya semua Ahli-ahli Yang Berhormat hadir di Mesyuarat Pembangunan Daerah dan apabila sampai sahaja masa untuk bertanya kepada Pegawai JKR berkenaan dengan projek-projek yang dijalankan di tiap-tiap daerah, ada laporan yang mengatakan "projek sakit". Ini adalah terminologi yang digunakan di kawasan saya daerah Kota Setar mengatakan bahawa "projek sakit" dan dua tiga kali mesyuarat pun masih lagi "projek sakit".

Apabila ditanya apakah sebabnya projek sakit ini? Dilaporkan bahawa kontraktor lari, kontraktor tidak mencukupi kewangan, kontraktor bermasalah dan sebagainya. Soalan saya ialah apakah rancangan dan tindakan kementerian ini bagi mengatasi projek-projek sakit dan juga kontraktor-kontraktor yang sakit ini bagi menyelesaikan dan menyiapkan projek-projek yang dijalankan di daerah-daerah. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa mengadakan, dengan izin, *forward planning* untuk mengenal pasti segala projek-projek yang berhubung kait seperti mana yang telah dirancang.

Untuk tahun lepas ini, dengan izin, kita punya *performance* kita belanja habis, maknanya projek-projek itu berjalan mengikut jadual. Tetapi dari segi *forward planning* ini macam kita merancang. Untuk makluman Yang Berhormat, di seluruh negara kita sudah kenal pasti lebih kurang 135 jalan yang kita panggil jalan *black spot*.

Jalan *black spot* ini ialah Jalan Persekutuan, kalau Yang Berhormat mungkin di dalam kawasan apabila jalan itu ia cantik apabila sampai ke situ dia sudah jadi kecil kerana jambatan yang dibuat 50 tahun dahulu, jambatan yang dibuat semasa zaman *colonial master*. Itu adalah satu proses hendak baik pulihkan jambatan itu. Yang itu pun merupakan satu perancangan masa hadapan dan kita jalankan peringkat demi peringkat. Di atas apa ingatan Yang Berhormat buat itu saya akan mengambil catatan dan kita akan mengambil tindakan tentang saranan yang dibuat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah jawab selama sejam empat puluh minit. Bolehkah saya benarkan lagi lima minit?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Lima minit, Tuan Pengerusi? Saya okay sahaja kalau Ahli Yang Berhormat lain bersetuju kerana *point* yang *diraisekan* itu saya rasa daripada segi yang umumnya saya telah selesaikan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Cuma mungkin di Bagan inilah. Yang Bagan ini bagi saya sentuhkan sedikit kerana ada perkara yang berhubung kait. Ha, Bagan, silakan.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya takut nanti Yang Berhormat sudah tamatkan jawapan. Dan apa yang kami bangkitkan di sini langsung tidak dapat dijawab. Jadi, saya ingin meminta kepada Tuan Pengerusi, supaya kalau tidak dijawab secara lisan pun berilah dengan secara bertulis kepada setiap Ahli Yang Berhormat yang bertanya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okay. Ada tiga perkara yang Ahli Yang Berhormat bagi Bagan bangkitkan. Pertama, sejumlah kewangan RM50 juta yang digunakan untuk *traffic mitigation scheme* di Pulau Pinang, butirannya saya akan bagi kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Yang kedua, kenapa peruntukan RM 20 juta [*Ketawa*] dibagi untuk membuat Dewan Undangan Negeri Perlis. Untuk makluman Yang Berhormat, RM10 juta sebagai satu pinjaman, yang lain itu sebagai grant. Yang Berhormat nanti akan bertanya kenapa Perlis dapat? Perlis adalah salah satu negeri yang belum maju, Yang Berhormat, jadi, kita kena bantulah, ya? Macam kita bantu Kelantan juga bukan kita tidak bantu Kelantan.

Yang ketiga, sama ada ada cadangan ataupun tidak untuk link kedua dan kenapa ada *statement*. [*Ketawa*] Untuk makluman Yang Berhormat, dalam perjanjian konsesi untuk Jambatan Pulau Pinang ini memang ada perjanjian supaya pihak pemegang konsesi, apabila sahaja sampai kepada satu tahap *volume of the traffic* itu sudah melimpah daripada segi permintaan, jadi dia kena tambah *lane*. Yang itu tidak pernah berubah, kita dalam peringkat sedang menilai balik sama ada sudah tiba masa dan ketika yang sesuai supaya perkara ini dibuat. Saya sendiri pun ada pengalaman *jammed* yang cukup teruk di Pulau Pinang apabila saya buat lawatan kerja ke utara. Sama ada *future forward planning* untuk link kedua, jawapannya di dalam infrastruktur negara, kita macam perancangan *Outline Perspective Plan 3*, (OPP3). Rancangan Jangka Panjang Yang Ketiga adalah satu perancangan di masa hadapan yang kita selaraskan.

Tuan Lim Hock Seng: Berkenaan dengan perbelanjaan mengubahsuai Bangunan Parlimen sebanyak RM80 juta, saya ada bangkit sama ada satu angka yang *final* dan juga Jalan Duta - kerja-kerja pembesaran ataupun pelebaran Jalan Duta sudah berhenti.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, pengubahsuaian Parlimen ini, keseluruhan peruntukan yang telah pun diluluskan oleh Kementerian Kewangan, *figure* ini jangan, *I'll give you the exact figure* lebih kurang RM80 juta. Yang telah dibelanja lebih kurang RM40 juta, belum habis lagi belanjanya yang termasuk *software equipment* RM10 juta. Secara detailnya saya akan bagi kepada Yang Berhormat dan mungkin kalau Yang Berhormat tidak puas hati, Yang Berhormat boleh bangkitkan dalam perkara-perkara lain.

Mengenai Jalan Duta seperti yang mana Yang Berhormat khawatir semalam tidak ada kerja, tetapi sebenarnya kerja masih lagi berjalan. Mungkin masalah kita ini, apabila kita buat jalan dalam bandar ini, hendak alihkan *utilities* lain ini masalahnya lebih besar daripada membuat jalan baru. Kalau jalan baru, jajaran baru, lebih

senang. Kita tebas pokok, kita buat *survey* lepas itu kita panggil *bulldozer* kita *bulldoze*, kita buat kosnya, kita letak *bituminous* – sudah siap. Tetapi di dalam bandar ini yang pertamanya kita hendak kena alihkan utiliti jalan – paip yang ada, tiang elektrik dan tiang telefon yang itu mengambil masa dan mungkin proses pengambilan masa ini Yang Berhormat Bagan ya, yang menyebabkan kelewatan dan juga kesulitan kepada pengguna. Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya adakah wujud konsultasi seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi berkenaan dengan semasa *renovation* yang hendak dijalankan di Parlimen ini. Apakah ada konsultasi dengan pihak-pihak yang terlibat seperti dengan pegawai-pegawai dan kakitangan dalam Parlimen ini? Sebab setahu saya sudah banyak kali penukaran pelan dijalankan.

Dahulu saya dimaklumkan bahawa kerja yang telah siap itu terlalu tinggi – tempat duduk Speaker dan kita boleh tengok tempat duduk kami di belakang ini juga sukar dilihat oleh Tuan Speaker/Tuan Pengerusi dan pihak media juga mengalami masalah. Saya hendak bertanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, memang senang senyum. Saya boleh nampak Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan; Saya hendak bertanya, sebab saya dengar ada yang kurang puas hati, sebab tidak ada konsultasi dengan mereka. Apabila kita bertanya dengan pegawai dan kakitangan di sini, dia kata, ini JKR tidak beritahu kita apa yang dia hendak buat, jadi tidak minta pandangan mereka. Inilah masalahnya – *because you are not sitting here and they do not know, they say.*

Seorang Ahli: *End user.*

Cik Fong Po Kuan: *End user* seperti kata Ahli Yang Berhormat Ayer Hitam. Inilah yang menyebabkan ada *variation order* (VO) dan apabila VO – kita minta dia buat perubahan, VO dia kata. Selepas itu hendak minta tambahan kos perbelanjaan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat pun berada di dalam Parlimen yang ke 10. Yang Berhormat tentu bersetuju dengan saya keadaan dan bentuk Parlimen yang sedia ada ini jauh lebih baik daripada Parlimen yang ke 10 yang mungkin ada sedikit kekurangan ada kecacatan. Kalau saya sebut bahawa ini bukan dibuat secara PMC – *It's not a project management consultant.* Ini dibuat oleh JKR sendiri. JKR letak *resident's architect* sendiri secara

fulltime untuk ditugaskan bagi reka bentuk dan juga kawal selia serta menyediakan kemudahan.

Sebagai Yang Berhormat sedia maklum, *chamber* ini dibuat dalam satu waktu rekod yang sempit. Apabila benda dibuat secara cepat dan pantas jadi adalah masalah yang *nitty-gritty*. Macam tadi, Yang Berhormat sentuh fasal *chamber* yang di atas itu. Apabila ia tinggi dahulu, Tuan Yang di-Pertua tidak nampak Ahli Parlimen bagi Kepala Batas dan Ipoh Timur [*Ketawa*]. Jadi, dia tidak ada *overview*, itu sebab kena lower balik, Yang Berhormat. Kita ada *constraint of space*, jadi kita tidak boleh *push back*, seperti Yang Berhormat katakan tadi.

Jadi, sama ada jawapan dia, pihak pengguna – maknanya pihak pengguna Dewan Rakyat. Dewan Rakyat, Ketua Eksekutifnya ialah Setiausaha Dewan. Dengan pandangan daripada Yang di-Pertua Dewan, jawapannya ya, pandangan mereka diambil kira. Tetapi sama ada pandangan kakitangan diambil kira – yang itu saya tidak tahulah, Yang Berhormat. Yang membuat dasar telah pun dirunding dan kemudian pihak JKR melaksanakan ini dengan sebaik mungkin.

Jadi, Tuan Pengerusi sudah tidak bagi saya bercakap lagi. [*Ketawa*] Saya okey sahaja.

Tuan Huan Cheng Guan: [*Bangun*]

Dato' Firdaus bin Harun: [*Bangun*]

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: [*Bangun*]

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [*Bangun*]

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Yang ini okey. Kita bagi tiga sahajalah ya, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Okey, sila. Tiga ya, *last* ya.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Yang Berhormat, tahniahlah jawapan memang ada standard, tidak *last-last*lah.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: [*Ketawa*]

Tuan Huan Cheng Guan: Saya cuma hendak tanya, yang tadi saya bangkitkan berhubung dengan jambatan kedua negeri Pulau Pinang. Adakah Menteri akan menjawab pertanyaan saya? *I just want to know*. Kalau secara lisan tidak boleh, tidak apa, minta dia bagi saya secara bertulis. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Secara umumnya Yang Berhormat, kita membangunkan perancangan fizikal negara kita ini setiap lima tahun. Kita ada Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat, Kelima. Jadi, kita akan selesai Rancangan Malaysia Kelapan dan kita akan masuk kepada Rancangan Malaysia Kesembilan dan saya percaya dan yakin Parlimen juga akan turut terlibat untuk meluluskan perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan. Lepas itu kita ada *mid-term review* dia.

Untuk saya, di Pulau Pinang, kita kena *study* dia punya *the important all the state* dari segi menyumbangkan pembangunan ekonomi negara. Pada saya untuk perancangan masa depan dia memerlukan satu perhubungan alternatif yang lain supaya menjadikan Pulau Pinang sebagai *The New Economic Growth Centre* kepada negara dan saya percaya dan yakin bahawa *sooner or later we need this second link* dan saya akan minta pihak kementerian memberi satu jawapan yang bertulis kepada apa Yang Berhormat suarakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi berkenaan dengan Lebu Raya Senawang – Air Keroh.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana menimbang untuk menaikkan taraf jalan kepada enam lorong, sebab saya pun menggunakan jalan itu untuk berulang-alik ke Parlimen.

Cuma saya hendak bangkitkan satu perkara lagi iaitu soal Lebu Raya Seremban – Gemas. Saya difahamkan kerja menaik taraf kepada empat lorong telah ditangguhkan di bawah Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan.

Walau bagaimanapun, saya berharap pihak kerajaan dapat timbangkan untuk menaikkan kepada tiga lorong daripada Seremban ke Tampin, sebabnya ialah kerana jalan ini agak sibuk dan dalam masa yang sama juga dapat kiranya dipertimbangkan untuk mengganti beberapa jambatan ataupun melebarkan beberapa jambatan yang sempit. Malah ada yang telah dibina lebih dari 40 tahun semasa saya bersekolah lagi, khususnya jambatan di sebelah stesen kereta api pekan Rembau, sebab di kawasan ini selalu berlaku kemalangan. Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rembau. Saya akan mengambil catatan tentang pandangan Yang Berhormat ini dan kita akan kemuka dan berunding balik dengan pihak EPU (*Economic Planning Unit*) kerana mereka agensi yang akan menentukan *priority*, sama ada jalan itu boleh dilaksanakan ataupun tidak, selain daripada apa yang telah pun terjadual daripada apa yang sedia ada untuk dibangunkan.

Di pihak kementerian, ada satu unit kita panggil *Highway Economic Planning*, kita selalu akan bagi *suggestion* dan kuasa muktamad untuk memutuskan sama ada projek itu berjalan ataupun tidak, adalah di pihak EPU dan segala pandangan Yang Berhormat kita akan sampaikan. So, Pontian *last one*.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Tuan Pengerusi, jawapan pun boleh bertulis Yang Berhormat. Mengenai dengan PSDC dari segi mengeksport kepakaran profesional ke luar negara dengan CIDB, sebagai agen yang akan menyuntik modal awal kepada PSDC. Saya membangkitkan tentang CIDB yang telah melibatkan diri secara langsung dengan syarikat-syarikat tertentu dan berkemungkinan ini akan menggugat *independency of PSDC* ini hendak keluar negara, hendak terlibat dengan kontrak-kontrak di luar. Jadi, saya minta pandangan kementerian.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Okey, terima kasih. Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, PSDC (*Profesional Service Development Corporation*) satu badan korporat yang dikorporatkan oleh MOF (*Ministry of Finance*) sebagai dia punya pemegang saham yang diwujudkan oleh NEC (*National Economic Action Committee*) MTEN (Majlis Tindakan Ekonomi Negara) yang diparkkan operator dia di Kementerian Kerja Raya.

Dia punya *terms of reference* ialah untuk memasarkan kepakaran Malaysia untuk memenuhi dan memecahi pasaran dunia globalisasi dan liberalisasi. Kalau kita boleh bayangkan bahawa PSDC ini sebagai satu *vehicle*, dia punya kapasiti dan dia punya *behavior* ini sepatutnya menjadi macam PMC of Malaysia. Dia pergi *procure the job*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita juga akan meluluskan belanjawan ini dan Yang Berhormat daripada segi totalnya dan dari segi *construction* pun sektor ini dia menurun, dan dari segi *manufacturing* serta servis dia naik dan apabila kita menuju negara ke arah Malaysia Maju Tahun 2020, dia punya *growth of economy* ini yang berasaskan kepada *manufacturing* dan *services* dia akan melebihi daripada

development. Maknanya dari segi *projection* ke hadapan ini *construction industry* ini dia akan menguncup.

Untuk kebergantungan kepada *construction* sebagai *the economy of growth* kepada kerajaan dan masa depan *I think* secara realistiknya kita mesti menghalakan kekuatan kita di luar Malaysia. Justeru kerana itu bahawa yang dahulunya PSDC ini yang *paid up* kapital dia RM5 juta sahaja. Belanjawan pada kali ini kerajaan telah pun mengarahkan CIDB untuk mengambil ekuiti hampir RM50 juta kepada PSDC dan menjadikan dia sebagai *the backbone* untuk kita menguasai cabaran dunia globalisasi.

Saya telah pun meminta pihak PSDC untuk memfokuskan *market penetration* dia bukan hanya di India tetapi di Timur Tengah, di North Africa, di *new imaging market* di China dan juga di negara-negara yang telah pun masuk dalam EU supaya kita ada peluang untuk membawa *construction industry* kita ini keluar negara.

Justeru kerana itu segala peranan yang telah pun disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Pontian, yang memberikan penekanan bahawa PSDC ini untuk menjadi pelopor dan kepada *backbone* sebagai *construction industry* dengan tidak memberikan peluang kepada mereka untuk menjadi *competitor* pula kepada yang sedia ada dalam ini, yang ini kita kena pertahankan.

Saya yakin bahawa dia punya matlamat utama ialah hendak menguasai pasaran industri pembinaan di luar negara. Bukan dalam negara dan ini akan memberikan pulangan yang besar kepada kerajaan kita.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan[Ketawa]

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Bagilah.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: [Bangun]

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Okeylah, bagilah Putatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Saya mula-mula fikir Yang Berhormat tentu akan tunai janji yang dibuat sebentar tadi.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Saya sudah tunai janji, nanti Ahli Yang Berhormat bangun jika saya tidak jawab, nanti saya susah, tetapi kita bagi dua juga Yang Berhormat. Setuju ya, Tuan Pengerusi?

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengikuti penjelasan Timbalan Menteri, panjang saya tidak dengar jawapan yang kita kemukakan yang dari Sabah ini, yang bermasalah itu. Kalau boleh bagilah secara yang *assurance* jawapan secara bertulis kalau boleh. Ini masalah kita.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Okey, jalan bagi Putatan. Saya sudah sebut tadi Yang Berhormat. Saya sudah melawat Sabah, sudah empat kali saya pergi ke Sabah. Saya semak RM2.5 bilion telah pun dibelanjakan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan prasarana di negeri Sabah dan

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: Peruntukan RM395,000 sahaja untuk penyiasatan.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Ini dia total. Total yang saya sudah semak mengikut kontrak yang sudah sedia ada. Peruntukan kerajaan negeri cuma RM40 juta. Maknanya Kerajaan Persekutuan *the main rival* untuk peningkatan kemudahan infrastruktur ini. Yang terbaru ini Yang Berhormat kerajaan telah pun meluluskan jalan daripada Kalabakan ke Sugut itu *to complete the whole road linkages* daripada negeri Sabah dan daripada Sipitang ke Tenom.

Di kawasan Yang Berhormat itu, depan jalan Putatan yang hendak naik taraf itu, saya akan ambil perhatian dan kita akan bagi perkembangan secara terperinci dan kita akan berjuang Yang Berhormat untuk ini. Masalah di Kinabatangan pun tidak selesai lagi Yang Berhormat, jadi kita akan cuba selesaikan yang ini *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tahniah kepada sahabat saya Timbalan Menteri yang handal ini pandai jaga tauke nampaknya. Saya hendak yang asal kerana untuk makluman mungkin Timbalan Menteri juga ingin tahu bahawa semasa penubuhan CIDB, saya duduk di daerah Persatuan Pemborong Malaysia sebagai Bendahari. Tujuan dan matlamatnya ialah selain hendak mengeksport pakar-pakar tadi ialah untuk menaikkan taraf kemahiran kepakaran kontraktor bumiputera. Tetapi sekarang ini saya lihat CIDB sudah lari daripada tujuan asalnya. Adakah Yang Berhormat sedar dan adakah kementerian berhasrat untuk membantu kontraktor bumiputera sebagaimana yang dilaung-laungkan yang CIDB mengadakan kursus kepakaran kepada kontraktor-kontraktor bumiputera kecil.

Yang nombor dua saya hendak tanya, berkenaan dengan *highway* tadi. Saya pun tidak faham. Daripada Kuala Lumpur Sungai Besi ke Ayer Keroh sampai Seremban oleh sebab tiga lorong pergi dua lorong ke Melaka jalan itu sendat tetapi yang saya tidak faham sekarang ini daripada Ayer Keroh pergi ke Sungai Besi, daripada dua lorong sampai di Seremban pergi tiga lorong, di situ pula boleh sendat lagi. Macam mana ini? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, ia sendat tak sendat ini *depends* kepada pelincir dia, macam mana dia punya *gradient flow* tetapi saya hendak sebut tentang CIDB. CIDB ini iaitu Construction Industry Development Board adalah satu badan yang diwujudkan untuk menentukan pembangunan *construction industry* ini akan memberikan manfaat kepada negara.

Tadi Yang Berhormat sebutkan apakah dasar kerajaan tentang kontraktor bumiputera. Di Kementerian Kerja Raya, untuk makluman Yang Berhormat, dasar itu tidak pernah pun berubah. Semasa saya di JKR dahulu kita ada Unit Penyertaan Bumiputera tetapi hari ini di kementerian sudah wujud Bahagian Penyertaan Bumiputera dan masih lagi wujud. Saya rasa bahawa ini satu dasar yang masih lagi kekal dan kita akan pertahankan dan insya-Allah, kita akan berusaha supaya segala peluang-peluang yang sedia ada untuk membangunkan kontraktor-kontraktor bumiputera akan dapat dipertahankan. Dahulu contoh macam Yang Berhormat, saya tidak tahulah jadi kontraktor Kelas F, daripada Kelas F telah berjaya buat beberapa kerja dengan penilaian yang baik boleh naik Kelas E, daripada Kelas E naik Kelas D, kelas D naik Kelas C selepas itu baru melangkah kepada Kelas BX, Kelas B dan Kelas A dan Kelas *Super A*. Tetapi hari ini untuk makluman Yang Berhormat, siapa ada RM750,000; ada *paid-up capitol boleh employ engineer*, boleh *register* di CIDB dia boleh dapat Gred 7 dan *they are the contractor*. Tentulah ada satu perbezaan antara kontraktor dengan *the builder*. Jadi Yang Berhormat saya dengan pegawai-pegawai kementerian tengah melakukan peningkatan semula.

Mungkin ada juga Yang Berhormat bangkitkan kenapa hendak berdaftar dengan CIDB, kenapa hendak berdaftar dengan JKR, kenapa hendak berdaftar dengan PKK, kenapa hendak berdaftar dengan Tenaga, kenapa hendak berdaftar dengan Telekom, kenapa hendak berdaftar dengan Petronas. Mungkin kita perlu wujudkan satu *registration clearing house* supaya perkara ini akan dapat diselesaikan.

Tuan Pengerusi, mana-mana perkara yang dibangkitkan secara spesifik yang saya ada catatan sebanyak 23, saya akan memberi jawapan bertulis kepada segala perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sekian, atas sokongan dan pandangan daripada Yang Berhormat saya rakamkan jutaan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,338,169,000 untuk Maksud B.27 di

bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,338,169,000 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM5,027,684,000 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM5,027,684,000 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

**Maksud B.28 [Jadual] –
Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan 2005] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.28 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Larut.

4.35 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh perkara P.28 Kementerian Pengangkutan di bawah Butiran 1300 Pembinaan Lapangan Terbang dan perkara Butiran 4000.

Kita sedia tahu mengikut sejarah Lapangan Terbang Taiping adalah sebuah lapangan terbang yang tertua dan pertama di negara kita ini, sebelum itu dipanggil Malaya, yang dibuka pada tahun 1930 dan juga merupakan pada ketika itu adalah *airport* antarabangsa, dengan izin.

Mengikut sejarah pada tahun 1935 mengikut urutannya, Presiden Soeharto dari Indonesia pernah turun di lapangan terbang tersebut... Soeharto, Sukarno, ya saya kalau tidak betul fakta minta betulkan, terima kasih. Itu gunanya kawan-kawan jangan hendak bedal sahaja macam Rantau Panjang. Jangan marah saya Rantau Panjang, arak pun disalahertikan. Kalau tidak silap saya pada ketika itu Presiden daripada

Indonesia ini membuat dan merancang satu draf Perlembagaan Indonesia ketika datang ke Malaya.

Kemudian pada tahun 1937, Nehru Gandhi juga melawat Malaya menggunakan *airport* yang sama, apatah lagi Kerajaan British yang menggunakan *airport* Taiping ini sewaktu mereka bertapak di tanah air kita ini. Persoalan saya ialah kita amat menyokong usaha-usaha untuk mengekalkan warisan *heritage*, dengan izin, macam di Rantau Panjang pun ada *heritage* juga, di sebelah Golok.

Oleh kerana saya melihat rakan saya tidak ada di sini, iaitu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Ahli Parlimen Taiping, mungkin dia pun setuju, saya hendak meminta Kementerian Pengangkutan kalau boleh saya hendak mencadangkan *airport* lama yang bersejarah ini yang boleh menarik pelancong terutamanya datang ke Malaysia menggunakan pintu masuk bandar warisan Taiping yang telah pun kita wartakan tidak hanya semata-mata dikenali sebagai sebuah pekan yang begitu banyak hujan, yang hujan sentiasa turun di bandar Taiping.

Satu, apakah boleh dijadikan satu kegiatan aktiviti penerbangan *chartered* atau sewa dengan tidak payah menggunakan lapangan terbang yang lain termasuk KLIA, Senai itu boleh kalau hendak digunakan. Tuan Pengerusi setuju ya!

Kedua, *airport* ini boleh dijadikan satu akademik latihan untuk juruterbang kerana ada kesan sejarah Taiping ini iaitu terutama waktu Peperangan Dunia Kedua. Satu lagi mungkin boleh dipertimbangkan untuk *private jets* membuat *landing* dengan izin, ataupun untuk membuat *parking*, di *airport* Taiping. Ataupun boleh digunakan untuk *domestic flight*, saya tidak faham kadang-kadang *domestic flight* ini banyak seperti Ipoh umpamanya yang sekarang ini banyak menggunakan lebuh raya kurang sikit. Mungkin boleh dicadangkan Taiping ini untuk destinasi pelancong digunakan semula oleh kerana baru-baru ini *Governor General* daripada Australia ada datang melawat ke Taiping untuk melawat makam sejarah penjajah di kaki Bukit Larut.

Jadi, saya minta kalau boleh pihak Kementerian Pengangkutan dapat menimbang bagaimana supaya Lapangan Terbang Taiping ini yang begitu bersejarah dapat dibangunkan semula sebagai satu warisan kita, apatah lagi dengan usaha-usaha kita untuk mengekalkan lagi sejarah dan warisan.

Kedua, Tuan Pengerusi, yang ingin saya sentuh ialah berhubung dengan satu lagi sejarah iaitu landasan kereta api yang pertama yang juga di bandar Taiping yang dibina pada tahun 1885 di *Port Weld* ataupun sekarang dipanggil Sepetang yang mana

usaha-usaha sentiasa hendak dilakukan tetapi masih lagi belum mencukupi apatah lagi sekarang ini setinggian telah mula mencerooboh tapak yang bersejarah ini. Saya minta pihak Kementerian ataupun KTM terutamanya supaya tidak memandang sepi ke atas apa yang telah berlaku.

Saya menyokong, Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran.

4.40 ptg.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 050000 – Pengangkutan Udara. Saya ucapkan syabas kepada kementerian kerana mengambil inisiatif untuk meredakan perang tambang di antara *Air Asia* dengan MAS. Sebagai pengguna, saya ingin kepastian daripada kementerian, agar penyelesaian yang diambil oleh kementerian akan memihak kepada pengguna. *Competition* yang ada sekarang ini, kita lihat tambang kapal terbang, pengangkutan udara terutamanya Sabah/Kuala Lumpur, Kuala Lumpur/Sarawak, telah mula menurun seperti kehendak sebahagian besar daripada masyarakat kedua-dua negeri ini. Cara penyelesaian yang diambil oleh kementerian, harus memihak kepada pengguna. Itu merupakan harapan sebahagian besar daripada mereka yang menggunakan kedua-dua sistem syarikat penerbangan ini untuk jalan ke Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak.

Tuan Pengerusi, *Air Asia* memang menawarkan tambang yang murah kepada sebagai pengangkutan antara Sabah dan Sarawak dan juga Semenanjung Malaysia ini. Tetapi kita melihat kebelakangan ini, beberapa insiden yang melibatkan penerbangan *Air Asia*. Yang terakhir sekali pada hari Sabtu yang lalu, penerbangan dari Sandakan ke Kuala Lumpur, setelah *landing*, saya diberitahu oleh rakan-rakan yang sebahagian besar daripada Sandakan, *landing* yang begitu *raft* sekali dan setelah *landing*, kapal terbang ini terpaksa berlabuh *somewhere* dekat Pan Pacific Hotel di Lapangan Terbang KLIA sebab kerana ada masalah kerosakan. Setelah sejam, barulah penumpang-penumpang dikeluarkan daripada pesawat tersebut. Terlebih dahulu daripada itu, semasa penerbangan antara Kuala Lumpur ke Sandakan, penerbangan terpaksa berpatah balik kerana ada masalah teknikal terhadap pesawat yang digunakan oleh *Air Asia*.

Tuan Pengerusi, dalam soal tambang murah, saya kira bahawa kementerian dan kerajaan harus memantau keselamatan penumpang yang menggunakan pesawat *Air Asia* ini. Pertanyaan seperti dari mana *Air Asia* menyewa pesawat-pesawat mereka dan sejauh mana rekod penyelenggaraan pesawat dipantau oleh kementerian dan kerajaan untuk menentukan keselamatan penumpang-penumpang yang menggunakan sistem penerbangan yang ditawarkan ini. Saya mengira bahawa soal keselamatan merupakan aspek yang penting, walaupun kita gembira ada sistem penerbangan yang menawarkan tambang murah, tetapi kerajaan harus memantau agar tidak ada kemalangan, tidak ada kecelakaan yang berlaku terhadap penumpang-penumpang yang menggunakan sistem penerbangan, yang menawarkan tambang murah ini.

Tuan Pengerusi, dalam konteks yang sama, saya juga ingin tahu apakah hasil siasatan yang telah dijalankan oleh kerajaan terhadap Hornbill yang setelah *digroundkan*, setelah dua insiden kemalangan yang berlaku terhadap pesawat-pesawat Hornbill, Syarikat Penerbangan Hornbill di Sarawak itu. Apakah hasil daripada penyiasatan yang didapati daripada pesawat helikopter servis yang digunakan oleh Syarikat Hornbill?

Saya juga ingin tahu sejauh mana, kementerian memantau setiap sistem perkhidmatan helikopter yang ada di negara kita, termasuk juga helikopter-helikopter yang digunakan oleh Sabah Air. Kalau kita ingat, imbas kembali, rekod Sabah Air juga tidak bersih, Sabah Air juga mempunyai pesawat-pesawat yang terhempas, yang mengakibatkan nyawa terkorban.

Saya inginkan kepastian daripada kementerian dan kerajaan, sistem pengawalan, *monitoring system* yang dijalankan oleh kementerian terhadap semua pesawat-pesawat helikopter yang digunakan dalam perkhidmatan helikopter yang ada di negara kita. Saya rasakan bahawa, kenyataan pemantauan yang terkawal harus dilakukan oleh kementerian untuk memastikan keselamatan penumpang diutamakan dalam sistem perkhidmatan helikopter, begitu juga dengan pesawat, apatah lagi, pesawat yang akan berjalan bersama dengan ramai penumpang. Tuan Pengerusi, dua perkara ini saya ingin memohon penjelasan dan juga kepastian daripada kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat, silakan.

4.46 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh, bertanya satu perkara sahaja, iaitu berkenaan dengan Butiran 00900 dan 01600 iaitu berkenaan dengan Projek KTMB. Sebelum itu, saya ingin juga menyatakan sokongan saya terhadap pandangan Yang Berhormat bagi Larut tadi berkenaan dengan pentingnya Taiping secara umumnya dan Lapangan Terbang Taiping itu diberikan pengiktirafan yang sepatutnya disebabkan oleh peranan penting dan sejarah panjang lapangan terbang tersebut.

Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, ialah berkenaan dengan bagaimana bakal Presiden Indonesia, Sukarno dalam tahun sekitar 1945, selepas Perang Dunia Kedua, daripada perjalanan kapal terbang dari Jakarta ke Saigon, singgah di Taiping untuk berbincang dengan tokoh-tokoh nasionalis Tanah Melayu ketika itu, iaitu Dr. Burhanuddin Al-Helmi dan Ibrahim Yaakob. Itulah tokoh-tokoh nasionalis Malaysia yang ada dan masa itu belum ada UMNO lagi Tuan Pengerusi. Jadi, inilah pemimpin-pemimpin negara kita ketika itu yang dipilih oleh bakal Presiden Sukarno untuk mengadakan perbincangan.

Jadi, saya sokong pandangan Yang Berhormat bagi Larut supaya Lapangan Terbang Taiping diberikan penghormatan dan pengiktirafan yang setaraf dengan peranan sejarahnya yang begitu baik itu.

Tentang kereta api, saya ingin mengulangi pandangan yang saya sebut tiap-tiap kali soal pengangkutan dibangkitkan iaitu daripada yang dicadangkan di sini, perbelanjaan untuk meningkatkan keupayaan KTM sebanyak lebih kurang RM300 juta dan untuk pembelian *rolling stock* KTMB sebanyak lebih kurang RM252 juta. Persoalan saya ialah, lebih daripada RM550 juta ini, sebanyak mana dikhaskan untuk laluan kereta api Pantai Timur?

Saya sukacita kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan anak Pantai Timur juga. Jadi, kita semua tahu bahawa Keretapi Tanah Melayu, pembangunannya sepanjang negara merdeka, adalah amat-amat kecil sekali dan daripada pembangunannya yang amat kecil itu, Pantai Timur laluannya diabaikan, seolah-olah sepenuh-penuhnya, dengan izin *a complete ignorance, a complete attitude of not taking care of the rail line* daripada Kuala Lumpur hinggalah ke bandar yang juga bersejarah, Tumpat di Pantai Timur. Ini masalah kita dan saya ingin bertanya kepada

Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kita akan melihat sedikit perubahan dalam laluan kereta api dan dalam taraf laluan kereta api tersebut.

Adakah kita ingin memikirkan, daripada kita menggunakan laluan yang begitu ganjil, zaman kolonial daripada Kuala Lumpur hendak ke Pantai Timur, kena turun ke selatan, ke Gemas dahulu, baru naik balik iaitu laluan yang amat tidak logik sekali. Adakah kita ingin mengekalkan itu atau adakah kita ingin mengambil suatu iktibar daripada juga, seorang tindakan anak Pahang yang begitu berjaya, bernama Tun Abdul Razak yang dari segi bukan laluan kereta api, malah laluan jalan raya, berani membina Lebuhraya Karak, sehingga hari ini kita dapat ke Pantai Timur dengan masa yang begitu cepat.

Adakah kita ingin memikirkan misalnya laluan kereta api terus dari Kuala Lipis ke Kuala Lumpur tanpa melalui Gemas dan dengan itu membawa suatu perubahan dan pembangunan yang besar, bukan sekadar untuk Kelantan tetapi untuk Pahang Barat dan kawasan-kawasan Semenanjung pertengahan ini. Jadi saya ingin bertanya tentang cadangan kerajaan, khususnya kementerian, dari segi perkhidmatan kereta api, pembangunannya untuk laluan di Pantai Timur yang melibatkan secara khususnya negeri Pahang dan Kelantan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Santubong.

4.51 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Beluran berhubung dengan keselamatan udara, terutama sekali berhubung dengan pengangkutan awam seperti Air Asia kerana kita melihat pengangkutan ini banyak digunakan oleh masyarakat, khususnya daripada Sabah dan Sarawak untuk ke Semenanjung dan sebaliknya daripada Semenanjung ke Sarawak dan Sabah.

Kita jangan bertindak berlandaskan “sudah terkena baru tengadah”. Jadi kita dari sekarang sepatutnya melihat semua ciri, semua keadaan kerana banyak telah kita mendengar laporan bahawa kerosakan-kerosakan teknikal berlaku dengan Air Asia. Jadi saya hendak tahu berapa kalinya telah Air Asia mengalami kerosakan teknikal yang menyebabkan kapal terbang terkandas di atas *runway* dan tidak dapat berlepas oleh sebab-sebab teknikal yang lain selain daripada tidak ada *crew*. Itu yang amat

penting sekali untuk keselamatan masyarakat Malaysia yang menggunakan tambang begitu murah.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya menyentuh di bawah Butiran 0105000 – Pengangkutan Udara. Kita melihat kemalangan berlaku kepada *Hornbill Skyways*, bukan sekali, berlaku di Sarawak di kawasan yang sama persekitaran Bario. Jadi, kekerapan kemalangan ini berlaku menunjukkan ada satu-satu perkara yang mungkin disebabkan *pilot* tidak mengetahui, pentadbir udara tidak mengetahui yang berlaku di sana, yang tidak boleh dilihat, yang boleh menyebabkan helikopter yang digunakan oleh pihak-pihak ini terhempas.

Jadi, adakah satu kajian yang khusus dibuat untuk mengkaji keadaan udara di persekitaran kawasan itu dan bila keadaan udara itu boleh mengancam keselamatan helikopter khususnya, kerana kalau kita lihat apa yang berlaku di negara-negara yang lain, mereka mengkaji setiap lapangan terbang untuk mengetahui bagaimana keadaan udara, bagaimana *turbulent* berlaku. Apa sahaja yang berlaku di kawasan yang berkenaan akan diketahui oleh pihak pentadbir yang berkenaan dengan laluan udara kapal terbang yang berkenaan. Sepatutnya kita mengetahui sebelum jalan raya dibuat di kawasan ini, kita kena mengetahui keadaan udara kerana helikopter insya-Allah akan terus digunakan oleh orang-orang Sarawak, pegawai-pegawai di negeri Sarawak dan orang politik negeri Sarawak untuk melawat kawasan-kawasan yang terpencil ini. Itu amat penting.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, ialah mengenai pengangkutan darat di bawah Butiran 01060 – Perkhidmatan Bantuan. Telah lama orang Sarawak dan Sabah khususnya tidak mempunyai pegawai jurutera di peringkat negeri Sarawak dan Sabah. Apabila satu-satu kereta hendak diperiksa dan sebagainya, kenalah sama ada kereta tersebut di bawa ke Semenanjung dalam situasi yang dikatakan mustahil, ataupun menghantarkan pegawai dari sini untuk memeriksanya di sana. Semua bantuan dari segi kejuruteraan di Sarawak dan di Sabah tidak wujud. Ini akan menjejaskan, telah menjejaskan keadaan di Sarawak dan di Sabah.

Saya hendak bertanya dengan pihak Timbalan Menteri kementerian ini, apakah perancangan, bilakah masa yang terdekat supaya sokongan kejuruteraan kepada pihak Sarawak dan Sabah ini dapat diwujudkan dengan seberapa segera supaya apa sahaja yang diperlukan, kerana apa sahaja yang kita kehendaki, Tuan Pengerusi, ada

penglibatan dari segi teknikal dan keselamatan jalan raya dan keselamatan pengguna, keselamatan jentera itu sendiri dan ekonomi negara dan negeri ini.

Ini amat penting kepada kita kalau kita tidak melihat dalam masa yang singkat, bagi mewujudkan sokongan ini kepada pihak industri di dua buah negeri yang terpencil ini maka selama-lama itulah dalam sektor industri ini akan berlaku kelambatan dan kelambatan ini juga menjejaskan keadaan ekonomi di negeri tersebut. Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja tiga soalan yang saya bangkitkan dan terima kasih dan saya menyokong.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tebrau.

4.56 ptg.

Tuan Ling Ban San [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 00200 tentang Kajian Peningkatan Infrastruktur sedia ada. Pertama sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kerana telah berjaya menjalinkan hubungan yang bertambah mesra dengan kerajaan Singapura memandangkan kebelakangan ini sudah terdapat perkhidmatan KTM di antara Singapura dan Johor Bahru sebanyak dua kali sehari, dua trip sehari pada sebelah pagi dan sebelah petang. Saya rasa rakyat di Johor Bahru khasnya telah menyanjung baik tentang perkembangan terkini itu.

Walau bagaimana pun, dua *trip* sahaja sehari itu mungkin tidak mencukupi untuk mengatasi masalah keperluan pengangkutan awam bagi rakyat yang *commuting* di antara Singapura dan Johor Bahru, khasnya bagi mereka yang bekerja di Singapura. Saya mencadangkan kerajaan terus berusaha untuk mengadakan jika boleh LRT atau MRT di antara Johor Bahru dan Singapura. Saya rasa jika kita berjaya mengadakan perkhidmatan LRT ataupun MRT di antara Singapura dan Johor Bahru ia sudah pasti akan mengurangkan kesesakan lalu lintas di Tambak Johor dan ini akan membantu meningkatkan pelancongan di kedua-dua negara dan juga akan meningkatkan serta mempercepatkan lagi perkembangan ekonomi di antara kedua-dua negara, khasnya di antara Singapura dan Johor Bahru.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh ialah tentang Butiran 01000 – Pelantikan Trafik Warden di Banda Raya Johor Bahru. Saya pernah bertugas sebagai Ahli Majlis di Majlis Perbandaran Johor Baru dan saya faham bahawa Majlis Bandar Raya Johor Bahru pernah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pengangkutan untuk

menurunkan kuasa supaya Majlis boleh melantik Trafik Warden untuk membantu mereka mengendalikan masalah kesesakan lalu lintas di bandar raya itu.

Memandangkan Johor Bahru sedang menghadapi kesesakan lalu lintas dan oleh sebab begitu kerap kedatangan pelancong-pelancong dari Singapura dan juga kereta-kereta dari Singapura, misalnya dalam akhbar hari ini ada sebanyak 800 lori menunggu untuk menyeberangi Tambak Johor di Johor Baru, ini menunjukkan betapa seriusnya kesesakan lalu lintas di tempat itu. Pelantikan *traffic warden* ini akan membantu PBT di Johor Bahru mengelolakan masalah kesesakan lalu lintas di bandar raya itu.

Akhir sekali saya hendak menyentuh tentang keperluan menyediakan lorong motosikal di bandar raya Johor Bahru juga. Berlandaskan laporan bulanan kemalangan jalan raya di Johor Bahru, bilangan mangsa tertinggi terdiri daripada penunggang-penunggang motosikal dan kita selalu melihat penunggang-penunggang motosikal itu berada di semua lorong di jalan raya di dalam bandar raya itu. Mereka boleh dikatakan, dengan izin, *waving* di antara kereta-kereta yang berjalan di atas jalan raya. Tidak ada lorong khas untuk penunggang-penunggang motosikal dan mereka terpaksa kerana mengejar masa untuk bekerja di Singapura dan balik dari Singapura, sentiasa kita mendapati motosikal penuh di jalan raya di bandar raya Johor Bahru.

Jadi, saya cadangkan lorong khas untuk penunggang motosikal harus dipercepatkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah ini dalam bidang kuasa Kementerian Pengangkutan?

Tuan Teng Boon Soon: Saya rasa pengangkutan, Jabatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya fikir bukan dalam bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Ini khas untuk Tidak apalah.

Tuan Teng Boon Soon: Mungkin Kementerian Pengangkutan boleh mengambil perhatian tentang perkara ini dan supaya pihak-pihak yang berkenaan boleh menyelesaikan masalah ini dengan menyediakan lorong khas bagi penunggang-penunggang motosikal. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Terengganu.

5.02 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin tarik perhatian Butiran 06000 iaitu berhubung dengan Pengangkutan Darat dalam konteks menjaga keselamatan jalan raya, memberi tumpuan utama kepada pelaksanaan aktiviti-aktiviti penyelidikan di dalam keselamatan jalan raya untuk memastikan pengguna-pengguna jalan raya selamat menggunakannya.

Selain daripada itu adalah untuk kita memastikan bahawa pendidikan dilakukan untuk memastikan generasi pengguna-pengguna jalan raya itu lebih berdisiplin, berhemah tinggi dan juga bersopan di jalan raya, terutamanya tidak berapa lama lagi kita akan menyambut Deepavali, Ramadhan Al-Mubarak, Raya Haji, Krismas dan bermacam-macam lagi itu dan saban tahun kita mengalami masalah jalan raya kita itu seolah-olah semacam satu pesta bermandi darah.

Baru-baru ini pun *accident*, pelanggaran dan juga kemalangan jalan raya dan sebentar tadi pun ada disebut tentang 184 kemalangan jalan raya telah berlaku di kilometer 90 antara Lancang dengan Temerloh di bawah pembinaan lebuh raya yang baru di Pantai Timur.

Saya juga ingin menarik perhatian ketika pembinaan Koridor Pantai Timur yang melibatkan RM2.5 bilion di Terengganu nanti, kesilapan-kesilapan *structural* yang dialami di lebuh raya lain itu harus diberi pembaikan dan diberi perhatian yang sewajarnya agar keselamatan jalan raya ini dapat kita jamin bersama.

Selain daripada itu juga, saya ingin menarik perhatian sidang Dewan, iaitu sekarang ini jumlah kenderaan berdaftar sudah semakin bertambah iaitu bertambah kepada 12.8 juta pada tahun 2003 dan dengan itu kemalangan jalan raya juga telah meningkat kepada 298,651 kes. Ini adalah merupakan sesuatu yang menggemparkan dan harus diambil perhatian oleh Kementerian Pengangkutan dalam konteks mencegah kemalangan jalan raya, di samping juga memberi piawaian tinggi di atas pengujian dan juga pelesenan lesen memandu dan juga penguatkuasaan undang-undang itu.

Saya juga ingin menarik perhatian sidang Dewan berhubung dengan faktor-faktor kemalangan jalan raya di Malaysia ini yang dapat dipecahkan kepada tiga faktor utama berdasarkan kepada penyelidikan yang dilakukan oleh *Accident and Safety Research Group* yang dikendalikan oleh UKM baru-baru ini, yang menyatakan tiga

faktor utama itu iaitu pertama faktor kemanusiaan, yang kedua faktor persekitaran dan yang ketiganya kenderaan.

Dalam konteks ini kita berharap Kementerian Pengangkutan memberi keprihatinannya kepada faktor-faktor ini. Untuk faktor kemanusiaan itu, di antaranya ialah memecut terlalu laju, kecuai, khayal, terbabas, melanggar kenderaan lain, lumba haram, letih, mengantuk, langgar lampu merah dan juga menggunakan telefon bimbit ketika memandu. Ini membawa statistik yang agak tinggi, 94% daripada faktor kemalangan itu berpunca daripada faktor kemanusiaan ini.

Yang keduanya, perlu ditarik perhatian oleh kementerian ialah berhubung dengan faktor-faktor persekitaran termasuk hujan, jalan licin, tiada lampu jalan, tiada tanda had laju, jalan berlubang dan ini mewakili kira-kira 4.5%.

Yang ketiga ialah faktor-faktor mekanikal iaitu brek rosak, lampu isyarat rosak, tayar pancit, tetapi ini hanya mewakili kira-kira 1.3% sahaja.

Saya juga ingin mencadangkan kepada Dewan ini terutamanya Kementerian Pengangkutan supaya langkah-langkah diambil untuk mengatasi permasalahan ini terutamanya dalam musim cuti tidak berapa lama lagi. Permasalahan yang berkaitan dengan faktor kemanusiaan itu harus diambil perhatian dengan mengambil tindakan-tindakan pelbagai disiplin seperti psikologi pendidikan dan juga persekitaran geografi.

Dalam konteks ini juga sebenarnya kementerian telah melakukan pelbagai usaha, di antaranya melakukan Ops Sikap, Ops Statik dan lain-lain. Akan tetapi pelbagai usaha yang dilakukan itu kurang berkesan dan cenderung gagal mengawal jumlah kemalangan jalan raya yang berlaku dan semakin meningkat itu. Dan satu perkara ialah...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya mengikut ucapan Yang Berhormat tentang sikap. Jadi sikap ini, Yang Berhormat, memang di peringkat awalan ini kita mungkin adakan berbagai-bagai Ops untuk kebaikan pengguna kerana kadang-kadang yang tidak bernasib baik itu disebabkan oleh kegagalan atau ketidakcekapan pengguna atau pembawa kereta itu, maka yang tidak berdosa menjadi mangsa.

Jadi, saya mencadangkan dalam perkara ini supaya dimasukkan di kem-kem Latihan Khidmat Negara dan sebagainya ini yang dianjurkan oleh kerajaan dan juga di sekolah-sekolah ataupun badan-badan sukarela, ataupun badan-badan beruniform yang ada di sekolah ini mementingkan tentang keselamatan diri dan juga masyarakat sejangat dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sekarang dalam Kementerian Pengangkutan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pengangkutan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan pendidikan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini pengangkutan. Maknanya kita hendakkan modul ini diserahkan kepada Kementerian Pengangkutan, Pendidikan... *[Ketawa]* Diserapkan ke dalam cara kita membina atau membentuk rakyat Malaysia yang mementingkan diri kita dan juga masyarakat kita. Kita tidak mahu masyarakat kita ini hanya mementingkan diri dan menyebabkan orang-orang lain menghadapi masalah. Faham dah? *[Ketawa]* Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Setuju. Sepatutnya ini dimasukkan dalam kurikulum, bukan pendidikan di sekolah, tetapi di sekolah pemandu ini iaitu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai saya rasa tadi. Kita sokong.

Terutamanya yang hendak saya cadangkan di sini ialah tentang ujian psikologi itu penting dilakukan kepada para pemohon lesen memandu dan pemilik lesen memandu, setiap tiga tahun ataupun lima tahun sekali diuji kembali kecekapan mereka, terutamanya kita masukkan juga elemen-elemen psikologi ini sama ada mereka itu mempunyai sikap-sikap yang agresif.

Saya pernah lihat ada kaedah-kaedah kajian psikologi ini untuk menyukat *the anger management*...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat telah berucap selama tujuh minit. Adakah ia mencukupi?

Dato' Razali bin Ismail: Seminit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Razali bin Ismail: Ya. Seterusnya juga saya ingin mencadangkan tentang peralatan-peralatan kawalan, *remote sensing* iaitu *sensor* kelajuan kereta dan juga *sensor* jarak. Kalau terlalu dekat, itu senang, dia menghonggar kereta di hadapan.

Akhir sekali, satu perkara yang penting juga di sini ialah untuk kita memastikan persekitaran ataupun faktor-faktor jalan raya dari segi teknikal, dari segi bentuk geografi kawasan itu juga harus diambil perhatian.

Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Labuan.

5.10 ptg.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 02000 Pengangkutan Laut. Tuan Pengerusi, saya rasa perkara ini sudah masuk tahun keenam saya bercakap di Parlimen ini. Daripada tahun 2000 lagi rasanya saya sudah bercakap yang melibatkan masalah pengangkutan feri di antara Labuan dengan Menumbok. Jika sekiranya bukan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat lawatan kerja ke Labuan saya tidak akan membawa perkara ini, tetapi oleh kerana semasa memberi taklimat pembangunan di Labuan nampak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri marah kerana beliau tidak percaya bagaimana masalah feri ini yang begitu mudah tetapi tidak boleh diselesaikan oleh pihak Kementerian Pengangkutan hinggalah ke hari ini.

Saya rasa Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri adalah orang yang paling tepat kerana beliau cukup arif dengan masalah tersebut dan saya meminta supaya tempoh dua bulan maksimum yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk perkara ini dapat diselesaikan oleh pihak kementerian. Sebenarnya Tuan Pengerusi, ini kepentingan orang awam, saya tidak nampak kenapa perkara ini boleh sampai berlarutan dari tahun 2000 hinggalah ke-2004 masih tidak boleh diselesaikan.

Jadi, saya berkeyakinan dan saya cukup yakin dengan adanya menteri baru Menteri Pengangkutan, Timbalan Menteri Pengangkutan pun orang baru, orang yang cukup arif tentang masalah yang melanda nasib rakyat Labuan ini, saya berharap perkara ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua ialah Butiran 020300 Hal Ehwal Laut dan Pelabuhan. Saya telah pun menimbulkan perkara ini baru-baru ini, berhubung kait mungkin ada berlaku satu kesilapan di mana melibatkan pengurusan Pelabuhan Labuan di mana gudang milik Jabatan Laut disewakan kepada sebuah syarikat. Selepas itu bila mana diperkenalkan satu peraturan yang dipanggil *International Ship*

Port Security (ISPS), jika dilihat daripada sudut peraturan sepatutnya Jabatan Laut tidak boleh mewakilkan tugas tersebut kepada sipenyewa gudang untuk melaksanakan tugas-tugas ataupun pemantauan melalui ISPS tersebut.

Walau bagaimanapun, alasan yang begitu saya katakan terlampau *simple*, terlalu remeh untuk diberikan oleh Jabatan Laut kepada saya bahawa tidak cukup kakitangan adalah bukan satu jawapan yang tepat. Saya merayu kepada pihak kementerian supaya meminta Jabatan Laut mengambil semula urusan pemantauan ataupun pengendalian ISPS ini daripada syarikat swasta tersebut supaya ia tidak disalahgunakan.

Tuan Pengerusi, saya telah menerima *petition* daripada 160 *port operators* yang mana menderita gara-gara kesilapan Jabatan Laut Kementerian Pengangkutan menswastakan ataupun menyewakan gudang tersebut kepada sebuah syarikat di Labuan.

Saya mencadangkan selaku wakil rakyat kerana ia melibatkan kepentingan awam supaya pihak Kementerian Pengangkutan kalau boleh tarik balik, yang pertama penyewaan gudang yang diberikan kepada sebuah syarikat swasta, yang mana telah menyalahgunakan kepercayaan yang diberikan oleh pihak Jabatan Laut kepada syarikat tersebut sehingga menyebabkan barangan yang diperniagakan di Labuan naik harganya kerana mereka mengadakan kadar bayaran yang tinggi, *port charges* yang mahal berbanding dengan pelabuhan-pelabuhan yang lain.

Kedua, saya juga menerima laporan bahawa bila mana Jabatan Laut menyerahkan pengurusan ISPS *code* tersebut syarikat tersebut telah menyalahgunakan dengan mengugut syarikat-syarikat yang tidak mahu mengikut arahan mereka barang-barang mereka ditahan. Ini satu penyalahgunaan, saya telah pun melaporkan ke BPR supaya syarikat tersebut disiasat dan sekarang pun saya rasa BPR sedang membuat siasatan. Tetapi saya meminta pihak kementerian supaya lebih bertanggungjawab memastikan supaya hanya pegawai-pegawai yang bertauliah. Setahu saya dalam melaksanakan tugas ataupun peraturan yang diguna pakai oleh kerajaan, jabatan kerajaan dan agensi kerajaan hanya pegawai-pegawai kerajaan yang bertauliah sahaja yang dibolehkan. Tetapi ini syarikat yang kita tidak tahu asal-usul lembaga pengarahnya entah-entah *terrorist* kah, apakah diberikan mandat untuk melaksanakan ISPS *code* tersebut.

Jadi, Tuan Pengerusi saya mohon kepada pihak kementerian supaya dua perkara yang saya minta tadi, pertama feri itu tolonglah selesai, kedua ISPS code dan juga penyewaan gudang tersebut kalau boleh tarik balik, batalkan beri kepada Jabatan Laut untuk menguruskan, insya-Allah, saya rasa perkara ini akan selesai.

Dengan demikian, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Setiap Ahli berucap di peringkat Jawatankuasa selama lima minit. Yang Berhormat bagi Cheras.

5.16 ptg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Memandangkan masa yang terhad, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 060000 Pengangkutan Darat. Walaupun perkara yang saya ingin timbulkan adalah menyentuh lebih dari segi dasar tetapi saya berharap Tuan Pengerusi boleh mempraktikkan dasar fleksibiliti.

Tuan Pengerusi, dalam bajet yang akan datang tahun hadapan penumpuan akan diberikan di bidang pengangkutan ialah untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan pengangkutan awam, khususnya di Lembah Klang bagi tujuan mengurangkan kos perniagaan dan sebagainya.

Saya ingin menimbulkan di sini bahawa walaupun Syarikat Prasarana Negara Berhad telah ditubuhkan tetapi apa yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan bahawa syarikat ini akan dikendalikan oleh pakar-pakar yang mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang pengangkutan awam. Tetapi memandangkan pada masa dahulu dalam tahun 1980-an kerajaan telah melaksanakan dasar untuk menggabungkan semua syarikat bas di Lembah Klang bagi tujuan yang sama untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan pengangkutan awam tetapi langkah ini telah terbukti gagal dan perkhidmatan bas telah menjadi satu perkhidmatan yang kalau bukan dihina lebih tepatnya kurang disenangi oleh penumpang-penumpang atau pengguna-pengguna pengangkutan awam.

Saya rasa kali ini merupakan satu cabaran yang sangat besar bagi pihak kerajaan kerana pada beberapa tahun dahulu juga satu kempen berkongsi kereta juga gagal dan banyak langkah yang diambil tidak berhasil. Maka saya ingin mencadangkan di sini bahawa kerajaan harus juga menyemak semula dasar

pengangkutannya kerana pada tempoh 20 dekad yang lalu dasar pengangkutan yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah bertujuan menjual kereta nasional sahaja dan dalam perkataan lain pihak kerajaan yang melaksanakan dasar kereta nasional dan bukan dasar pengangkutan nasional.

Ini telah menimbulkan banyak masalah kerana pada hari ini, khasnya kesesakan lalu lintas dan ketidakcekapan pengangkutan awam telah menimbulkan masalah, misalnya kehilangan produktiviti, tahap tekanan lebih tinggi dan mutu kehidupan pun merosot, dan ini pada akhirnya akan menjejaskan pembangunan ekonomi.

Saya rasa kerajaan eloknya menggubal satu dasar pengangkutan nasional kerana pada tahun 70-an pun sudah ada disebut-sebutkan dalam Dewan ini, bahawa kerajaan memang menitik berat masalah ini dan adalah perlu, penting dan pada masa sekarang lebih genting lagi bahawa satu dasar pengangkutan kebangsaan atau nasional harus digubal kalau tidak ekonomi negara akan terjejas. Tetapi satu masalah yang saya ingin tegaskan di sini ialah tanpa dasar ini, banyak masalah pengangkutan tidak akan diselesaikan. Misalannya, kesesakan lalu lintas di kawasan-kawasan bandar, khasnya Lembah Klang adalah disebabkan kerana kelemahan pengangkutan awam dan bukannya keupayaan begitu ramai rakyat untuk memiliki kereta. Orang ramai tidak berminat lagi untuk

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Tan Kok Wai: ...menaiki bas atau bot-bot pengangkutan awam yang lain kerana ketidakberkesanan mereka. Maka, saya ingin menunjukkan satu kelemahan di sini yang harus diperbetulkan, iaitu pertindihan fungsi Kementerian Pengangkutan dengan kementerian yang lain, misalnya Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, kerana ketiga-tiga kementerian ini terlibat dalam soal pengangkutan.

Ekoran penubuhan SPNB, syarikat prasarana negara ini yang di bawah jagaan, kawalan EPU, Jabatan Perdana Menteri, adalah *latest addition* kepada pihak yang terlibat di dalam soal pengangkutan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Maka, saya harap pertindihan fungsi ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Muar.

5.23 ptg.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan mengambil masa yang sedikit sahaja dalam membahaskan Butiran 060000 – Pengangkutan Darat, secara khusus kepada Butiran 060200 – Pendaftaran dan Pelesenan Kereta Motor.

Kita mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk memperbaiki sistem lalu lintas dan mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan raya. Dengan Penubuhan Lembaga Pengangkutan Bandar (LPB) dan penubuhan *Klang Valley Urban Transport Authority*, dengan izin. Apa yang ingin saya bangkitkan, Tuan Pengerusi, ialah mengenai begitu banyak pendekatan yang digunakan di negara-negara lain dari segi penggunaan sistem cukai kenderaan.

Saya mengharapkan pihak kementerian dapat mengemukakan kepada Dewan tentang kajian yang telah dijalankan tentang sistem yang kita gunakan di negara kita ini, kerana apa yang ingin saya bangkitkan ialah mengapa tidak kita melihat pendekatan yang digunakan juga di negara-negara lain, dan jika kajian telah dibuat dapat kita berkongsi bersama di Dewan ini seperti yang digunakan di United Kingdom, penggunaan mengikut *mileage*, sebagai contoh. Ataupun penggunaan mengikut kadar pencemaran karbon dioksida, yang mana jumlah bayaran yang dikenakan di sekitar 15% hingga 35% kandungan karbon dioksida di dalam kenderaan yang digunakan. Ini bagi membolehkan pencemaran udara dapat dikurangkan dan penggunaan kepada kenderaan seperti ini, sebagai contoh, kereta Audi A2 1.5 petrol, dikenakan bayaran 100 pound setahun, berbanding dengan Audi A3 1.8 SE yang mana mempunyai kandungan karbon dioksida yang lebih tinggi, dikenakan bayaran 155 pound setahun. Ini sebagai salah satu contoh di mana kaedah boleh digunakan dalam kita mengenakan kadar cukai jalan.

Begitu juga dengan penggunaan mengikut *mileage, as per use*, dengan izin, maknanya berapa jauh kita guna kereta, begitulah ditetapkan kadar cukai jalan. Ini bagi membolehkan kita tidak menggunakan kenderaan kita secara suka-suka, kerana lebih banyak kita gunakan kenderaan, maka lebih tinggi kadar cukai jalan yang digunakan. Mungkin, agaknya dengan cara ini, kadar kesesakan dapat dikurangkan. Ini juga dapat membantu peminat pengumpul kereta-kereta antik, *vintage*, yang mana mereka terpaksa menggunakan kadar cukai jalan yang sekata, walaupun mereka hanya memiliki kereta ini sebagai simpanan ataupun sebagai hobi.

Jadi, dengan cara ini saya mengharapkan pihak kerajaan dapat memberikan satu perspektif agar dapat kita kongsi, adakah penggunaan kadar cukai jalan yang digunakan hari ini adalah yang terbaik dalam menyumbang kepada perkara yang saya nyatakan tadi, sama ada pencemaran alam sekitar ataupun kesesakan lalu lintas. Satu lagi contoh yang saya ingin sentuh dalam masa yang ada ini ialah tahun kenderaan itu dimiliki dalam kita mengenakan kadar cukai jalan raya, kerana ini juga digunakan di negara-negara maju seperti Jepun, Korea, yang mana pengguna akan melupuskan kenderaan ini dan dihantar kepada negara-negara kedua, ketiga, kerana penggunaan kereta baru, disebabkan kadar *road tax* atau cukai jalan yang semakin meningkat kepada kereta-kereta lama, menyebabkan kurangnya kadar kesesakan ataupun penggunaan kereta yang terlalu lama di jalan-jalan raya.

Jadi, perkara ini saya tidak adalah satu cadangan yang betul konkrit, cuma yang ingin saya dapatkan dari pihak kementerian untuk dikemukakan, sama ada perkara-perkara ini telah pun diambil pertimbangan dalam kita mengenakan atau menggunakan sistem cukai jalan raya yang sedia ada.

Akhir sekali, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian tentang perkara yang sama, iaitu cukai jalan raya, penggunaan *sticker* yang diperkenalkan tiga, empat tahun, kebelakangan ini. Kesan kepada penggunaan ini, dapat mengurangkan kadar penipuan cukai jalan kepada kenderaan.

Yang kedua, saya mendapat rungutan, masalah di mana apabila cermin kereta itu rosak, maka

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Razali bin Ibrahim: Maka cukai yang dilekatkan ini akan turut terkeluar. Yang kedua, sekarang ini digunakan apa yang dipanggil *v-cool* ataupun pengurangan cahaya, yang mana dilekatkan di cermin, di mana diletakkan cukai jalan terdahulu dan tidak boleh bawa keluar. Jadi, ini perkara sampingan yang saya ingin kemukakan. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

17.28 ptg.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin turut sama membahaskan kepala Bekalan B.28/P.28, Butiran 43007, Butiran 40000. Ini adalah berkenaan dengan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul

Halim, Alor Setar yang melibatkan kemajuan negeri sebelah utara, seperti Perlis dan Kedah, iaitu meningkatkan perdagangan melalui pengangkutan udara.

Sebenarnya lapangan terbang ini adalah sesuai untuk pesawat Boeing 737 dan yang kecil daripadanya untuk mendarat. Ia sempit dan terminalnya sempit, jadi oleh kerana itu

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, Yang Berhormat. Beri peluang Yang Berhormat sambung esok ini.

Tuan Hashim bin Jahaya: Boleh, boleh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya akan benarkan Yang Berhormat habiskan ucapan. *[Ketawa]*

Tuan Hashim bin Jahaya: Ya, terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi, saya berterima kasih kepada Kementerian Pengangkutan kerana telah meluluskan satu peruntukan untuk pengambilalihan tanah daripada penduduk-penduduk kampung dan seterusnya menyiapkan projek ini.

Pada tahun 2002, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah merasmikan majlis pecah tanah dan projek ini sekarang ini telah pun bermula dan saya difahamkan, masalahnya ialah dalam kajian oleh Kementerian Pengangkutan, jika benar projek ini apabila siap hanya boleh digunakan oleh pesawat-pesawat sebesar Mc Donald Douglas DC10 dan setaraf dengannya ataupun lebih kecil daripadanya.

Tetapi saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Pengangkutan mengkaji semula dan menambah besar lapangan terbang ini supaya boleh memuatkan pendaratan pesawat-pesawat sebesar Boeing 777 ataupun sekurang-kurangnya Boeing 747 supaya penambahbesaran lapangan terbang ini di masa hadapan tidak perlu dibuat lagi. Seperkara lagi ialah berkenaan dengan jadual penerbangan MAS yang laluan daripada Alor Setar ke Kuala Lumpur, saya mendapati bahawa dahulunya sebelum dikurangkan ada terdapat 6 penerbangan daripada pagi sehingga malam dan kini oleh sebab terdapat wabak SARS dan sebagainya telah dikurangkan kepada pukul 9.25 pagi, 3.00 petang dan 9.35 malam.

Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan supaya dikembalikan jadual dahulu iaitu 6 penerbangan daripada 6.50 pagi, 6.00 petang dan 11.50 malam supaya boleh meng*accomodate* ataupun memberi pengangkutan kepada penduduk-penduduk di Kedah dan Perlis...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, penjelasan, penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Jahaya: Saya serahkan kepada Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk negara apa salahnya, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa walaupun penerbangan dahulu kita ada enam penerbangan daripada Kuala Lumpur-Alor Setar, ini juga memberi daya tarikan kepada pelancong daripada Selatan Thai untuk masuk ke Kedah dan menaiki Penerbangan Malaysia ke Kuala Lumpur ataupun destinasi mereka ke Singapura melalui Perlis, melalui Bukit Kayu Hitam dan sebagainya.

Jadi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada pihak MAS ataupun penerbangan AirAsia ini supaya mereka mempertingkatkan dan memperbanyakkan lagi penerbangan kerana sekarang ini penerbangan kita tidak mencukupi lagi, Yang Berhormat Kuala Kedah.

Tuan Hashim bin Jahaya: Sebenarnya Yang Berhormat bagi Jerai itulah yang saya cadangkan. Kalau tidak ditambahkan lebih daripada enam penerbangan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Hashim bin Jahaya:ditambahkan lebih lagi. Untuk penggulungan, Tuan Pengerusi, saya memohonlah kepada kementerian ini supaya mengkaji semula jika benarlah DC10 sahaja boleh mendarat di atas pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Alor Setar, kita minta tambah diperbesarkan lagi kerana kerajaan negeri saya cukup yakin akan memersetujui pengambilan tanah yang sepatutnya untuk dilebarkan lagi dan lebih dipanjangkan lagi landasan tersebut supaya pesawat Boeing 737 atau Boeing 747 boleh mendarat dan sekurang-kurangnya boleh memberi keringanan kepada jemaah haji di utara untuk terus keluar

daripada Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim terus ke Mekah dengan menggunakan lapangan terbang tersebut. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Melaka, Yang Berhormat boleh berucap esok. Majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.